

DEWAN ديوان بهاس BAHASA

MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA

*Etika dan
Komunikasi
Berkesan*
**Penting dalam
Membina Imej Diri**

Dr. Wendy Lee

f Dewan Bahasa DBP
i @dewanbahasa
t 03-2011-1000

01... 12/0033

KK 489-81323-1223
ISSN 1811-8082



HADIAH IKHLAS

**Bahasa Warna:
Bahasa Tanpa Bicara**

**Industri Penterjemahan:
Imbuan 2023**



Rukun Negara

BAHAWASANYA NEGARA KITA
MALAYSIA MENDUKUNG CITA-CITA
HENDAK:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya.
- Memelihara satu cara hidup demokratik.
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama.
- Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi - tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak.
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- ✓ KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- ✓ KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- ✓ KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- ✓ KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- ✓ KESOPANAN DAN KESUSILAAN

روکون نگارا

بهاواسان نگارا کیت ملیسیا مندو کوغ جیتا ۲ هندق:

- منجاقاي فرقادوان یغ لبیه ارت دالم کالغن سلوروو مشارکتن.
- مملیهارا ساتو چارا هیدوف دموکراتیک.
- منجیقئا ساتو مشارکت یغ عادیل دمان کمعمورن نگارا اکن دافت دنعمی برسام سچارا عادیل دان سقسام.
- منجامین ساتو چارا یغ لیبرل ترهادف ترادیسې ۲ کیودایانن یغ کای دان ہرباکای-ہاکای جورق.
- ممینا ساتو مشارکت فرورکریسیف یغ اکن مٹگوناکن ساین من دان تیکنولوکی مودن.

مک کامی، رعیت ملیسیا، برقرار اکن منومفوکن سلوروو تناک دان اوسها کامی اونوق منجاقاي جیتا ۲ ترسبوت برداسرکن فرینسیف ۲ یغ برابکوت:

کفرچایان کفد توھن

کشیان کفد راج دان نگارا

کلرھورن فرلباکان

کدولن اوندغ ۲

کسوفنن دان کسوسیلان

KETUA PENGARAH
Dr. Haji Hazami Jahari

TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR)
Haji Md. Johari Hasan

TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
Zulfa Hamzah

PENGARAH PENERBITAN
Fauzilahyaton Mustafa
(fauzilah@dbp.gov.my)

.....

KETUA EDITOR
Dr. Rosmani Omar
(ros_omar@dbp.gov.my)

TIMBALAN KETUA EDITOR
Aninah Janang
(aninah@dbp.gov.my)

EDITOR
Yusaida Yusof
(yusaida@dbp.gov.my)

TIMBALAN EDITOR
Norsuhaila Ibrahim
(suhaila@dbp.gov.my)

PENTADBIRAN
Nor Fazliatul Akmar Che Rani,
Siti Hazlinda Mohd Zulkifli, Zaidi Mohd Salleh,
Wan Mohd Safuan Wan Ahmad@Wan Hassan,
Mohamed Radzuan Mohamed Noor

.....

URUSAN LANGGANAN
Bahagian Pemasaran dan Pengedaran, Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka, Lot 1037, Jalan AU3/1,
54200 Ampang/Hulu Kelang.
No. Telefon: 03-4101 0033 No. Faks: 03-4101 2019
E-mel: pp@dbp.gov.my
<http://www.facebook.com/DBPniaga> | <http://niaga.dbp.my>

**REKA BENTUK KULIT DAN
REKA LETAK HALAMAN**
Roszaini Yussof

DICETAK OLEH
Mihas Grafik Sdn. Bhd.
No.9, Jalan SR 4/19, Taman Serdang Raya,
43300 Seri Kembangan, Selangor
No. Telefon: 03-8942 9052, 03-8942 9053
No. Faks: 03-8942 9054



DBP

© Hak Cipta Dewan Bahasa dan Pustaka 2023

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Dewan Bahasa diterbitkan setiap bulan sejak Januari 2001. Sidang editor berhak menyunting tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat Dewan Bahasa dan Pustaka atau Dewan Bahasa dan Pustaka.

Segala sumbangan yang dikirinkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka haruslah bebas daripada sebarang isu hak cipta atau plagiat dan penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang isu yang terkait dengannya. Karya yang dikirinkan juga sama ada disiarkan ataupun tidak, tidak akan dikembalikan. Jika karya tidak disiarkan dalam tempoh enam bulan selepas dihantar kepada editor, karya itu dianggap tidak akan disiarkan. Sidang editor tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirinkan melalui pos.

Apabila mengirinkan sebarang tulisan, sila catat nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon dan nombor akaun Bank Islam Malaysia Berhad (jika ada). Tanpa maklumat ini, tulisan yang dikirinkan kepada kami tidak akan disiarkan. Sila nyatakan sama ada makalah yang dihantar kepada Dewan Bahasa juga dihantar kepada penerbit lain ataupun tidak.

PANDUAN PENULISAN MAJALAH DEWAN BAHASA

- Artikel atau karya kreatif perlulah bertemakan kebahasaan.
- Makalah hendaklah karya asli.
- Makalah hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu.
- Makalah hendaklah ditulis dalam bentuk penulisan untuk majalah, bukan dalam bentuk penulisan kertas kerja atau seumpamanya.
- Makalah hendaklah ditulis dalam tujuh ke lapan halaman.
- Makalah hendaklah ditaip langkau dua baris dengan huruf Arial bersaiz 12.
- Sebaik-baiknya makalah hendaklah disertakan dengan gambar foto, ilustrasi, jadual, rajah dan sebagainya yang disahkan status hak ciptanya.
- Sebarang rujukan hendaklah dimasukkan ke dalam teks seperti yang berikut:

1. Menurut Hashim Haji Musa dalam *Tatabahasa Dewan*,
2. Dalam kertas kerjanya, "Isu-isu Utama Sosiobudaya Bangsa dan Negara", Awang Sariyan....
3. Fatimah Ahmad dalam makalahnya, "Bahasa itu Jiwa Bangsa", berpendapat....

- Petikan daripada bahasa Inggeris atau bahasa lain hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.
- Istilah yang digunakan hendaklah berdasarkan istilah yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Setiap makalah yang dihantar (yang sama) tidak boleh dihantar kepada penerbit lain.
- Pengesahan artikel perlu dibuat oleh penulis – hasil tulisan sendiri.
- Penulis hendaklah menyertakan maklumat yang berikut apabila menghantar artikel, iaitu:

1. Nama penuh
2. Alamat
3. Nombor kad pengenalan
4. Nombor telefon
5. Nombor akaun bank
6. Nama bank





3

BICARA BAHASA
Warna-warni Bahasa
Yusaida Yusof

4

AGENDA BAHASA
Bahasa Warna: Bahasa Tanpa Bicara
Normasiska Ahmad

8

CUIT-CUIT BAHASA
Pak Kojek

10

CELIK BAHASA
Penghormatan kepada Bahasa Negara
Bagai Pahat dengan Tukul
Awang Sariyan

16

WACANA JAWI
Kata Ganda Berimbuhan
Munsiy Jawi



19

PUISI TRADISIONAL
Gurindam Islah Bahasa
Adam Buck Lee

20

PUISI
Kisah Penyair Pinggiran
Rosnani Ahmad

22

BAHASA DAN PENTERJEMAHAN
Industri Penterjemahan:
Imbauan 2023
Wan Halizawati Wan Mahmood

26

BAHASA DAN FALSAFAH
Bahasa sebagai Pemikiran
Mohd Tarmizi Hasrah

30

WAWANSABDA BAHASA
Etika dan Komunikasi Berkesan
Penting dalam Membina Imej Diri
– Dr. Wendy Lee
Rosli Mohd Nordin

36

DARIHAL BAHASA
Peribahasa Citra Akal Budi Bangsa
Zaidi Ismail

40

CERPEN
Rakabidona
Alias Ismail

44

BAHASA DAN SASTERA
Tuah Badan Datuk D. J. Dave
Siti Zaleha M. Hashim

48

DARIHAL BAHASA
Bahasa Melayu Bukan
Sekadar Kata
Mohd Januri Aiyub

52

BAHASA DAN PENDIDIKAN
Pendokumentasian Kamus yang
Berkaitan dengan Orang Asli
Mohamad Suhaizi Suhaimi
Noor Sahirah Md Nayan

56

ULASAN BUKU
Meneroka Keunikan Bahasa dan
Budaya Jepun
Aidil Azam

58

TENTANG BAHASA
Masaya Akong Makilala Ka
Athirah Ahmad

61

E-MEL PEMBACA
Perkataan yang Jarang-jarang
Didengar dalam Belanjawan 2024
Curi Tumpuan
Amirah Syazwani Baderol Sham

62

ULASAN BUKU
Himpunan Kata-kata yang Sesuai
untuk Rima Pantun
Ariffin Ruba'ai

64

ISTILAH SEMASA



Konsep, Penata Gaya dan Pengarah Seni
@roslimn_
Jurufoto, Juruvideo dan Editor Visual
Azrul Azizi Azizi/@azrul_azizi_aziz
Muhammad Iqmal Azri Ruslan (Pelatih UiTM)
Pembantu Penerbitan
Muhammad Afiq Farhan Hanifah
(Pelatih UiTM)/@afiqfhran
Lokasi
Studio Rimbun Gasing

Warna-warni Bahasa

*“Hitam-hitam si tampuk manggis,
Bunga kemuning luruh di hulu;
Hitam-hitam kupandang manis,
Putih kuning tinggal dahulu.”*

Demikian contoh pantun yang bertemakan kasih sayang daripada buku *Kurik Kundi Merah Saga* yang merakamkan unsur warna dalam pembayang serta maksud pantun, sekali gus memberikan maksud yang tersendiri. Dalam budaya dan pandangan hidup orang Melayu ada makna tertentu sebalik warna. Banyak kajian, dapatan dan pandangan yang diketengahkan mengenai warna dalam budaya Melayu.

Dalam khazanah bahasa Melayu juga terdapat beberapa peribahasa yang menggunakan warna. Contohnya, “Biar berputih tulang jangan berputih mata” (lebih baik mati daripada menanggung malu) dan “Hitamagak tiada siapa yang mencelupnya” (orang yang berbuat jahat dengan kehendak sendiri). Hitam dan putih mengandungi pelbagai lambang. Namun begitu, banyak lagi maksud yang tersirat dalam pelbagai jenis warna lain yang ada.

Sebenarnya banyak perkara yang menarik apabila membicarakan perihal warna, peranan dan kesannya kepada kehidupan sehari-hari. Pengaruhnya besar yang menggambarkan atau melambangkan suatu bentuk bahasa tersendiri yang membolehkan seseorang itu berkomunikasi, menyampaikan maklumat atau memberikan mesej tertentu. Dengan kata lain, warna menempatkan unsurnya sebagai sebahagian daripada simbol untuk menyampaikan cerita dan nilai. Setiap warna memiliki makna dan mempunyai simbol tersendiri yang mampu mempengaruhi persepsi, menyentuh emosi atau membuat keputusan.

Dalam buku *Colour Psychology Today* (2016) karya June Mcleod menyatakan bahawa warna ialah medium yang berkuasa yang memainkan peranan yang penting dalam evolusi serta menjadi asas hubungan sesama manusia. Selain

itu, warna memainkan peranan yang penting dalam aspek budaya, sama ada dari segi estetika ataupun simbol. Demikian menurut Syed Ahmad Jamal dalam bukunya yang berjudul *Rupa dan Jiwa* (2010, cetakan kedua). Oleh itu, warna sememangnya memainkan peranan yang penting dalam berkomunikasi. Betapa uniknya warna dan maksudnya berbeza bagi setiap budaya dan negara.

Sementara itu, ada penyelidik yang mengaitkan warna dengan makna tertentu. Konsep warna berbeza-beza mengikut pandangan dan pengalaman sesebuah masyarakat. Banyak budaya dapat dibezakan melalui jenis dan variasi makna daripada warna. Dengan kata lain, ada falsafah yang tersendiri melalui warna. Pengaruh warna dapat dilihat dalam pelbagai bidang seperti industri makanan, industri perbankan, penerbangan, kesihatan dan hospital, perundangan dan kehakiman, sukan, adat dan agama.

Walau bagaimanapun, awas kerana jika tersilap menginterpretasikan warna dalam sesuatu budaya, hal ini dapat mengakibatkan salah faham dan menjadi halangan kepada komunikasi yang efektif. Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk mengetahui serba sedikit tentang budaya masyarakat lain agar memudahkan urusan berkomunikasi. Oleh itu, bahasa warna memang menarik dan tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan yang menterjemahkan pelbagai makna. **DB**



Yusaida Yusof

yusaida@dbp.gov.my

Bahasa Warna

Bahasa Tanpa Bicara

stiadat pemakaman pemerintah yang paling lama dalam sejarah dunia moden, iaitu Ratu Elizabeth II, pada 19 September 2022 menyaksikan warna gelap melatari suasana sepanjang upacara tersebut. Yang paling ketara, lebih daripada 500 orang pemimpin dunia dan orang kenamaan yang hadir turut memilih warna hitam sebagai busana mereka.

Majalah *The Atlantic* dalam rencananya yang bertajuk "Sejarah Elitis Memakai Hitam ke Pengebumian" menyatakan bahawa perarakan pengebumian Ratu Elizabeth II yang disaksikan oleh jutaan penonton di seluruh dunia itu akan kekal menjadi ingatan banyak orang kerana dalam kemegahan upacara itu, pakaian diraja tetap menjadi perhatian. Selain berpakaian tentera, kesemua keluarga diraja itu memakai pakaian berwarna gelap (hitam dan biru gelap) yang kemas tetapi ringkas.

Apakah maksud di sebalik warna hitam dalam upacara pengebumian? Memakai pakaian berwarna gelap untuk berkabung sebenarnya sudah lama menjadi tradisi di kebanyakan negara Barat, khususnya di kebanyakan negara Eropah dan Amerika Utara. Perkaitan antara warna hitam dengan kematian orang yang tersayang sebenarnya sudah berabad-abad lamanya diamalkan dan dipercayai bahawa tradisi itu berasal sejak zaman empayar Rom lagi.

Walau bagaimanapun, yang paling ketara adalah selepas kemangkatan putera diraja Eropah Sachsen-Coburg and Gotha, iaitu Francis Albert, pada tahun 1861. Pada ketika itu, pakaian berwarna hitam mula mendapat populariti dunia Barat sebagai sebahagian daripada busana untuk upacara pengebumian. Permaisuri Victoria yang merupakan isteri Putera Francis sangat berduka dengan kematian suaminya sehingga mengambil keputusan untuk memakai busana berwarna hitam sebagai menandakan bahawa dirinya seorang janda yang berduka sehingga beliau meninggal dunia 40 tahun kemudian, iaitu pada tahun 1901.

Kisah Permaisuri Victoria ini menyebabkan masyarakat di United Kingdom pada ketika itu turut memakai pakaian berwarna hitam untuk tempoh masa yang tertentu selepas pasangan mereka meninggal dunia. Adalah menjadi etika sosial bagi seorang isteri untuk memakai pakaian berwarna hitam selama satu hingga dua tahun selepas kematian suaminya. Sementara itu, bagi lelaki pula, mereka akan memakai pakaian berwarna hitam hanya untuk tempoh tiga hingga enam bulan.

Warna hitam menjadi popular bukan sahaja untuk pakaian yang dipakai, tetapi juga barangan perhiasan. Keadaan ini menyebabkan barangan kemas berupa batu jod berwarna hitam turut popular pada zaman Victoria yang “wajib” dipakai sebagai barangan kemas untuk upacara pengebumian dan berkabung.

Dalam kebanyakan upacara pengebumian di Barat, para tetamu mengambil pendekatan tidak banyak berbicara, sebaliknya mengekspresikan kesedihan dan kebersamaan mereka dengan waris si mati melalui penampilan mereka (memakai pakaian berwarna hitam atau biru gelap) sebagai mewakili bahasa perasaan mereka dengan harapan agar waris si mati mengetahui bahawa mereka tidak bersendirian dalam melalui kesedihan kehilangan ahli keluarga yang tersayang.

Di Malaysia, rakyat secara umumnya tidak terikat dengan sebarang peraturan warna yang diwajibkan dalam upacara pengebumian, kecuali mengikut kepercayaan agama dan budaya masing-masing (jika ada). Walau bagaimanapun, terdapat kod pakaian yang wajib dipatuhi sekiranya berlaku kemangkatan dalam pimpinan istana dan kerabat istana.

Pada 29 Mei 2014, Pejabat Menteri Besar Perak mengeluarkan kenyataan berhubung dengan garis panduan berpakaian bagi orang ramai yang ingin memberikan penghormatan terakhir kepada jenazah Baginda Almarhum Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, yang mangkat pada 28 Mei 2014. Dalam kenyataan itu, lelaki Islam perlu memakai pakaian kebangsaan berwarna gelap, bersamping warna gelap tanpa corak benang emas atau perak, serta bersongkok hitam dengan lilitan kain putih atau reben selebar satu inci.

Sementara itu, bagi lelaki bukan Islam perlu memakai sut berwarna gelap dengan bertali leher hitam atau berseluar panjang dan berbaju lengan panjang dengan dililit kain hitam (toha) berukuran tiga inci lebar di lengan baju lengan kiri.

Bagi perempuan Islam pula perlu berbaju kurung atau berkain sopan dan bertudung hitam. Bagi perempuan bukan Islam, hendaklah berpakaian sopan serta memakai lilitan toha berukuran tiga inci lebar di lengan baju kiri.

Selain warna hitam, warna putih juga dikaitkan dengan perlambangan kesedihan bangsa di Eropah. Pada abad ke-16, di Perancis, warna putih dipakai oleh kanak-kanak yang berduka dan wanita yang belum berkahwin. Trend ini diteruskan oleh keluarga diraja apabila Ratu Scotland, Mary Stuart memakai pakaian berwarna putih selepas kehilangan beberapa orang ahli keluarganya dalam tempoh yang singkat.

Sementara itu, Ratu Victoria turut meninggalkan wasiatnya dengan meminta agar dirinya dipakaikan penutup muka berwarna putih pada istiadat pengebumiannya. Hal ini banyak dikaitkan dengan kepercayaan bahawa akan ada





kehidupan baharu selepas kematian dan dirinya bakal beroleh ketenangan lebih-lebih lagi selepas beliau hanya memakai pakaian berwarna hitam (sebagai tanda bergabung) selama empat dekad selepas kemangkatan suaminya, Putera Francis.

Bahasa warna tidak hanya terhad pada upacara pengubuman sahaja atau kesedihan semata-mata, tetapi dapat dilihat dalam kesemua aspek kehidupan manusia termasuklah kejayaan, kemegahan, kegembiraan, kebahagiaan, perpaduan dan penyatuan.

Bahasa warna dalam perniagaan dipercayai menjadi antara penentu kejayaan dan kemegahan. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa warna memainkan peranan yang penting dalam jenama yang dibangunkan agar dapat menarik perhatian dan dipercayai oleh pengguna. Sama ada jenama fesyen yang cuba berhubung dengan khalayak muda atau kedai bekalan perubatan yang cuba mengukuhkan kepercayaan dalam kalangan pelanggan, seseorang ahli perniagaan harus mempelajari bahasa di sebalik warna untuk membantu menghubungkan perniagaan mereka dengan pelanggan – mudah diingati, difahami, diyakini, dipercayai dan digunakan.

Dalam hal ini, bahasa warna boleh digunakan untuk membantu membina jenama yang kukuh dalam perniagaan. Sebagai contoh, seluruh dunia mengenali logo kumpulan syarikat penerbangan AirAsia yang berwarna merah berbanding dengan logo asal penerbangan ini

yang berwarna biru, putih dan hijau yang digunakan oleh syarikat penerbangan tersebut sejak tahun 1996 sebelum ditukar kepada lakaran tulisan ringkas AirAsia yang berwarna merah pada tahun 2002. Meskipun sudah empat kali syarikat penerbangan ini menukar logonya, namun warna merah masih tetap dikekalkan hingga kini.

Ada apakah dengan warna merah? Menurut laman rasmi AirAsia, identiti visual syarikat penerbangan itu kebanyakannya bergantung pada warna merah yang pekat dan bersemangat, yang melambangkan dinamisme dan membezakannya daripada pesaingnya dan seterusnya meletakkan AirAsia sebagai syarikat yang berkuasa dan progresif hingga kini.

Hakikatnya, bahasa warna boleh digunakan untuk mempengaruhi cara orang berfikir dan bertindak terhadap jenama baharu dalam perniagaan. Lebih penting lagi, warna dapat membantu pelanggan mentafsirkan sebarang maklumat yang dilihat. Dalam perniagaan, warna pemasaran seperti merah dipercayai merupakan bahasa warna yang paling menarik perhatian. Hal ini dikatakan demikian kerana warna merah dikaitkan dengan keseronokan, keghairahan, bahaya, tenaga dan tindakan.

Maka itu, sesetengah jenama menggunakan warna merah untuk butang “pesan sekarang” untuk menarik perhatian. Dalam psikologi warna, merah merupakan warna yang paling menonjol dan boleh mencetuskan emosi yang paling kuat. Tidak hairanlah apabila merah menjadi warna yang ikonik



digunakan untuk pelbagai jenama seperti Coca Cola dan YouTube.

Warna juga dikaitkan dengan lambang kepimpinan. Terdapat empat jenis warna personaliti kepimpinan utama, iaitu merah, kuning, hijau dan biru. Keempat-empat warna ini mempunyai bahasa warnanya yang tersendiri. Dalam psikologi kepimpinan, warna merah biasanya melambangkan keazaman untuk terus maju ke hadapan.

Sementara itu, warna kuning dikatakan membawa perlambangan motivasi, semangat, seorang yang gemar bersosial dan warna yang memberikan inspirasi. Warna hijau merupakan simbol kepada kesabaran, penyayang, santai dan penyayang. Biru pula banyak dikaitkan dengan kepimpinan yang logik, tersusun tenang, sejuk dan mantap.

Dalam laporan BBC ada menyatakan bahawa pemilihan warna tali leher kebanyakan pemimpin dunia adalah bahasa warna yang mewakili kepimpinan yang ingin ditonjolkan. Sebagai contoh, pemilihan tali leher yang berwarna merah dikaitkan dengan cita-cita, keazaman, kekuatan dan semangat. Maka itu, tidak hairanlah kebanyakan pemimpin dunia pada hari ini lebih gemar memilih tali leher berwarna merah dalam majlis rasmi yang dihadiri dengan pemimpin dunia yang lain. Pemilihan tali leher berwarna biru pula melambangkan kebolehpercayaan dan kecerdasan. BBC meletakkan warna biru sebagai warna yang paling selamat untuk dipakai.

Selain bahasa warna dalam kepimpinan, warna juga membawa pengertian yang sangat penting untuk setiap negara di dunia, iaitu menerusi bendera negara masing-masing. Setiap bendera negara mempunyai maksud yang tersirat dan tersurat. Di Malaysia, Jalur Gemilang menjadi lambang kepimpinan, simbol penghormatan, martabat dan kedaulatan bagi sesebuah negara. Warna merah pada jalur membawa makna gagah berani dan warna putih pula membawa makna suci murni. Warna kuning yang digunakan pada bulan dan bintang merupakan warna diraja yang melambangkan Raja-Raja

Melayu. Gabungan tiga warna utama, iaitu merah, putih dan biru pula melambangkan setia kawan Persekutuan Tanah Melayu dan United Kingdom, serta penyatuan Tanah Melayu dengan Negara-negara Komanwel.

Pada zaman dahulu, bendera putih membawa konotasi yang berbeza daripada hari ini. Dipercayai bahawa bendera putih akan digunakan sebagai lambang menyerah diri dalam banyak peperangan, iaitu sejak 25 Masihi hingga 220 Masihi atau mungkin lebih awal dari itu. Walau bagaimanapun, hal ini berbeza pada hari ini apabila mengibarkan bendera putih yang banyak dikaitkan dengan tujuan meminta pertolongan, antaranya termasuklah ketika negara dilanda oleh pandemik COVID-19. Pada ketika itu, banyak pihak mempromosikan kempen “Kibarkan bendera putih” untuk memastikan pihak yang terkesan dengan COVID-19 mendapat bantuan yang sewajarnya. Ternyata kempen tersebut mendapat sokongan banyak pihak yang pada akhirnya berjaya membantu individu yang terkesan tetapi malu untuk menyatakannya secara terbuka. Selain itu, kempen tersebut juga dapat mendidik masyarakat supaya peka terhadap kesusahan yang dihadapi oleh jiran di sekeliling mereka.

Ternyata bahawa bendera membawa maksud yang pelbagai. Hal yang demikian juga dengan bendera enam jalur, iaitu berwarna merah, oren, kuning, hijau, biru, dan ungu yang menimbulkan pelbagai polemik di seluruh dunia. Bendera yang direka oleh Gilbert Baker pada lewat 1970-an itu dikenali sebagai bendera pelangi yang mewakili komuniti

lesbian, gay, biseksual, dan transgender (LGBT). Meskipun warna bendera tersebut dikatakan lambang kebebasan kumpulan ini, namun banyak negara di dunia menolak LGBT, sekali gus menolak bendera dan sebarang simbol yang memaparkan enam warna ini. Hal ini termasuklah Malaysia yang tidak pernah berganjak dengan pendirian terhadap golongan LGBT, iaitu tidak membenarkan gender ketiga di negara ini.

Kini, banyak sekolah di dunia mengharamkan bendera LGBT. Pada September lalu, dua ahli lembaga sekolah di California mengundi untuk mengharamkan bendera LGBT dikibarkan di bilik darjah mahupun di kawasan sekolah. Banyak juga kejadian membakar bendera pelangi dibuat oleh pihak yang tidak bersetuju dengan LGBT. Terbaharu, seorang wanita berusia 30 tahun membakar bendera pelangi yang dikibarkan di sebuah restoran di New York.

Pada hakikatnya, warna mempunyai perlambangan yang pelbagai. Warna juga membawa pelbagai emosi yang ditafsirkan mengikut pelbagai ruang lingkup dan konteks kehidupan manusia. Pada hari ini, warna hitam tidak lagi menjadi warna tabu untuk digunakan dalam majlis perkahwinan atau pakaian seharian khususnya untuk wanita kerana warna hitam bukan lagi warna “malang” atau warna “kesedihan” tetapi hitam kini dianggap sebagai warna yang elegan dalam dunia fesyen. Maka itu, tidak hairanlah jika warna hitam dianggap sebagai warna yang memiliki kelas yang tersendiri dan sering menjadi pilihan kebanyakan pereka fesyen tersohor dunia.

Meskipun bahasa warna tidak dituturkan, tetapi warna membawa pengertian yang terpenting dan pelbagai dalam kehidupan manusia kerana banyak pakar psikologi yang percaya bahawa hidup tanpa warna umpama hidup tanpa makna. **DB**





Pak Kojek

Kartunis dan Penggiat Seni Budaya.














HARGA BAHARU, KUALITI TERBAIK

Majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 2024 menampilkan:

- Isu yang lebih menarik
- Kupasan yang lebih menyeluruh
- Kandungan yang padat dengan ilmu pengetahuan
- Bahan pembelajaran yang terus menjadi rujukan masyarakat sejak tahun 1963


DEWAN SASTERA
DAN
DEWAN BAHASA
KEMBALI DIJUAL!




| MAJALAH BERCETAK | HARGA SEMENANJUNG (RM) | HARGA SABAH DAN SARAWAK (RM) | MAJALAH DIGITAL (RM) |
|---|------------------------|------------------------------|----------------------|
|  DEWAN BAHASA MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA | 11.00 | 11.50 | 8.00 |
|  Dewan Sastera KUALITI BAHASA BERTAMBAH | 10.00 | 10.50 | 7.00 |
|  Dewan Masyarakat | 9.00 | 9.50 | 6.00 |
|  Dewan Siswa | 7.00 | 7.50 | 5.00 |
|  DEWAN PELAJAR | 5.00 | 5.50 | 4.00 |
|  Pelita Bahasa WADAH KESEMPURNAN BAHASA | 8.00 | 8.50 | 6.00 |
|  DEWAN Budaya | 10.00 | 10.50 | 7.00 |
|  dewan Kosmik PENERBITAN SAINS BAHASA MELAYU | 10.00 | 10.50 | 7.00 |
|  DEWAN EKONOMI Majalah Ekonomi Melayu | 11.00 | 11.50 | 8.00 |
|  Tunas Cipta Sastera Berprestasi Baharu | 8.50 | 9.00 | 6.00 |
|  DEWAN TAMADUN Islam | 11.00 | 11.50 | 8.00 |

Untuk urusan langganan, sila hubungi pegawai pemasaran menerusi:

 +603 4101 0016/0033

 pp@dbp.gov.my

 DBPniaga.my

 www.facebook.com/DBPniaga



Awang Sariyan

Ahli Dewan Negara Parlimen
Malaysia.

Penghormatan kepada Bahasa Negara

Bagai Pahat dengan Tukul

Agak gempar beberapa hari apabila media menyiarkan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 25 Oktober 2023 ketika melancarkan Dekad Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan 2023 di Universiti Multimedia, Cyberjaya. Bahagian ucapan Perdana Menteri yang agak menggemparkan itu berkaitan dengan arahan agar surat yang tidak ditulis dalam bahasa kebangsaan tidak perlu dilayan dan dikembalikan kepada pengirimnya. Teguran beliau dalam nada yang lunak berbunyi, “Terdapat sikap yang dirasakan ‘terlajak’ atau ‘terpesong’ oleh beberapa pihak yang sering kali cuba meninggalkan asas Perlembagaan Persekutuan untuk berhubung dengan jabatan kerajaan dalam bahasa kebangsaan”.

Tindakan tidak melayan surat rasmi dalam bahasa selain bahasa Melayu, menurut ingatan saya, pernah dilaksanakan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kedua, Tun Syed Nasir Ismail pada hujung tahun 1950-an atau awal tahun 1960-an. Teguran itu rasanya ditujukan kepada pihak swasta yang mengutus surat kepada jabatan atau agensi kerajaan dalam bahasa lain daripada bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Namun begitu, dalam sektor awam pun kesungguhan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara masih menjadi isu. Berdasarkan pengalaman dan pemerhatian umum, masih ada Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang tidak mengamalkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa untuk urusan rasmi.

Isu yang biasa ditimbulkan dan tidak menjadi rahsia lagi ialah pengendalian mesyuarat dalam bahasa asing, khasnya bahasa Inggeris atau dalam bahasa rojak, iaitu bahasa Melayu yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa di tempat awam, sama ada iklan, nama bangunan, nama kawasan perumahan, pentadbiran atau perniagaan

merupakan satu lagi contoh yang ketara tentang isu kurangnya penghormatan pihak tertentu kepada bahasa negara. Pemantauan DBP sejak sekian lama terhadap dokumen rasmi kerajaan pula menunjukkan adanya masalah mutu bahasa Melayu yang digunakan.

Dengan lebih bersistem dan telus, Program Audit Bahasa Melayu DBP di badan-badan kerajaan peringkat persekutuan dan negeri sejak tahun 2013 menunjukkan bukti yang sahih bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara masih berhadapan dengan tantangan. Tantangan atau cabaran yang terbesar ialah sikap tidak peka atau tidak cakna akan kemuliaan bahasa negara. Meskipun hasil pengauditan yang dilakukan itu tidak sampai di tahap yang sangat buruk, masih banyak lubang yang perlu dikambus untuk memantapkan taraf dan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Dua aspek utama diaudit oleh DBP, iaitu aspek tahap pelaksanaan penggunaan bahasa Melayu dan aspek mutu bahasa Melayu yang digunakan dalam pelbagai dokumen rasmi kerajaan.

Dalam aspek tahap, penilaian menunjukkan tahap penggunaan bahasa Melayu yang tinggi dan memuaskan di hampir semua kementerian, jabatan dan agensi yang dinilai. Namun begitu, penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi lisan rasmi masih tidak memberikan gambaran yang memuaskan kerana masih banyak mesyuarat yang berlangsung dalam bahasa asing atau bahasa yang bercampur baur antara bahasa Melayu dengan bahasa asing. Masih ada laporan, kertas cadangan dan taklimat yang disampaikan dalam bahasa asing. Demikian juga wacana lisan rasmi di media elektronik, ucapan dan perbincangan yang berlangsung dalam bahasa asing. Majlis rasmi di peringkat negara pun sebahagiannya dalam bahasa asing, apatah lagi majlis yang bertaraf antarabangsa yang sama sekali tidak menyisipkan penggunaan bahasa negara, tidak seperti di kebanyakan negara lain.

Berbalik kepada dapatan Program Audit Bahasa Melayu oleh DBP, aspek kedua yang berkaitan dengan mutu bahasa Melayu dalam pelbagai dokumen menunjukkan wujudnya keadaan yang kurang memuaskan dalam soal tatabahasa, ejaan, istilah dan pilihan kata.

Salah satu pengalaman peribadi yang cukup segar dalam ingatan saya adalah dalam majlis penyampaian watakah Penyandang Pertama Kursi Pengajian Melayu di Republik Rakyat China pada tahun 2007. Pengacara majlis mengendalikan majlis dalam bahasa Inggeris. Doa pun dibaca dalam bahasa Inggeris walaupun yang hadir ialah perwakilan negara Republik Rakyat China dan warganegara Malaysia. Saya telah mengingatkan agar bahasa Melayu diutamakan, sekalipun mungkin bahasa Inggeris perlu digunakan. Namun begitu, semua teks ucapan bagi pihak Malaysia dalam bahasa Inggeris. Keadaan menjadi kelam-kabut sedikit apabila Timbalan Duta Republik Rakyat China berucap dalam bahasa Melayu. Beliau pernah menjadi mahasiswa Jurusan Bahasa Melayu di Universiti Pengajian Asing Beijing, tempat saya dihantar sebagai penyandang Kursi Pengajian Melayu. Saya dapati Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dan Menteri Pendidikan Tinggi tersenyum-senyum, tetapi bukan tersenyum kerana gembira, sebaliknya berasa terkejut dan terpaksa mencoret-coret sesuatu dalam bahasa Melayu pada teks ucapan yang asalnya dalam bahasa Inggeris. Syukur akhirnya semua ucapan orang besar negara disampaikan dalam bahasa Melayu kerana telah “disedarkan” oleh Timbalan Duta Besar negara asing itu. Hingga kini, pengabaian bahasa Melayu dalam majlis rasmi negara yang bertaraf antarabangsa atau majlis negara yang dihadiri oleh warga asing, kadang-kadang dengan jumlah yang kecil, masih menjadi amalan biasa yang tidak menimbulkan rasa bersalah kepada orang Malaysia sendiri.

Berbalik kepada dapatan Program Audit Bahasa Melayu oleh DBP, aspek kedua yang berkaitan dengan mutu bahasa Melayu dalam pelbagai dokumen menunjukkan wujudnya keadaan yang kurang memuaskan dalam soal tatabahasa, ejaan, istilah dan pilihan kata. Sementara itu, keghairahan menciptakan jenama

CELIK BAHASA

perkhidmatan, institusi, produk dan aplikasi dalam bahasa asing agak ketara. Contohnya, walaupun nama rasmi kementerian tertentu dalam bahasa Melayu, singkatannya dalam bahasa Inggeris lebih popular penggunaannya, termasuk oleh pemimpin dan penjawat awam. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negara, misalnya lebih popular dengan MOTAC; Kementerian Sains dan Teknologi lebih popular dengan nama singkatnya MOSTI, Kementerian Perdagangan Antarabangsa lebih dikenal sebagai MITTI, dan Kementerian Kewangan dengan singkatannya MOF.

Nama kawasan perumahan dan kompleks perniagaan bercambah dengan sebahagian namanya dalam bahasa asing sehingga ada masanya terasa bahawa kita berada di negara asing. Di pusat pentadbiran kerajaan di Putrajaya, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya baru mendapat tempat setelah bertahun-tahun PICC terpampang megah dan pejuang bahasa sering menimbulkan isu itu sehingga akhirnya Perbadanan Putrajaya mengambil daya usaha meletakkan nama lengkapnya dalam

bahasa Melayu. Namun begitu, nama kawasan seperti *presint* dan *parcel* masih kekal dipaparkan di pusat pentadbiran negara. Daripada maklumat orang dalam di Perbadanan Putrajaya, kedua-dua istilah itu asalnya digunakan dalam pelan pembangunan kawasan, bukan nama khas yang ditetapkan untuk menunjukkan kawasan. Syukur *boulevard* telah ditukar menjadi “persiaran” setelah desakan demi desakan dibuat, termasuk dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu.

Nama pelbagai institusi dalam bahasa asing banyak yang digunakan, seperti ROY (Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia), Agensi Anti-Doping Malaysia, i-LEAD (Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan), MQA (Agensi Kelayakan Malaysia), AKEPT (Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi), EMGS (Education Malaysia Global Services) dan banyak lagi, di samping banyak yang dalam bahasa kebangsaan. Program badan kerajaan yang namanya dalam bahasa asing tidak kurang banyaknya. Ada Program Neon Night Fun Run and Run Walk, Kempen Go Cashless

KKMM, PICKKidss (Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak dan banyak lagi yang jika disenaraikan nescaya besar jumlahnya.

Teguran dan arahan Perdana Menteri berkaitan rapat dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 162(6) yang menetapkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di tiga lapis pentadbiran negara. Tiga lapis pentadbiran negara itu ialah kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa awam. Ketetapan itu amat jelas, namun pelaksanaannya hingga negara telah merdeka lebih 66 tahun ternyata masih belum memuaskan dan arahan perlu dikeluarkan oleh Perdana Menteri. Apakah peranan penjawat awam, khasnya pemimpin institusi sektor awam dalam penguatkuasaan dasar negara yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan? Adakah dasar bahasa negara tidak sepenting dasar yang berkaitan dengan pembangunan fizikal? Pelecehan akan dasar yang mewakili jiwa warganegara menggambarkan sikap tidak cakna akan pembangunan seimbang dan holistik. Sektor awam



Di pusat pentadbiran kerajaan di Putrajaya, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya baru mendapat tempat setelah bertahun-tahun PICC terpampang megah.

perlu merancang mekanisme yang berkesan untuk memastikan dasar bahasa negara dipenuhi dengan bersungguh-sungguh.

Arahan Perdana Menteri agar sektor swasta turut mengamalkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa negara merupakan satu lonjakan kepada martabat bahasa Melayu. Meskipun Perlembagaan Persekutuan tidak menetapkan penggunaan bahasa dalam sektor swasta di negara ini, arahan Perdana Menteri perlu disusuli dengan tindakan positif penggerak sektor swasta. Kejayaan dan kekayaan yang diraih dalam bidang ekonomi di negara ini perlu disyukuri dan dihargai dengan membantu kerajaan

kebangsaan. Pernah dilaporkan adanya syarikat yang didenda kerana tidak mengutamakan bahasa Perancis dalam laman sesawangnya.

Dalam bidang pendidikan, khasnya pendidikan tinggi, nilai bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi belum cukup memuaskan, bahkan dalam hal tertentu mendukacitakan. Laporan pelaksanaan Pelan Pemartabatan Bahasa Melayu di IPTA yang mula digerakkan pada tahun 2011 menunjukkan bahawa dasar mengimarahkan bahasa Melayu di peringkat pendidikan tinggi belum mencapai sasaran walaupun kerajaan telah menetapkan tahun 1983 sebagai tahun permulaan

pengiktirafan. Taraf IPT dalam sistem penarafan (ranking) antarabangsa terjejas apabila penerbitan dalam kategori itu tidak dipenuhi.

Akhirnya, ahli akademik di negara ini berlumba-lumba menulis karya ilmiah dalam bahasa Inggeris atau mengusahakan terjemahan karya dalam bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris untuk mendapat tempat dalam wadah penerbitan tersohor dunia. Rancangan pengayaan khazanah ilmu dalam bahasa Melayu dengan sendirinya terencat apabila ahli akademik tidak terdorong menulis karya ilmiah dalam bahasa Melayu.

Mudah-mudahan dengan pelan baharu 2023-2030 yang baru



melaksanakan dasar-dasar negara dengan berkesan, termasuk dasar yang berkaitan dengan bahasa, kebudayaan dan pendidikan. Dasar-dasar negara selain dasar ekonomi itu penting sebagai bahagian yang membina warganegara yang bersatu padu dan bersemangat patriotik.

Di sejumlah negara yang pernah saya kunjungi, dasar bahasa kebangsaan ditegaskan dalam semua sektor. Di Republik Rakyat China, Jepun, Korea, Perancis, Belanda dan bahkan di Thailand dan di Indonesia, bahasa negara mendapat tempat yang sewajarnya dalam sektor swasta. Di negara Perancis, misalnya, badan bahasa kebangsaan diberi wibawa mengambil tindakan kepada pihak swasta yang meremehkan bahasa

bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perkuliahan utama. Sesudah lebih 40 tahun, ternyata sasaran itu bukan sahaja tidak tercapai malah masih banyak IPT yang tidak mengutamakan bahasa Melayu dalam perkuliahan sesetengah kursus, khasnya yang dikategorikan sebagai “kursus bidang kritikal” seperti perubatan, kejuruteraan, undang-undang dan sains.

Dalam bidang penerbitan ilmiah pula, bahasa Melayu amat kurang mendapat tempat dalam jurnal-jurnal ilmiah yang dikategorikan sebagai jurnal berindeks tersohor seperti ISI, Scopus dan WoS. Kesan langsungnya ialah ahli akademik yang menulis makalah dan buku yang tidak dikategorikan dalam penerbitan tersohor itu tidak diberi

dilancarkan sesudah penilaian mendalam tentang prestasi pelaksanaan pelan-pelan sebelum itu, diharapkan menjelang tahun 2030, dapat kita saksikan kemajuan yang ketara pelaksanaan bahasa Melayu di IPT negara ini. Penting bahawa pelan baharu itu turut memasukkan IPTS sebagai pihak yang dituntut memartabatkan bahasa Melayu.

Dalam bidang-bidang tamadun negara yang lain, seperti penyiaran, undang-undang dan kehakiman pun bahasa Melayu belum mencapai tahap yang memuaskan. Teguran dan arahan Perdana Menteri itu mudah-mudahan turut diluaskan ke dalam bidang-bidang lain juga. Dalam hal ini, tidak wajar timbul salah faham bahawa seolah-olah bahasa lain



Tidak wujud sekolah jenis kebangsaan di negara China.

tidak ada tempatnya. Dasar bahasa negara ini jelas, iaitu pengutamaan bahasa kebangsaan, khasnya dalam urusan rasmi, sebagaimana yang dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152(1). Bahasa lain bebas digunakan, dipelajari dan diajarkan, kecuali dalam hal yang berkaitan dengan maksud “rasmi”.

Di Republik Rakyat China, lebih 30 saluran televisyen yang ada kesemuanya dalam bahasa kebangsaannya, iaitu bahasa Mandarin dan hanya ada satu saluran dalam bahasa Inggeris, iaitu *News Channel*. Di negara kita, mereka yang menuntut penggunaan bahasa lain masih beruntung kerana kerajaan sendiri bermurah hati mewujudkan saluran berbahasa lain dan stesen elektronik swasta bebas mengendalikan saluran dalam bahasa lain.

Di negara berkenaan juga, bahasa Mandarin menjadi satu-satunya bahasa pengantar sekolah, kecuali sekolah di provinsi autonomi etnik tertentu yang memberikan kelonggaran penggunaan bahasa etnik berkenaan pada awal persekolahan tetapi kemudian menggunakan bahasa Mandarin untuk seluruh persekolahan selanjutnya. Tidak wujud sekolah jenis kebangsaan di negara itu. Sekolah antarabangsa yang menggunakan bahasa lain setakat ini hanya khas untuk anak-anak kedutaan asing. Untuk pendidikan tinggi pula, bahasa Mandarin tetap menjadi bahasa perkuliahan yang utama meskipun ada sejumlah universiti yang turut menggunakan bahasa asing sebagai bahasa kedua. Untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana muda, bahkan juga di peringkat sarjana dan doktor falsafah, kelulusan yang baik dalam bahasa Mandarin diperlukan.

Semua pihak perlu menoleh ke belakang, iaitu sejarah pembinaan negara kita yang dirancang secara holistik. Rancangan pembinaan negara ini memberikan perhatian kepada semua bidang, baik bidang yang mewakili pembangunan

fizikal mahupun yang mewakili pembangunan dalaman. Maka itu, selain perancangan pembinaan negara yang berkaitan dengan ekonomi, ada dasar negara yang berkaitan dengan Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Dalam hal ini, Dasar Bahasa Kebangsaan berkaitan erat dengan pembinaan warganegara yang berjati diri, dengan bahasa kebangsaan menjadi antara asas jati diri yang utama. Demikian juga bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan direncanakan sebagai wasilah pemupukan perpaduan warganegara berbilang keturunan.

Dalam konteks isu yang menjadi fokus dalam tulisan ini, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, penetapan Perkara 152(6) rapat kaitannya dengan pembinaan jentera pentadbiran yang cekap dan berkesan dengan urusan pentadbiran berasaskan satu bahasa, iaitu bahasa kebangsaan. Bayangkan betapa bercelarunya pentadbiran negara seandainya lebih daripada satu bahasa digunakan.

Dalam konteks pendidikan pula, pengutamaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama berkaitan dengan “pendemokrasian pendidikan”, dengan anak didik di negara ini memperoleh ilmu dan kemahiran melalui satu bahasa. Dengan demikian, terhindar polarisasi yang berakibat daripada penggunaan bahasa utama lain dalam sistem pendidikan negara. Inilah asas yang perlu difahami, dihayati dan dilaksanakan oleh semua pihak, dengan berusaha mengurangkan sentimen perkauman, kerana bahasa Melayu sebagai bahasa negara bukan untuk orang Melayu sahaja, bahkan untuk semua warganegara.

Akhir sekali, langkah yang perlu segera digerakkan sebagai susulan arahan Perdana Menteri ialah perancangan penjawat awam, khasnya di peringkat pimpinan institusi (kementerian, jabatan dan agensi) untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu sebagai



GLC dan GLIC mempunyai tanggungjawab langsung kepada negara dan tiada alasan untuk tidak membantu kerajaan melaksanakan dasar negara, termasuk Dasar Bahasa Kebangsaan.

bahasa rasmi negara dilaksanakan dengan penuh beramanah, ikhlas dan bersungguh-sungguh sebagai tanggungjawab kepada negara. Untuk sektor swasta, kerajaan perlu memulakan pelaksanaannya di syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). Semua syarikat itu mempunyai tanggungjawab langsung kepada negara dan tiada alasan untuk tidak membantu kerajaan melaksanakan dasar negara, termasuk Dasar Bahasa Kebangsaan. Bagi firma swasta yang sepenuhnya milik swasta, kerajaan mungkin perlu memberikan insentif melalui sistem percukaian negara atau insentif yang lain. Sesudah ini, hentikanlah sikap dan tindakan “Seperti pahat dengan tukul”. Usahlah menunggu tukul bertindak baru pahat bergerak. “Negara kita tanggungjawab kita”; maka demikianlah “bahasa kita tanggungjawab kita” juga. **DB**

Kata Ganda Berimbuan

Dalam artikel keluaran yang lalu, pelbagai bentuk kata ganda yang terhasil melalui proses penggandaan telah diperkenalkan. Menerusi kaedah penggandaan, perkataan baharu yang terbentuk ini bukan sahaja membawa makna yang berbeza daripada kata asal malah mempunyai kaedah pengejaan yang tersendiri dalam tulisan Jawi. Hal ini jelas kelihatan pada kata ganda berimbuan yang bukan sekadar perlu diletakkan angka dua pada hujung perkataan bahkan memperlihatkan perubahan bentuk ejaan. Artikel keluaran pada kali ini akan memperincikan perbincangan tentang mauduk ini.

Bagi memulakan perbincangan, perhatikan perkataan “sama”. Pada asalnya, perkataan “sama” sebelum digandakan dieja sin-alif-mim tanpa penggunaan huruf alif pada suku kata akhir berdasarkan Hukum Luar Darlung. Namun begitu, apabila perkataan ini digandakan dan menerima awalan ber- menjadi “bersama-sama”, huruf alif perlu dimasukkan pada suku kata akhir dalam perkataan “sama” yang pertama. Perkataan “sama” yang kedua pula masih dieja tanpa huruf alif. Perkara ini perlu diberi perhatian apabila melibatkan kata dasar yang dieja tanpa huruf alif pada suku kata akhir kerana tertakluk pada Hukum Luar Darlung. Jadual 1 memperlihatkan ejaan kata ganda ini.

Jadual 1 Ejaan kata ganda berimbuan awalan ber- yang diakhiri dengan bunyi vokal [a] mengikut Hukum Luar Darlung.

| Rumi | Jawi | |
|--------------|------------|----------------------|
| | Kata Dasar | Kata Ganda Berimbuan |
| bersama-sama | سام | برساما-سام |

Hal ini tidak berlaku pada kata dasar yang berakhir dengan bunyi vokal [a] tetapi tertakluk pada Hukum Darlung seperti perkataan “pada”. Perkataan ini menggunakan huruf alif pada suku kata pertama dan suku kata akhir. Ejaan ini kekal apabila perkataan ini digandakan dan menerima awalan ber- lalu menghasilkan kata ganda “berpada-pada”. Ejaan perkataan ini dapat dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2 Ejaan kata ganda berimbuhan awalan ber- yang diakhiri bunyi vokal [a] mengikut Hukum Darlung.

| Rumi | Jawi | |
|--------------|------------|-----------------------|
| | Kata Dasar | Kata Ganda Berimbuhan |
| berpada-pada | ڤادا | برڤادا-ڤادا |

Selain awalan ber-, kata ganda boleh juga diimbuhkan dengan awalan lain seperti ter-, me-/meN-, ke- dan se-. Hal ini dapat dilihat pada contoh perkataan seperti “tercari-cari”, “meronta-ronta” “ketujuh-tujuh” dan “sepandai-pandai”. Kata ganda berimbuhan awalan ini tidak melibatkan perubahan ejaan pada kata dasar tetapi hanya memerlukan penulisan kata dasar secara serangkaian dengan awalan. Jadual 3 menunjukkan bentuk ejaan perkataan-perkataan ini.

Jadual 3 Ejaan kata ganda berimbuhan awalan ter-, me-/meN-, ke- dan se-.

| Rumi | Jawi | |
|-----------------|------------|-----------------------|
| | Kata Dasar | Kata Ganda Berimbuhan |
| tercari-cari | ڇاري | ترڇاري-ڇاري |
| meronta-ronta | رونٽا | مرونٽا-رونٽا |
| ketujuh-tujuh | توڇوه | كتوڇوه-توڇوه |
| sepandai-pandai | ڤنداڤي | سڤنداڤي-ڤنداڤي |



Ketujuh-tujuh.

Meskipun begitu, apabila kata dasar yang diawali dengan huruf alif menerima awalan se-, ke- dan di-, huruf hamzah perlu ditulis di atas huruf alif tersebut. Hal ini berlaku pada kata ganda “seakan-akan” yang terbentuk daripada kata dasar “akan”. Perkataan “akan” tidak memerlukan huruf hamzah ketika dalam bentuk kata dasar. Apabila perkataan ini digandakan dan menerima kemasukan awalan se-, huruf alif pada kata dasar ini perlu ditambah huruf hamzah di atasnya. Hal ini terpakai pada semua kata dasar yang diawali oleh bunyi vokal [a], [e], [i], [o], [u] atau suku kata tertutup [a(k)]. Contoh ejaan bagi setiap kata dasar ini dapat dilihat dalam Jadual 4.

Jadual 4 Ejaan kata ganda berimbuhan awalan se- yang dimulai oleh bunyi vokal [a], [e], [i], [o], [u] atau suku kata tertutup [a(k)].

| Rumi | Jawi | |
|---------------|------------|-----------------------|
| | Kata Dasar | Kata Ganda Berimbuhan |
| seakan-akan | اکن | ساکن-اکن |
| seelok-elok | ايلوق | سايلوق-ايلوق |
| seingat-ingat | ايغت | سايغت-ايغت |
| seolah-olah | اوله | ساوله-اوله |
| seupaya-upaya | اوڤاي | ساوڤاي-اوڤاي |
| seaktif-aktif | اكتيف | ساكتيف-اكتيف |

WACANA JAWI

Bagaimanakah pula dengan kata ganda berimbuhan akhiran dieja? Kata ganda seperti “buah-buahan” tidak boleh dieja dengan menggunakan angka dua di hujung perkataan. Perkataan ini perlu dieja satu persatu dengan menggunakan tanda sempang. Perkataan “buah-buahan” misalnya, dieja dengan mengulang kata dasar dengan menyisipkan tanda sempang di tengah-tengah kedua-dua perkataan ini. Kemudian, akhiran -an dimasukkan selepas perkataan kedua secara serangkai. Demikianlah juga dengan perkataan “kecil-kecilan” dan “mudah-mudahan”. Ejaan ketiga-tiga contoh kata ganda ini ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Ejaan kata ganda berimbuhan akhiran -an.

| Rumi | Jawi | |
|---------------|------------|-----------------------|
| | Kata Dasar | Kata Ganda Berimbuhan |
| buah-buahan | بواه | بواه-بواهن |
| kecil-kecilan | كچيل | كچيل-كچيلن |
| mudah-mudahan | موده | موده-مودهن |

Selain itu, terdapat juga kata ganda berimbuhan yang menerima apitan seperti perkataan “bermati-matian”. Ejaan kata ganda ini menyamai kata ganda berimbuhan awalan tetapi ditambah akhiran -an di hujung perkataan. Dalam situasi ini, kata ganda ini perlu mematuhi kaedah mengeja akhiran -an yang pernah dibincangkan sebelum ini. Sekiranya kata dasar tersebut diakhiri oleh bunyi vokal [i] seperti yang berlaku dalam perkataan “mati”, maka hanya huruf nun diperlukan sebagai padanan akhiran -an dalam tulisan Jawi. Begitulah juga dengan kata ganda “sehari-harian”. Awalan se- ditulis secara serangkai di permulaan kata dasar “hari” yang diulang dengan menggunakan tanda sempang. Kemudian, huruf nun dimasukkan selepas kata ganda ini sebagai padanan akhiran -an.

Berbeza pula halnya dengan kata ganda “kebiru-biruan” yang terbentuk daripada kata dasar “biru”. Memandangkan perkataan ini diakhiri oleh bunyi vokal [u], maka huruf alif dan nun diperlukan sebagai padanan akhiran -an. Awalan ke- pula dieja secara serangkai di



Buah-buahan.

permulaan perkataan. Bagi kata ganda berimbuhan apitan me-...-kan, awalan me- ditulis di awal perkataan manakala akhiran -kan dimasukkan di akhir kata dasar secara serangkai seperti yang dapat dilihat dalam perkataan “melambat-lambatkan”. Jadual 6 memaparkan kesemua ejaan kata ganda berimbuhan apitan ini.

Jadual 6 Ejaan kata ganda berimbuhan apitan ber-...-an, se-...-an, ke-...an, me-...-kan.

| Rumi | Jawi | |
|--------------------|------------|-----------------------|
| | Kata Dasar | Kata Ganda Berimbuhan |
| bermati-matian | ماتي | برماتي-ماتين |
| sehari-harian | هاري | سهاري-هارين |
| kebiru-biruan | بيرو | كبيرو-بيروان |
| melambat-lambatkan | لمبت | ملمبت-لمبتكن |

Terdapat satu lagi kata ganda dalam bahasa Melayu, iaitu kata ganda berimbuhan sisipan. Perkataan seperti “kata-mengata” dan “turun-temurun” merupakan antara contoh kata ganda ini. Untuk mengejanya, huruf angka dua juga tidak diperlukan, sebaliknya kata ganda ini perlu dieja satu per satu dengan menggunakan tanda sempang. Yang menariknya, imbuhan disisipkan di tengah perkataan. Oleh itu, kaedah mengeja kata berimbuhan perlu dipatuhi.

Perkataan “kata-mengata” contohnya berasal daripada kata dasar “kata”. Hanya perkataan kedua yang menerima awalan yang mengalami perubahan ejaan. Perkataan pertama pula dieja sama seperti ejaannya dalam bentuk kata dasar. Bagi perkataan “turun-temurun”, ejaan perkataan pertama menyamai kata dasar manakala perkataan kedua dieja dengan menambahkan huruf mim selepas suku kata pertama kata dasar. Kedua-dua perkataan ini dipaparkan menerusi Jadual 7.

Jadual 7 Ejaan kata ganda berimbuhan sisipan.

| Rumi | Jawi | |
|---------------|------------|-----------------------|
| | Kata Dasar | Kata Ganda Berimbuhan |
| kata-mengata | كات | كات-مغات |
| turun-temurun | تورون | تورون-تمورون |

Daripada perbincangan ini, jelaslah bahawa kaedah mengeja pelbagai bentuk kata ganda berimbuhan ini perlu mengambil kira dua aspek utama, iaitu jenis imbuhan yang diterima dan bentuk ejaan sesuatu kata dasar. Kedua-dua aspek ini penting untuk diambil perhatian bagi menampilkan ejaan yang tepat bagi setiap kata ganda. **DB**

Gurindam Islah Bahasa

Andai mencari sesuatu kata,
Manfaat tersusun di atas para.

Andai tekun mencari makna,
Ayatnya lengkap menyeret pena.

Andai sukar empunya telaah,
Aksara tercetak minda tak lelah.

Andai bijak memilih perkataan,
Tercatat manis penyeri pesanan.

Andai insan mengenal kehendak,
Cantumnya sekata mustahil tidak.

Andai gelumang penuh kecelaruan,
Pelantar persuratan jadi rujukan.

Andai bangga bahasa ibunda,
Marhaen terima berlapang dada.

Andai ayat berkasih jalinan,
Setiap jalan dipenuhi saranan.

Andai komunikasi saling berhemah,
Kerana wacana terbit makalah.

Andai mengenali suku kata,
Sebutannya jelas jernih permata.

Andai mengimbang bahasa global,
Selidiki asas hindarkan fatal.

Jika mengenal Islah bahasa,
Sempurna peribadi nian terasa.

ADAM BUCK LEE,
KUALA LUMPUR.



Kisah Penyair Pinggiran

Dia mengutip sebakul puisi
yang dilayang angin
pada musim peralihan kuasa
dari tingkap ketamadunan bangsa.

Dengan pakaian bahasa di tubuh
dia berlari menadah jari sepuluh
di batas musim tengkujuh
dibasahi rintik hujan deras meluruh.

Siapakah yang terlepas pandang
pada pakaian bahasa di tubuhnya
sehingga terbiar kuyup
aku yang malu mendekati
atau engkawkah yang enggan mengenali
lantaran dia hanyalah seorang penyair pinggiran
tidak ada bintang yang melatari diri
tidak ada nama yang mengharumkan negeri.

ROSNI AHMAD,
MERBOK, KEDAH.



JENDELADBP

PELANTAR PENERBITAN DIGITAL DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)

- ➔ Penerbitan Berita, Artikel, Puisi dan Cerpen
- ➔ Penyiaran Rancangan TV DBP dan Radio DBP
- ➔ Pemakluman tentang Produk Penerbitan Terkini DBP
- ➔ Penjualan Produk Penerbitan DBP
- ➔ Pemaparan Maklumat Berkaitan dengan Istilah Semasa

PRODUK DIGITAL TERBITAN DBP
HANYA DI HUJUNG JARI ANDA.
UNTUK MENDAPATKANNYA, SILA LAYARI:

jendeladbp.my

INDUSTRI PENTERJEMAHAN IMBAUAN 2023



Wan Halizawati
Wan Mahmood

Guru Bahasa di Bahagian
Bahasa Malaysia, Pusat
Pengajian Bahasa, Literasi
dan Terjemahan, Universiti
Sains Malaysia.

Selama berpuluh-puluh tahun, sektor penterjemahan moden telah melalui anjakan dan penyesuaian mendadak hasil cetusan persekitaran sosial, perniagaan, perdagangan, perubatan, dan teknologi yang melanda tamadun manusia. Tanpa disedari, era penterjemahan kuno telah berubah menjadi satu industri dunia yang memainkan peranan yang penting merapatkan jurang linguistik dan budaya serta bertindak sebagai penggerak utama pemacuan mobilisasi ilmu pengetahuan dan pengantarabangsaan produk bahasa.

Tahun 2023 makin melabuhkan tirainya. Oleh itu, penulisan makalah ini bertujuan “menjenguk” beberapa aliran penterjemahan yang menguasai tirai landskap penterjemahan dunia sepanjang tahun 2023, selain mengimbuai kedinamikan sektor penterjemahan di dunia sepanjang 12 bulan ini.

Imbauan Statistik Dunia

Bahasa akan tetap menjadi teras keupayaan manusia untuk berkomunikasi dan berhubung dengan lebih berkesan antara satu sama lain. Seiring dengan keadaan ini, sudah tentu industri penterjemahan menjadi satu daripada sektor yang terus mengalami pertumbuhan dan transformasinya. Menurut firma Toppan Digital Language, dan Proz.com (iaitu komuniti dan tempat kerja secara dalam talian bagi golongan profesional bahasa), terdapat 640,000 penterjemah di seluruh dunia setakat ini.

Satu tinjauan pada tahun 2020 yang melibatkan 7000 penterjemah dan jurubahasa profesional di dunia mendapati bahawa 75 peratus daripada responden terdiri daripada kelompok bebas (freelance). Secara kolektifnya, jumlah 7000 ini juga mewakili 178 buah negara dan melibatkan 155 pasangan bahasa.

Laporan daripada *Market Research Future* menyebut bahawa pertumbuhan saiz pasaran bagi perkhidmatan penterjemahan pada tahun 2020 hingga pertengahan tahun 2022 ialah sebanyak 40 peratus semasa tempoh COVID-19, dengan permintaan terhadap perkhidmatan penterjemahan dan kejurubahasaan dalam bidang perubatan dan jagaan kesihatan meningkat sebanyak 49 peratus disebabkan wujudnya keperluan menyalurkan maklumat penting dan bersifat segera berkaitan dengan COVID-19.

Seterusnya, penulis menyenaraikan beberapa aliran penterjemahan yang dilihat menguasai landskap penterjemahan dunia sepanjang tahun 2023 – Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI), lokalisasi dan terjemah cipta, dan penterjemahan video dan audio.

AI Si Penterjemah Robot

Teknologi berkembang pesat. Internet tangkas berfungsi. Aneka jentera dan mesin robot pantas tercipta. Dalam beberapa tahun belakangan ini, kita menyaksikan satu perubahan dramatik dalam tatakarya tugas harian manusia. Wujud kaedah baharu dalam cara bekerja dan kepantasan teknologi dengan proses kerja yang fleksibel.

Pecutan kemajuan dalam pelbagai bidang – komunikasi, perindustrian, perdagangan, perniagaan, dan perubahan menuntut pekerja berhadapan dengan pelanggan dan rakan kongsi dengan cara dan teknik baharu. Segalanya tentang keutamaan penyaluran maklumat yang tepat dan lancar dalam dunia jagat ini.

Justeru itu, sektor penterjemahan meraih kepentingan utama dalam

kalangan firma, syarikat dan organisasi ke arah capaian audiens yang lebih besar dan luas. Di sinilah juga wujudnya peluang yang luas kepada penggiat industri terjemahan negara untuk memanfaatkan kemahiran mereka.

Selain itu, Amalan Penterjemahan Hijau (Green Translation Practices) teretus seiring dengan kesedaran global terhadap alam sekitar. Industri penterjemahan tidak terkecuali berusaha mengurangkan cap kaki karbonnya (carbon footprint). Maka itu, konsep-konsep seperti pendigitalan, kerja kawal jauh (remote work), dan amalan mesra alam sekitar yang lain dilaksanakan untuk mengurangkan impak alam sekitar terhadap industri berkenaan.

Kecerdasan buatan juga melibatkan inisiatif penggunaan peralatan penterjemahan yang cekap dan berkesan. Sekali lagi, laporan daripada Proz.com menyebut bahawa tiga peralatan popular yang digunakan oleh penterjemah bagi penterjemahan berbantuan komputer (CAT) ialah *SDL Trados*, *Wordfast*, dan *memoQ*, manakala perisian penterjemahan mesin terbaik yang menggunakan konsep kecerdasan buatan ialah *Google Translate* dengan pengguna sebanyak

500 juta orang sehari, selain saingan terdekatnya *Microsoft Translator*.

Ada apakah sebenarnya dengan CAT? Benarkah kini sudah menjadi saingan penterjemah manusiawi? Atau masihkah bergerak seiring dengan campur tangan atau dominasi penterjemah berkenaan? Secara amnya, CAT mampu segera memproses dan menterjemahkan teks dalam kapasiti yang besar yang terdiri daripada perkataan, frasa dan ungkapan umum atau biasa, dan untuk pasangan bahasa yang popular seperti bahasa Inggeris–bahasa Sepanyol, bahasa Inggeris–bahasa Mandarin, dan bahasa Inggeris–bahasa Perancis.


Tahun 2022 bermulanya “kehadiran” ChatGPT, iaitu model bahasa berkuasa AI yang dibangunkan oleh OpenAI, serta mampu menghasilkan teks seperti manusia berdasarkan konteks dan perbualan. Rata-rata orang ramai bercerita tentang potensi AI yang bakal mengambil alih jutaan pekerjaan yang selama ini dilakukan oleh tenaga manusia, termasuklah kerja-kerja penterjemahan. Kita ambil contoh mudah tentang situasi penggunaan ChatGPT membantu penterjemahan puisi. Lihat perbualan di bawah:

ChatGPT: Sure! I can help you with translating English poems into Spanish. Please provide me with the English poem you would like to have translated, and I'll do my best to assist you. – Perbualan asal.

Sudah tentu! Saya boleh bantu anda menterjemahkan puisi Inggeris ke dalam bahasa Sepanyol. Sila berikan puisi bahasa Inggeris yang ingin anda terjemahkan, dan saya akan buat yang terbaik untuk membantu anda. – Terjemahan oleh penulis.

Manusia: Please convert the following poem from English to Spanish. – Perbualan asal.

Tolong terjemahkan puisi berikut daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Sepanyol. – Terjemahan oleh penulis.



BAHASA DAN PENTERJEMAHAN

Selepas diterjemahkan oleh ChatGPT, ini responsnya:

ChatGPT: I hope this translation captures the essence of the original poem in Spanish. Let me know if there's anything else I can assist you with!

– Perbualan asal.

Saya harap terjemahan ini dapat menzahirkan semangat puisi asal ke dalam bahasa Sepanyol. Beritahu saya jika ada lagi yang dapat saya bantu!
– Terjemahan oleh penulis.

Ya, itulah senarionya. Kelahiran ChatGPT diperkasakan lagi dengan fungsinya yang mampu menterjemahkan bahasa kod dalam bidang pengkomputeran dan permainan digital (gaming). Sebagai contoh, *Julia* iaitu satu bahasa pemrograman dinamik yang beraras tinggi dan diaplikasikan dalam pengkomputeran saintifik, pembelajaran berbantuan mesin dan perlombongan data (data mining), mampu diterjemahkan menggunakan ChatGPT ke dalam *Python* yang juga satu bahasa pemrograman beraras tinggi! Terkesima seketika penulis yang tidak begitu arif bidang pengkomputeran ini. Tak terjangkau dek pemikiran bahawa bahasa berkod moden kini mampu diterjemahkan ke dalam bahasa berkod moden juga. Segalanya tentang kepantasan evolusi industri penterjemahan dunia.

Lokalisasi dan Terjemah Cipta

Konsep lokalisasi merujuk adaptasi bahasa dan budaya kandungan digital bagi keperluan dan tempat pasaran luar negara, seperti penyediaan perkhidmatan dan teknologi kepelbagaian bahasa yang merentasi penyaluran maklumat global digital.

Hakikatnya, lokalisasi mula menjadi perhatian lensa industri penterjemahan sekitar tahun 2003. Ia satu aktiviti menterjemahkan produk agar sesuai dan diterima oleh budaya, norma dan kebiasaan komuniti sasaran. Contohnya, penterjemahan

bahan digital yang pelbagai seperti laman web dan permainan video.

Selain itu, kita ambil contoh konsep *Airbnb* (Airbed and Breakfast) dalam sektor pelancongan. Laman web dan aplikasi mereka sahaja memiliki 62 bahasa yang berbeza. Bukan itu sahaja, *Airbnb* juga menyediakan jurupandu tempatan bagi negara yang berbeza, serta bertindak sebagai pekerja rencam (concierge) peribadi jika diperlukan. Inilah strategi *Airbnb* dalam mencipta konsep lokalisasi dalam perniagaan mereka.

Jelas sekali, syarikat dan firma mengakui bahawa bukan sekadar penterjemahan yang mewujudkan komunikasi berkesan bagi sesuatu produk dan perkhidmatan tetapi lebih daripada itu. Keperluan menyesuaikan kandungan maklumat dari segi budaya dan konteks turut membolehkan orang ramai dari seluruh dunia mendapat akses untuk produk berkenaan.

Beberapa tahun belakangan ini juga, terlihat aliran fenomena moden yang melahirkan suatu pendekatan baharu dalam bidang penterjemahan yang dipanggil terjemah cipta (transcreation). Ia gabungan dua perkataan, iaitu *translation* dan *creation* yang membolehkan syarikat atau firma memberikan nafas tempatan kepada mesej atau kandungan produk mereka kepada pengguna dan audiens baharu. Artikel penuh berkenaan dengan pendekatan terjemah cipta ini ada dimuatkan dalam medium majalah yang sama edisi Oktober 2023.

Terjemahan Audiovisual

Dalam penulisan sebelum ini, sudah terlalu kerap penulis bercerita tentang penterjemahan audiovisual, baik dari perspektif sejarahnya, konsepnya, kategori mod atau jenisnya, keangannya, mahupun keunikannya dan perbezaannya yang tersendiri. Justeru itu, bahagian artikel pada kali ini cuma memfokuskan imbauan keberhasilan penterjemahan berasaskan media ini. Ditambah

Konsep lokalisasi merujuk adaptasi bahasa dan budaya kandungan digital bagi keperluan dan tempat pasaran luar negara, seperti penyediaan perkhidmatan dan teknologi kepelbagaian bahasa yang merentasi penyaluran maklumat global digital.



pula dengan era penstriman kini yang mencanak naik dengan pantas, tentunya penterjemahan yang bermediumkan wahana media memberikan sumbangan yang amat besa –penterjemahan kandungan video, permainan secara dalam talian, penyarikataan, alih bahasa, sari kata siber (cybersubtitling), alih bahasa siber (cyberdubbing), dan iklan jenaka (funads).

Belum lagi mengambil kira kewujudan penstriman dalam penterjemahan media seperti televisyen internet, *iflix*, *Netflix* dan sebagainya. Kebolehcapaian media berteknologi tinggi ini telah merapatkan lagi jurang bahasa pelbagai sistem dan keadaan. Peluang sentiasa terbentang luas bagi syarikat atau firma yang sanggup menggajikan atau mengupah perkhidmatan seperti ini.

AI Telah Mengubah Landskap Penterjemahan?

Teknologi tetap teknologi. Perlu diingat bahawa AI ialah satu teknologi yang mengajar mesin atau robot untuk melakukan tugas yang hampir sama dilakukan oleh manusia. Evolusi yang melanda industri penterjemahan moden juga berkait rapat dengan rempuhan teknologi. Ada kalanya tidak terjangkau dek pemikiran kita.

Lihat sahaja rangkaian perkhidmatan Kereta Api Seibu (Seibu Railway) Jepun yang memasang tingkap terjemahan berautomatik (automated translation window) yang dipanggil VoiceBiz, pada kaca penghadang kaunter perkhidmatan dan pengumuman mereka untuk memudahkan pelanggan berhubung dengan pekerja di kaunter itu atau untuk mengetahui jadual perjalanan kereta api, serta membeli tiket atau pas bulanan. Terpapar pada tingkap kaca itu maklumat penting dalam 12 bahasa utama dunia!

Dalam konteks penciptaan peralatan berteknologi ini, banyak pemain industri menjangkakan peralatan penterjemahan berasaskan AI mampu mempelajari dan menyesuaikan keadaannya dengan gaya penulisan manusia. Kualiti ini sedikit banyak membantu keberhasilan penterjemahan yang selama ini dilakukan oleh tenaga manusia.

Jadi, mampukah AI mengubah landskap penterjemahan? Penulis kira tak semudah itu. Ia datang dengan pakej cabaran tersendiri. Bergelut dengan kandungan yang terlalu kreatif. Kekangan pemindahan makna yang bergantung pada konteks, perasaan, dan jangkaan. Berhadapan dengan kemungkinan ketidaktepatan kandungan yang berunsurkan nuansa budaya, nilai

sastera dan pandangan terhadap dunia.

Maka itu, elemen-elemen ini memerlukan pemahaman yang mendalam oleh penterjemah manusiawi, bukannya robot yang kaku jiwanya. Sebab itulah wujudnya campur tangan tenaga manusia di kaunter stesen kereta api Seibu Jepun walaupun *VoiceBiz* dirasakan sudah memadai untuk memberikan maklumat kepada pelanggan. Justeru itu, masa depan keberhasilan penterjemahan sebegini memerlukan pendekatan hibrid, iaitu AI dan manusia saling melengkapi untuk menghasilkan terjemahan yang bernas, mampu dibaca, dan mampu difahami oleh kelompok sasaran.

Fikirkan pula tentang hipotesis persaingan antara robot dengan manusia dalam melakukan kerja-kerja penterjemahan. Betulkah ia satu persaingan? Penulis kira pengambilalihan kerja penterjemahan oleh AI daripada penterjemah manusiawi bukanlah menutup seratus peratus periuk nasi mereka.

Dalam penulisan sebelum ini, ada ditegaskan bahawa teknologi bukannya musuh penterjemah yang harus digeruni kerana teknologi itu sendiri cetusan hasil kebijaksanaan manusia. Maka itu, ia sebenarnya pembantu yang bergerak seiring dengan keupayaan manusia menghasilkan teks terjemahan dengan jayanya. Dominasi bukanlah pada teknologi atau AI kerana Google sendiri tidak menggunakan *Google Translate* untuk menterjemahkan dokumen-dokumen rasmi mereka!

Menutup bicara, segala-galanya berjalan lancar dalam industri penterjemahan dunia dengan adanya globalisasi yang memacu pergerakan teknologi. Era penterjemahan kuno telah berubah menjadi satu industri moden yang memainkan peranan yang penting dalam merapatkan jurang bahasa dan budaya serta bertindak sebagai pemangkin utama pemacuan mobilisasi ilmu pengetahuan dan pengantarabangsaan produk bahasa. **DB**

Bahasa sebagai *Pemikiran*



Mohd Tarmizi Hasrah

Pensyarah di Pusat Pengajian
Tamadun dan Falsafah, Universiti
Utara Malaysia.

Mungkin masalah utama yang menyebabkan sikap kita terhadap bahasa Melayu sentiasa herot dan tidak pernah molek terletak pada tanggapan yang ditanam ke dalam lubuk hati kita sejak turun-temurun. Tanggapan yang penulis maksudkan ini terkandung dalam satu pernyataan: bahawa bahasa Melayu hanyalah sekadar “wahana”, maka hanya menjadi perantara bagi mengungkapkan pemikiran dan perasaan penuturnya, sama ada yang dirujuk dengan penutur itu ialah penutur natif mahupun penutur bahasa kedua, masing-masing tetaplah serupa dalam menjelmakan tanggapan tentang bahasa ini.

Selain “wahana”, tiadalah apa-apa laginya yang ada pada bahasa Melayu. Maka itu, menjadilah pengertian tentang “wahana” itu menunjangi hakikat kewujudannya. Dengan kata lain, jikalau kita mahu mengenali akan hakikat bahasa Melayu, maka tumpukan sahaja cerapan kita terhadap amalan berbahasa sehari-hari oleh kita semua. Sebabnya, dalam amalan berbahasalah terjelma nuansa pengertian “wahana” itu.

Kalau diperhatikan, perkataan “wahana” itu dikatup dengan tanda petik. Tanda ini sengaja penulis bubuhkan padanya. Sebabnya, penulis beranggapan bahawa perkataan ini sangat luar biasa (dalam maksud yang negatif, tentunya), justeru dengan keluarbiasaan itu jugalah yang berdaya menatijahkan keherotan dan ketidakmolekan akal kita dalam bersikap terhadap bahasa Melayu.

Soalnya, ada apakah dengan “wahana” sehingga memerlukan ditambatkan dengan tanda petik? Sudah pasti sebabnya bukanlah dek kerana Perdana Menteri Ke-10 (PMX) lazim menggunakannya lalu membuatkan ramai netizen tertegun, konon seperti perkataan ini tidak pernah ada sebelum dilazimi penggunaannya oleh PMX. Akan tetapi, tertambatnya perkataan “wahana” itu dalam tanda petik yang berpunca daripada nuansa maknanya yang tidak seutuhnya mampu menyerlahkan hakikat bahasa Melayu secara terangkum.

Tidak terangkumnya hakikat bahasa Melayu dalam lapangan makna “wahana” membenihkan tanggapan herot dan kurang molek kita yang penulis nyatakan pada awal rencana ini: bahawa dengan tanggapan sekadar “wahana” itu, pada titik akhirnya bukan

hanya menyempitkan pengertian dan hakikat kewujudan (ontologi), epistemologi dan aksiologi bahasa Melayu, tetapi turut merendahkan tarafnya lantas sekadar berhujung pada peranannya dalam kegiatan berbahasa seharian.

Sememangnya kita tidak sesekali boleh menafikan bahawa jikalau kita mahu mentakrifkan sesuatu, maka peranan yang dimainkan oleh sesuatu yang kita mahu takrifkan itu boleh menjadi satu daripada unsur teras kepada takrifannya. Misalnya, mentakrifkan kerusi memerlukan kita untuk mengambil kira peranannya sebagai sebahagian unsur teras pentakrifannya. Maka itu, kita pun sepatatlah untuk menerima bahawa satu daripada takrif kerusi merujuk “tempat yang membolehkan manusia duduk tatkala hendak melakukan sesuatu seperti menulis, makan ataupun sekadar untuk berehat setelah kepenatan”.

Akan tetapi, takrifan sesuatu yang dipautkan pada peranannya semata-mata masih tidak berdaya mengungkapkan secara menyeluruh dan utuh akan hakikat sesuatu yang ditakrifkan itu. Maksudnya, takrifan berdasarkan peranan hanyalah satu sisi daripada keseluruhan takrifnya yang lengkap.

Kalau kita berpandukan perlambangan tersohor yang melibatkan lima orang buta dengan seekor gajah, maka tanggapan kelima-limanya gagal memerikan dan mentakrifkan hakikat seekor gajah. Sebabnya, masing-masing membina takrif hanya berdasarkan sisi-sisi tertentu yang langsung tidak berdaya menjadi perwakilan menyeluruh kepada seekor gajah.

Kita kembali kepada contoh kerusi tadi bagi menjelmakan masalah berikutan takrifan yang tidak terangkum ini. Takrif yang hanya bersandarkan peranan kerusi seperti yang ditampilkan itu ternyata masih lagi menggugat akal kita dengan pertanyaan berangkai. Takrif itu, yakni jikalau kerusi merujuk “tempat yang membolehkan manusia duduk tatkala hendak melakukan

sesuatu seperti makan dan menulis ataupun sekadar untuk berehat setelah kepenatan”, maka kerusi rupanya sama sahaja dengan tangga di Perpustakaan Sultanah Bahiyah, misalnya yang juga memiliki peranan yang serupa dalam keadaan tertentu khususnya kepada mahasiswa Universiti Utara Malaysia yang mungkin kepenatan setelah berjam-jam menatap helaian buku.

Justeru, ternyata takrif kerusi yang bersandarkan peranannya masih lagi menjelmakan pertanyaan “apakah yang dimaksudkan dengan kerusi?” Maksudnya, takrifannya masih belum beres. Hal ini kerana peranan kerusi pun ada banyak. Jadi, peranan manakah yang boleh dianggap sebagai inti kepada takrif kerusi?

Mari kita mengelih pula pada hakikat manusia. Dalam al-Quran, umpamanya Surah 51:56, Allah SWT menyatakan dengan jelas bahawa tujuan penciptaan manusia adalah “... untuk menyembah dan beribadat kepada-Ku.” Namun begitu, tujuan penciptaan manusia yang dinyatakan oleh Allah SWT ini tidak dijadikan sandaran oleh para cerdik pandai khususnya filsuf Muslim sebagai takrifan kepada manusia.

Filsuf Muslim ini sebaliknya mentakrifkan manusia sebagai “haiwan yang berkata-kata,” sejajar dengan takrif manusia yang dinukilkan oleh para filsuf Yunani. Sebabnya, “berkata-kata” manusialah yang memisahkannya dengan ciptaan Allah yang lain. Jadi, mungkin mereka berpandangan takrif ini lebih tepat untuk memerikan hakikat kejadian manusia berbanding dengan sekadar peranan atau tujuan penciptaannya. Sebabnya, dalam surah dan ayat al-Quran yang sama, tujuan “menyembah” dan “beribadat” juga dikenakan kepada bangsa jin; dan tentunya termasuk malaikat seperti yang diakui sendiri oleh makhluk Allah SWT yang ini dalam *Surah al-Baqarah* sewaktu bercakap dengan-Nya tentang penciptaan Adam.

Dua contoh yang ditampilkan ini memberikan gambaran yang

jelas kepada kita bahawa untuk menanggapi sesuatu dengan hanya bersandarkan peranan atau tujuan bukanlah seutuhnya berdaya memberikan petunjuk kepada hakikat kewujudan sesuatu yang ditanggapi itu dengan mendasar lagi asli. Pedoman kepada peranan dan tujuan dalam takrifan sebaliknya sekadar menyentuh unsur permukaan, justeru seboleh-bolehnya perlulah dielakkan.

Ketidakberdayaan kita untuk menyelami ke dasar hakikat sesuatu menerusi dorongan peranan atau tujuan mengundang natijah yang tidak kecil bahananya. Satu daripadanya, kita gagal mengenali hakikat sesuatu itu dengan rinci dan tuntas sesuai dengan taraf penciptaannya dan kedudukannya dalam sistem dan tingkatan kewujudan. Selain itu, kita juga terpaksa membenam kemas dalam jiwa raga dan kesedaran kita akan tanggapan yang langsung tidak bertepatan, bahkan mungkin bersalahan sama sekali, dengan kenyataan tugas hakiki sesuatu itu seperti kenyataannya yang sedia ditetapkan dalam sistem kewujudan.

Soalnya, bagaimanakah tanggapan kita tentang bahasa Melayu hanya sebagai “wahana” dalam pengungkapan pemikiran dan perasaan telah menatijahkan sikap yang herot terhadapnya justeru menjelmakan segala macam kejahilan linguistik dan ketohoran akal terhadap tiang seri negara sejak sekian lama?

Pertanyaan inti yang harus dirungkai bagi membincangkan perkara ini ada dua. Pertama, apakah yang dimaksudkan dengan bahasa Melayu sebagai “wahana” pemikiran dan perasaan penuturnya? Kedua, kenapakah ‘wahana’ gagal menjelmakan hakikat bahasa Melayu justeru berdaya pula memahamkan kita akan unsur ontologi, epistemologi dan aksiologi yang turut membingkai hakikatnya?

Berkaitan dengan pertanyaan pertama, apabila kita mengatakan peranan bahasa Melayu merupakan “wahana” untuk menzahirkan

perasaan dan pemikiran penuturnya, yang kita maksudkan dengannya ialah bahasa Melayu sebagai perantara yang menjambatani perasaan dan pemikiran penutur agar perasaan dan pemikiran itu boleh diungkapkan secara zahir. Hal itu, yakni dalam pengertian secara zahir menurut lisan (bunyi) dan tulisan (gambar/imej). Apabila perasaan dan pemikiran dizahirkan oleh seseorang, perasaan dan pemikiran itu akan ditanggapi atau dicerna pula oleh khalayak yang mendengar.

Peranannya sebagai “wahana” hanya mungkin jika bahasa ditanggapi sebagai maujud yang terbina daripada sistem lambang. Lambang-lambang ini pula ditautkan dengan rujukan, sama ada yang merujuk objek yang dipersepsikan dalam pengalaman empirik, rujukan yang hanya beruang dalam alam pemikiran dan alam metafizik, mahupun yang tidak ada rujukan khusus kerana sekadar memainkan peranan tatabahasa.

Dengan kata lain, sistem lambang tidaklah hampa, tetapi setiap satunya mewakili rujukan yang disepakati secara ijmak oleh para penuturnya. Jikalau ada kandungan perasaan dan pemikiran yang tidak mempunyai lambang, maka penutur perlu mencipta atau menerbitkan lambang

baru yang cocok dengan kenyataan perasaan dan pemikiran berkenaan.

Bahasa sebagai sistem lambang yang bermakna dan yang berujukan membolehkan penuturnya menggunakan lambang-lambang berkenaan sebagai perwakilan zahir pada perasaan dan pemikirannya. Lambang-lambang yang mewakili perasaan dan pemikiran ini diuntai dalam sederetan kalimat lalu dilafazkan. Maka itu, inilah inti makna bahasa sebagai “wahana”.

Kalau dikelih secercah mata, kupasan yang diperikan ini semacam tidak mengandungi sebarang masalah. Akan tetapi, sabar dahulu, masalah memang seakan-akan tidak ada dalam pertanyaan pertama. Oleh sebab itu, kita perlu menoleh kepada pertanyaan kedua yang dibangkitkan di atas untuk mengintai masalahnya, yakni pertanyaan kenapakah takrifan bahasa yang dipautkan pada “wahana” gagal memerikan hakikatnya secara lebih terangkum?

Kegagalan “wahana” untuk mengungkapkan hakikat bahasa Melayu disebabkan makna “wahana” sekadar mengandungi nuansa amali tanpa jangkauan terhadap makna teoretis apatah lagi makna falsafah. Dengan amali, makna ini sekadar merujuk amalan berbahasa oleh para penuturnya. Selain nuansa makna yang ini, tiadalah apa-apa lagi bagasi makna yang dimiliki oleh bahasa Melayu, justeru tidaklah berdaya menjelmakan unsur lain yang sebenarnya turut dimiliki oleh bahasa, iaitu ontologi, epistemologi dan aksiologi.

Kita perlu sedar bahawa untuk mentakrifkan sesuatu, kita memerlukan takrif yang terangkum atau menyeluruh. Walaupun terangkum, takrifnya mestilah berdaya

membezakan sesuatu yang ditakrifkan itu dengan sesuatu yang lain yang turut menerima kewujudan dalam kenyataan. Dengan kata lain, kesempurnaan takrifan mencakupi keterangkuman dan pembezaan sekali gus. Keterangkum menjadikan sesuatu takrif itu merangkumi kesemua unsur yang dimilikinya. Dalam pengertian yang lain, keterangkuman menayangkan wajah kesejagatan sesuatu takrif. Pembezaan pula menjelmakan kebitaraan rujukan sesuatu takrif, justeru menyerlahkan unsur kebijagatannya (atau ketersendiriannya).

Maka, bahasa Melayu bukan tidak sepatutnya ditanggapi sebagai “wahana” yang intinya sekadar merujuk amalan berbahasa justeru sangat terikat dengan sistem linguistik. Akan tetapi, tanggapan inilah yang dibenamkan dalam kesedaran dan akal kita. Buku-buku pedoman tatabahasa sejak *Bustan al-Katibin* sampailah kepada *Tatabahasa Dewan* berhujung pada penjelmaan maksud “wahana” ini, yakni untuk melahirkan penutur bahasa Melayu yang berupaya mengungkapkan perasaan dan pemikiran dalam bahasa Melayu yang sempurna aturan tatabahasanya.

Menurut hemat penulis, bahasa Melayu wajar ditanggapi bukan hanya sebatas sistem linguistik tetapi sebagai suatu sistem pemikiran atau idea. Apakah yang penulis maksudkan dengan premis ini?

Bahasa sebagai sistem linguistik merujuk unsur-unsur teras yang membina bahasa. Apabila dicerakinkan, unsur-unsur ini terdiri daripada bunyi, perkataan, ayat dan makna. Semua unsur ini saling memaut antara satu dengan yang lain, justeru bergerak dalam suatu sistem yang utuh.

Pengertian bahasa sebagai sistem linguistik ternyata menyempitkan makna bahasa. Antara lainnya, pengertian ini berpotensi menanam suatu kepercayaan songsang: bahawa, hakikat bahasa ialah tatabahasa atau nahu.



Kalau diperhatikan pada sejarah perkembangan ilmu linguistik, hampir kesemua aliran pemikirannya yang tersohor berpedoman dengan pengertian ini. Misalnya, aliran nahu berdaya penjana (*generativism*) mengimani secara tekal diktum *the autonomy of syntax*. Strukturalisme juga demikian, sama ada menurut mazhab Amerika Syarikat mahupun mazhab Perancis, kerana turut berkeyakinan bahawa perungkaian hakikat bahasa perlu mengambil kira unsur linguistik yang membina bahasa, bukannya unsur mistik yang berada di luar.

Pengertian seperti ini, lagi sekali penulis tegaskan sangat sempit justeru menatijahkan keherotan dan ketidakmolekan sikap kita terhadap bahasa Melayu. Maka itu, untuk meluruskan dan memolekkan sikap kita terhadapnya pengertian baru diperlukan, yakni suatu pengertian yang melonggarkan kaitan bahasa dengan sistem linguistik. Pengertian baharu ini adalah dengan mengaitkan bahasa dengan sistem pemikiran atau idea.

Bagaimanakah pengertian ini boleh dijana dan diterbitkan? Untuk menjanakan dan menerbitkannya, kita perlu berpandukan bahasa Melayu, yakni dengan menghuraikan makna perkataan bahasa itu sendiri.

Hakikatnya, ruang makna bahasa tidak seutuhnya serupa dengan language. Sebabnya, makna language dijana daripada sudut pandang linguistik. Maka itu, *Cambridge Dictionary* (secara dalam talian) pun memberikan takrif umumnya sebagai alat untuk berkomunikasi. Ruang makna perkataan bahasa juga memiliki konotasi yang serupa, tetapi dengan tambahan makna-makna lain yang lebih asasi. Makna-makna ini juga tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan sistem linguistik.

Apakah makna bahasa? Maknanya mencakupi sekali gus linguistik dan bukan linguistik. Makna linguistik merujuk wahana percakapan, sistem lambang dan gaya bercakap. Makna bukan linguistik pula mencakupi unsur seperti kebudayaan dan adat resam, adab dan akhlak serta

pemikiran. Soalnya, bagaimanakah pula menerbitkan sistem pemikiran atau idea berdasarkan makna bahasa yang ini? Ada empat teras yang patut dijelmakan.

Pertama, bahasa teras peradaban. Apabila kita mengatakan bahasa sebagai teras peradaban, ertinya terpasak kemas pada sisinya yang paling asasi. Sisi ini hanya dapat dimengerti setelah maksud peradaban dirungkai. Maka itu, peradaban secara kasarnya bermaksud keseluruhan pencapaian manusia dalam segenap lapangan. Misalnya, keilmuan, penciptaan, seni bina, kesusasteraan, akhlak, ekonomi, pengurusan tatamasyarakat dan sebagainya.

Dalam konteks ini, bahasalah yang memungkinkkan semua cakupan maksud peradaban ini dijelmakan ke dalam kenyataan. Penjelmaan ini bukan sekadar bersifat penyaluran. Sebabnya, penyaluran masih menjerumuskan makna bahasa ke dalam lembah "wahana". Akan tetapi, maksud penyaluran ini ialah penyaluran yang disulami dengan dasar-dasar rasionalisme berjujukan sistem bahasa yang bermantik dengan takrifan setiap peristilahan kunci dan bukan kunci mampir dengan jelas lalu diatur dalam sistem tatabahasa yang tersusun justeru membolehkan perasaan dan pemikiran disalurkan dengan tepat lagi benar.

Kedua, bahasa teras ilmu. Dikatakan teras ilmu kerana bahasa memungkinkan penerbitan ilmu yang tulen tanpa disulami dengan peniruan dan ikut-ikutan, selain membuka ruang dan potensi inovasi keilmuan. Ilmu tulen di sini merujuk ilmu yang diterbitkan berteraskan bahasa sendiri. Akan tetapi, bahasa tidak sekadar menerbitkan ilmu, malah turut berdaya melakukan kritikan. Hal ini justeru membolehkan kelahiran ilmu-ilmu baru yang secara tidak langsung menatijahkan kemajuan dalam dunia keilmuan kontemporari.

Ketiga, bahasa teras pemikiran. Kupasan tentang teras ini

memerlukan kita menanggapi tabii kegiatan berfikir. Diktum Herderian menyatakan berfikir adalah dengan bahasa, tanpa bahasa tiadalah kegiatan berfikir. Sama ada benar atau tidak diktum ini bukan masalah kita di sini. Sebabnya, tumpuan kita ialah bagaimanakah kegiatan berfikir berlaku dengan bahasa?

Secara kasar, dalam akal manusia mestilah sudah sedia terbatin bahasa dalam bentuk sistem lambang. Kemudian, kita pun mencerap benda dan kejadian dalam kenyataan. Hakikatnya, benda dan kenyataan sangat beragam. Maka itu, kita melakukan pengelompokan menurut tabii zahir benda dan fenomena yang dicerap, lalu dicocok dengan lambang-lambang yang bersesuaian.

Berfikir secara mantik memerlukan kita untuk menguntaikan setiap lambang yang menayangkan benda dan kejadian dalam kenyataan dalam bentuk kalimat yang berstruktur sesuai dengan sifat tipologi bahasa kita. Maka itu, lahirlah ungkapan-ungkapan yang mematuhi peraturan sistem linguistik, justeru membolehkan lawan bicara yang berada dalam ruang sistem linguistik yang serupa memahaminya.

Keempat, bahasa teras akhlak. Pemikiran bermantik berpotensi membekas pada perlakuan zahir penutur. Hal ini merupakan unsur asasi dalam teori tindak-tutur (*speech act theory*) yang antara lainnya menegaskan lakuan bahasa pasti akan diikuti serta dengan lakuan bukan bahasa seperti perbuatan dan perlakuan yang mematuhi maksud lakuan bahasa itu. Maka itu, kegiatan berfikir yang diatur dengan pematuhan yang bersungguh-sungguh terhadap aturan tatabahasa asli bahasa Melayu berpotensi menjadikan penuturnya berakhlak lurus dan bersederhana dalam bertindak.

Empat teras ini membulati makna bahasa sebagai sistem pemikiran atau idea; dan keempat-empatnya patut diangkat sebagai pendorong untuk mengubah sikap kita yang herot dan tidak molek dalam menanggapi bahasa ibunda kita sendiri. **DB**



Etika dan Komunikasi Berkesan Penting dalam Membina Imej Diri

Dr. Wendy Lee

Tampil kemas, sepasang pakaian yang sesuai dengan bentuk tubuh dan warna kulit, ditambah pula dengan aksesori dan sepasang kasut serta sedikit semburan pewangi pastinya akan mengubah persepsi orang di sekeliling apabila bertemu dengan individu yang sentiasa menjaga penampilannya.

Maka sedar atau tidak, penampilan yang sesuai dengan personaliti, jenis pekerjaan dan status serta keperibadian merupakan perkara yang amat penting bagi setiap individu, lebih-lebih lagi mereka yang terlibat dalam bidang pekerjaan dan perkhidmatan seperti bertemu dengan orang ramai yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Sehubungan dengan itu, ruangan Wawansabda Bahasa pada kali ini menampilkan seorang Perunding Imej, iaitu Dr. Wendy Lee, yang semakin dikenali ramai di pelantar media sosial, khususnya TikTok yang berkongsi tentang kepentingan menguasai laras penampilan diri dan bahasa tubuh yang sesuai dengan personaliti, majlis atau acara dan objektif tertentu.

Boleh ceritakan serba sedikit tentang latar belakang anda?

Saya mendapat pendidikan awal di SJK(C) Perempuan China, Georgetown, Pulau Pinang. Kemudian, saya ke SMJK Perempuan China, Georgetown, Pulau Pinang. Oleh sebab keputusan yang cemerlang pada tahun 1992, saya mendapat tawaran melanjutkan pengajian dalam bidang Kimia di Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM) pada tahun 1993 hingga tahun 1997.

Usai pengajian di universiti terbaik di Malaysia ini, saya bekerja di sebuah syarikat farmasi, iaitu Roche Sdn. Bhd. yang beroperasi di Kuala Lumpur. Saya bekerja hampir tiga tahun di syarikat itu sebelum mengambil keputusan untuk mencuba nasib bekerja di syarikat lain pula. Syarikat baharu, iaitu Merck Serono mempunyai pejabat utama bagi rantau Asia Pasifik, iaitu di Singapura. Oleh itu, saya kerap berulang alik dari Kuala Lumpur ke Singapura.

Di Merck Serono, saya bekerja hampir empat tahun sebelum bertukar "360 darjah" daripada seorang eksekutif bidang sains farmasi dan teknikal dengan beralih angin pada bidang yang melibatkan penampilan diri atau lebih tepatnya sebagai seorang Perunding Imej.

Kenapakah anda memilih kerjaya sebagai Perunding Imej?

Transisi kerjaya ini saya lakukan kerana ingin mencabar kebolehan diri dan bidang ini sangat berpotensi untuk diterokai. Di Malaysia, 20 tahun yang lalu, boleh dikatakan industri atau bidang pekerjaan yang melibatkan elemen penampilan dan konsultasi imej ini sangat janggal didengari atau masyarakat umum mungkin ada yang tidak pernah mendengar tentang bidang pekerjaan sebagai perunding imej.

Jadi, apabila menghidu peluang dalam bidang ini, saya tidak pernah menoleh ke belakang walaupun pada peringkat awalnya sangat sukar. Oleh

sebab bidang ini kurang popular, pelbagai pendekatan saya lakukan bagi mendapatkan kepercayaan orang ramai khususnya syarikat korporat untuk menggunakan perkhidmatan saya bagi memberikan panduan dari aspek pemakaian yang sesuai dengan imej syarikat (korporat), kaedah atau etika berunding mahupun berurusan dengan pihak kedua atau ketiga (pelanggan), kebersihan diri, serta bagaimana memilih pakaian atau aksesori yang sesuai dengan personaliti setiap individu. Dalam hal ini, komunikasi yang berkesan juga amat penting.

Suami pernah bertanya kepada saya, adakah saya serius untuk menceburi bidang ini? Hal ini berikutan selain suami, masyarakat umum juga hanya mengaitkan kerjaya perunding imej hanya melibatkan solekan dan dandanan rambut semata-mata, sedangkan ruang liputnya tersangatlah besar.

Saya berasa yakin akan pilihan ini dan keputusan tersebut bersandarkan pepatah Melayu, "Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan". Oleh itu, saya menubuhkan syarikat sendiri yang bernama Chapter One Asia pada tahun 2002.

20 tahun yang lalu, tiada pelantar media sosial dan jika ingin membuat hebahan, publisiti atau promosi tentang perkhidmatan yang saya tawarkan, semuanya melalui surat khabar, majalah, televisyen dan radio.

Saya sangat bersyukur kerana bengkel penampilan yang saya kendalikan mendapat perhatian warga media sehingga liputan tentang kerjaya saya sebagai perunding imej dipaparkan di akhbar dan majalah arus perdana. Dari situlah, nama saya sebagai Perunding Imej dikenali ramai sehingga banyak syarikat korporat yang memberi saya peluang untuk berkongsi pengetahuan, panduan dan tip yang sesuai dengan imej korporat syarikat mereka.

Boleh ceritakan tentang pelanggan pertama anda?

Saya mula menceburi bidang perundingan imej pada tahun 2003 dan pelanggan pertama saya ialah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, UM. Tugasan saya ialah melatih pensyarah dan kakitangan universiti tersebut membina personaliti diri dan tampil yakin, sesuai dengan imej korporat UM.

Kakitangan dan pensyarah yang terlibat perlu hadir bengkel penampilan diri selama dua hari yang mempunyai beberapa komponen seperti mengenal pasti personaliti diri berdasarkan bentuk fizikal badan, warna kulit, kategori pekerjaan dan minat mereka.

Tidak semua individu memahami aset atau kelebihan fizikal masing-masing. Ada yang mengambil mudah dan tidak menghiraukan cara berpakaian dan tujuan pakaian yang disarungkan di tubuh masing-masing. Sedangkan perkara yang paling asas dalam penampilan ialah memahami kelebihan dan kekurangan fizikal serta warna kulit masing-masing agar dapat memudahkan pemilihan dan pembelian pakaian berdasarkan potongan, material, warna, jenama dan beberapa perkara lain yang perlu dipertimbangkan oleh setiap individu.



Dr. Wendy berjaya membuktikan bahawa kerjaya sebagai Perunding Imej mampu menjamin masa depan.



Perunding Imej tidak seharusnya hanya dikaitkan dengan solekan dan dandanan rambut semata-mata kerana kerjaya tersebut melangkau kedua-dua aspek tersebut.



Pelanggan yang menghadiri sesi berhias dan penampilan diri anjuran Dr. Wendy terdiri daripada pelbagai latar bangsa dan kerjaya.

Amat penting bagi setiap individu untuk memahami dan menjaga penampilan diri, lebih-lebih lagi jika seseorang itu suri teladan kepada masyarakat umum. Contohnya, pemimpin politik, artis, selebriti, pengengaruh, pemimpin tertinggi syarikat korporat, dan agensi kerajaan. Inilah kelompok manusia yang banyak mempengaruhi pemikiran masyarakat umum. Pakaian, etika dan cara berkomunikasi mencerminkan tingkat pemikiran masyarakat.

Perunding imej bukan sekadar berkongsi tentang cara memilih solekan, dandanan rambut, pakaian dan aksesori semata-mata, bahkan melibatkan cara berkomunikasi dan bahasa tubuh yang wajar dikuasai dengan baik. Kegagalan menyeimbangkan semua elemen ini akan membuatkan personaliti tersebut pincang dan tidak memberikan impak yang baik kepada kerjaya mereka.

Bagi menarik perhatian pelanggan atau orang ramai mengambil perkhidmatan yang ditawarkan, saya pernah membuka kaunter jualan di sebuah kompleks beli-belah (The Curve) bagi menjual pelbagai aksesori import dari Amerika Syarikat. Apabila kaunter aksesori ini dibuka, saya berpeluang untuk memberikan kesedaran kepada para pelanggan yang singgah sama mereka membeli atau sebaliknya. Yang penting, mereka dapat mengetahui tentang kelas latihan penampilan diri yang disediakan oleh syarikat saya.

Pada peringkat awal, semuanya agak sukar kerana umumnya masyarakat Malaysia kurang menyedari akan kewujudan kerjaya perunding imej dan kini semuanya telah berubah dan semakin baik. Selepas 23 tahun dalam bidang ini, kesedaran masyarakat mengenai bidang yang saya ceburi kini lebih baik, bukan sahaja oleh sektor korporat, malah agensi kerajaan umumnya dan individu khususnya.

Siapakah yang memerlukan perkhidmatan Perunding Imej?

Kerjaya sebagai Perunding Imej sangat diperlukan dalam pelbagai bidang dan industri. Hal ini berikutan kerjaya ini tidak sekadar memberikan khidmat nasihat kepada pelanggan semata-mata, malah etiket dan etika dari pelbagai aspek seperti cara memperkenalkan diri, memberi kad nama, memulakan perbualan dan cara bercakap di hadapan khalayak.

Tanpa disedari, cara kita membawa diri ketika di majlis keraian juga memberikan impak yang tersendiri, lebih-lebih lagi majlis yang melibatkan tetamu kenamaan, kerabat diraja, warga korporat dan golongan profesional.

Untuk memulakan perbualan, dilarang sama sekali memulakan perbualan yang menyentuh isu politik semasa dengan menonjolkan kecenderungan yang tertentu seperti menghentam kerajaan atau pihak bukan kerajaan, mengulas atau mengkritik amalan budaya kaum atau bangsa tertentu atau perkara luah.

Alangkah moleaknya perbualan dimulakan dengan topik ringkas dan santai seperti memuji penampilan seperti sut atau tudung yang sesuai dengan penampilan individu yang baru sahaja dikenali. Kaedah ini dapat mewujudkan kemersaan yang spontan dan semula jadi.

Selain itu, intonasi yang sederhana kuat juga penting dititikberatkan. Jangan bercakap terlalu kuat atau terlalu perlahan. Intonasi yang terlalu kuat atau terlalu perlahan akan menyebabkan individu lain kurang selesa untuk meneruskan perbualan dengan anda. Kerjaya ini sangat penting kerana skopnya sangat luas dan boleh dikatakan melibatkan semua elemen dalam kehidupan manusia, dari kepala hingga ke hujung kaki.

Sepanjang sesi bengkel imej, saya akan membuat simulasi dalam pelbagai situasi. Sebagai contoh, saya akan meminta para peserta melakonkan semula pelbagai situasi seperti menghadiri majlis makan malam bagi meraikan kejayaan sebuah syarikat korporat meraikan ulang tahun penubuhannya yang ke 50 tahun.

Selain wajib memperkenalkan diri, jika sampai lewat ke majlis tersebut, seseorang itu perlu memohon maaf kepada tuan rumah atau pihak penganjur. Jangan membuat mimik muka yang tidak selesa sepanjang berada di majlis berkenaan dan elakkan bahasa tubuh yang memberikan isyarat bahawa anda tidak mahu didekati seperti berpeluk tubuh, muka yang masam atau ketawa yang berlebihan sehingga mencuri tumpuan tetamu lain.

Situasi ini tidak wajar berlaku dan memberikan imej atau reputasi buruk kepada individu berkenaan dan nama syarikat atau organisasi yang diwakilinya juga akan terpalit dengan sisi negatif dari perspektif para tetamu lain yang hadir pada majlis yang sama.

Apakah nasihat anda kepada mereka yang bakal menempuh sesi temu ramah untuk mendapatkan pekerjaan?

Kepada para pelajar khususnya graduan, ambil langkah yang paling penting, iaitu menjaga kesihatan dan kebersihan diri yang merupakan aspek yang paling asas dalam membina imej dan personaliti diri. Ambil berat dan jadikannya rutin dengan mencuci muka, menggosok gigi, memakai deodoran, membersihkan telinga, memotong kuku dan rambut, memakai pakaian yang bersih dan berseterika (khususnya pakaian formal), memakai wangian dan pelbagai elemen lain yang wajib menjadi rutin harian ketika di rumah mahupun di kampus.

Rutin penjagaan ini secara langsung dan tidak langsung akan menjadikan anda seorang yang pembersih dan menjaga penampilan sehingga tanpa sedar mewujudkan keselesaan dan kebolehpercayaan diri, malah kepada orang di sekeliling seperti rakan sekuliah dan pensyarah.

Apabila penjagaan dan kebersihan diri telah sehati, maka tidak sukar untuk membina personaliti seperti memilih pakaian yang sesuai dengan bentuk tubuh, mempelajari etiket atau etika dalam pelbagai majlis dan acara sama ada berbentuk formal ataupun sebaliknya.

Bagi saya, graduan perlu mempunyai ilmu mengenai penampilan diri sebelum terjun ke dunia pekerjaan, lebih-lebih lagi apabila ingin menghadiri sesi temu duga. Ketika sesi tersebut yang merupakan sesi yang genting, para penemuduga bukan sahaja menilai sekeping sijil atau ijazah semata-mata

bahkan perkara pertama yang dilihat ialah wajah dan penampilan calon yang hadir dalam sesi temu duga tersebut.

Bukan soal cantik dan tampan tetapi harus seiring dengan kecemerlangan sijil dan seiring dengan penampilan ketika sesi temu duga tersebut agar menjadi calon yang paling sesuai untuk bekerja dengan syarikat atau organisasi berkenaan yang mewakili imej korporatnya.

Di luar negara seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, individu atau syarikat korporat sanggup membayar yuran yang agak mahal kepada perunding imej bagi mengubah atau memperbaiki penampilan diri sendiri atau pekerja mereka. Dalam situasi tertentu, perunding imej juga memainkan peranan yang penting untuk membimbing eksekutif yang berkecukupan bagi kenaikan pangkat agar mampu mengendalikan pelbagai situasi khususnya apabila mengadakan mesyuarat atau perundingan dengan syarikat lain yang sebenarnya menjadi imej dan penjenamaan bagi syarikat tersebut.

Bagaimanakah anda mengenal pasti kategori khalayak yang turut berperanan penting dalam etika dan komunikasi yang berkesan?

Kategori khalayak memainkan peranan yang penting dalam membantu seseorang Perunding Imej memberikan tip dan panduan serta cara individu berkomunikasi. Kategori khalayak membolehkan kita memilih laras bahasa dan cara berkomunikasi yang sesuai mengikut latar akademik, cara hidup dan status seseorang.

Sebagai contoh, jika anda seorang ejen hartanah yang menjual unit rumah berharga sekitar RM1 juta, maka pembeli sasaran terdiri daripada mereka yang mempunyai pendapatan dan akademik yang baik atau lebih tepatnya, golongan T20. Oleh itu, cara ejen hartanah berurusan dengan golongan T20 ini pastinya berbeza jika pada masa yang sama perlu juga memasarkan rumah yang berharga sekitar RM100 ribu untuk golongan B40, misalnya. Konsep ini bukan bermakna layanan dan kemesraan itu berubah tetapi cuma cara berkomunikasi, laras bahasa dan pendekatan psikologinya sahaja yang berbeza.



Liputan akhbar dan majalah banyak membantu Dr. Wendy sebagai Perunding Imej yang berkecukupan menembusi dunia korporat.



WAWANSABDA BAHASA

Siapakah pelanggan anda?

Pelanggan saya terdiri daripada syarikat korporat dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), agensi kerajaan seperti Kumpulan Wang Simpanan Kerajaan (KWSP), Perbadanan Putrajaya, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Sime Darby, Petronas, Maybank, Ambank, Celcom, Digi, Media Prima dan Khazanah. Selain itu, saya turut memberikan khidmat perunding imej secara individu. Setelah hampir 20 tahun dalam bidang ini, saya telah melatih ribuan pelanggan dan lebih daripada 500 syarikat, organisasi dan agensi kerajaan.

Bagaimana cara anda menguasai bahasa Melayu?

Saya dibesarkan dalam kalangan majoriti orang Cina. Oleh itu, perbualan harian saya sememangnya dalam bahasa Mandarin sepenuhnya. Namun begitu, senario ini berubah setelah saya mendapat tawaran menyambung pengajian di UM. Buat pertama kalinya, saya bergaul dengan lebih ramai orang Melayu dan India, selain rakan sekuliah berbangsa Cina.

Jadi, sepanjang belajar di UM, saya mengambil kesempatan mengasah kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan lebih baik. Saya tidak menafikan bahawa aspek kosa kata, tatabahasa dan perkataan dalam bahasa Melayu agak sukar disebut namun saya sentiasa cuba memperbaikinya.

Saya masih ingat lagi, antara elemen yang menyebabkan bahasa Melayu saya semakin baik adalah apabila perlu berurusan dengan para pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis. Majoriti mereka yang mendapatkan rawatan tersebut hanya boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Oleh itu, saya perlu berkomunikasi sepenuhnya dalam bahasa kebangsaan bagi membolehkan data dan rawatan yang mereka perlukan dapat saya laksanakan.



Usaha Dr. Wendy dalam mendidik masyarakat Malaysia tentang pentingnya penampilan diri yang baik kini membuka mata banyak pihak.

Jenama atau keselesaan yang paling penting dalam penampilan diri?

Pakai mengikut keselesaan dan kemampuan, bukan mengikut gaya atau penampilan orang lain. Oleh sebab itu, setiap individu perlu mengenali tubuh sendiri. Pakaian

atau baju yang dipakai oleh orang lain kelihatan menarik dan cantik itu tidak bermakna sesuai untuk anda. Bak kata pepatah Melayu, "Ukur baju di badan sendiri".

Ingin saya tekankan, untuk jenama dan penampilan diri yang lebih spesifik, fahamilah konsep "ABC", iaitu A untuk appearance (penampilan), B untuk behavior (sikap atau bahasa tubuh) dan C untuk communication (komunikasi). Ketiga-tiga elemen ini akan membantu anda untuk pergi lebih jauh dalam bidang yang diceburi dan diminati. Sebelum mengakhiri temu ramah ini, saya ada serangkap pantun untuk para pembaca ruangan Wawansabda Bahasa.

*Wanita cantik pakai anting-anting,
Berjalan kaki pergi kolej;
Penampilan diri sangat penting,
Jangan lupa Dr. Wendy Penunding Imej. DB*



TRIVIA

Nama Penuh: Dr. Wendy Lee
Pekerjaan: Konsultan Imej, Usahawan dan Pempengaruh
Tempat Lahir: Pulau Pinang
Tinggi: 159cm
Berat: 48kg
Hobi: Mengembara, Menerbitkan Kandungan Media Sosial, Bersenam dan *Body Combat*.
Makanan Kegemaran: Sambal Belacan, Masakan Nyonya, Masakan Thai dan Makanan yang Pedas dan Berlemak.
Minuman Kegemaran: Nescafe Tarik
Warna Kegemaran: Kuning

Pendidikan:

- SJK(C) Perempuan China, Georgetown, Pulau Pinang.
- SMJK Perempuan China, Georgetown, Pulau Pinang.
- Ijazah Sarjana Muda Sains, Universiti Malaya
- Kedoktoran Pentadbiran Perniagaan, Universiti Teknologi MARA - Poland

Moto hidup: "Kecantikan Dalam Seiring dengan Akhlak."

IG : @wendyimageconsultant

Facebook: Wendy Lee

Tik Tok: @wendyimageconsultant

YouTube : Wendy Lee Image Consultant




<https://www.youtube.com/@magicfingers9026>



KUMPULAN SAJAK

TERKINI DI PASARAN **2023** TERKINI DI PASARAN



API CINTA YANG LAIN **RM14**
Mabelmaddin Shaiddin



MELAWAN KEBIASAAN **RM16**
Hasyuda Abadi




AKU INGIN MENJADI ANGIN **RM15**
Jamail Masador



SEBELUM MENEMUKAN MIMPI **RM14**
Mohilis



KATA-KATA SEBELUM MAKNA **RM14**
Anisul-Jalis



HUDHUD DAN WARKAH DARI MASJID NOORI **RM15**
Mohd Azrone Sarabatin



Peribahasa Citra Akal

Budi Bangsa

Peribahasa merupakan satu daripada cabang sastera Melayu lama yang masih digunakan hingga kini. Sebahagian besar daripada peribahasa Melayu sangat baik dan teratur dari segi penggunaan bahasanya. Bentuk bahasa yang digunakan pula walaupun sangat ringkas dan padat, tetapi berisi dengan makna yang tepat dan kiasan yang tajam.

Menurut Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1974), peribahasa sesuatu bangsa itu mencerminkan watak bangsanya. Peribahasa itu dicipta melalui pengalaman hidup rakyat jelata dan orang yang arif lagi bijaksana yang mengeluarkan ungkapan hasil daripada renungannya yang tajam terhadap lingkungan dan persekitaran.

Orang yang arif dan bijaksana itu ialah orang yang tahu dikias dengan banding, tahu pada lahir dan batin, serta tahu akan apa-apa yang tersurat dan apa-apa yang tersirat. Mereka melihat sesuatu dengan mata hati yang kritis; merenung cara-cara yang baik untuk dijadikan pegangan dalam hidup; dan hasil renungan itulah yang diucapkannya dengan kias dan sindiran yang tajam. Bahasa yang berkias dan mempunyai makna atau maksud tertentu itulah yang disebut sebagai peribahasa dan simpulan bahasa.

Begitu juga halnya dengan pantun. Pantun merupakan satu daripada bentuk puisi Melayu yang paling popular dari dahulu hingga kini. Dalam lingkungan masyarakat Melayu, pantun digunakan untuk menyampaikan pemikiran dan mesej secara halus dan tersirat melalui bahasa yang berseni dan indah. Pemikiran dan mesejnya dicurahkan secara tidak langsung menggunakan unsur alam dan persekitaran sebagai perlambangannya.

Dalam konteks kehidupan orang Melayu zaman dahulu, mereka terkenal dengan budaya berbahasa dan mempunyai sikap yang sopan dalam perhubungan sesama anggota masyarakat. Budaya yang baik ini bukan sahaja ditunjukkan melalui sikap perilaku seharian malahan dalam komunikasi juga. Orang Melayu menggunakan bahasa yang santun dan berkias untuk menegur dan memberikan nasihat.

Penggunaan bahasa berkias dan berlapis untuk mengelakkan orang lain sakit hati dan terluka dengan cara kita menegurnya. Orang Melayu dahulu suka melihat sesuatu dengan mata hati yang kritis. Mereka merenung dan mengungkapkannya dengan cara-cara yang baik untuk dijadikan pegangan hidup orang banyak supaya kehidupan mereka selamat dan sempurna. Misalnya, apabila melihat orang tergopoh-gopoh membuat pekerjaannya sehingga pekerjaan itu rosak dan hasilnya tidak sempurna, maka berkatalah mereka sebagai suatu bandingan, iaitu "Biar lambat, asal selamat" dan "Takkan lari gunung dikejar".

Maka itu, orang pun mula berfikir dengan mendalam tentang kiasan itu dan memang benar gunung itu tidak akan lari. Lalu mereka pun berhati-hati dalam pekerjaan dan dapat dilakukan dengan selamat. Orang Melayu dahulu juga lebih suka cakap berlingdung dan tujuannya adalah untuk menjaga perasaan dan hubungan agar tidak menimbulkan sengketa. Penggunaan bahasa berkias dan berlapis untuk mengelakkan

orang lain sakit hati dan terluka dengan cara kita menegurnya.

Kalau kita kaji kembali semua peribahasa itu, kita akan dapat melihat betapa luasnya renungan dan fikiran leluhur kita yang lalu itu ketika menyusun tatatertib hidup sehingga sebahagian besar daripada hasil renungan dan fikiran mereka itu masih boleh digunakan hingga kini. Peribahasa ini telah diperturunkan daripada generasi kepada generasi dan dari segi maksudnya "tidaklah bermasalah" kerana masyarakat dapat memahaminya dengan mudah.

Bagi generasi baharu, mereka boleh dibimbing untuk memahaminya dan hal yang berkaitan dengan peribahasa turut diselitkan dalam pendidikan di sekolah. Misalnya, seorang guru boleh menasihati muridnya yang pendiam semasa sesi pengajaran dan pembelajaran melalui ungkapan seperti "Malu bertanya, sesat di jalan, malu berdayung perahu hanyut".

Menerusi peribahasa itu, sebenarnya kita dapat menduga kelompok Melayu mana yang menghasilkan, misalnya dari sudut pemilihan perkataannya. Lebih tua

Dalam konteks kehidupan orang Melayu zaman dahulu, mereka terkenal dengan budaya berbahasa dan mempunyai sikap yang sopan dalam perhubungan sesama anggota masyarakat.



DARIHAL BAHASA .

sesuatu bangsa itu, lebih banyak dan lebih klasik pulalah peribahasanya. Dari segi usianya pula, hampir semua bangsa termasuklah bangsa Melayu tidak dapat membuat garis masa, sejak bilakah peribahasa itu mula digunakan kerana peringkat awal penggunaan peribahasa adalah secara lisan tanpa rakaman bertulis.

Walaupun kita tidak tahu usia sesuatu peribahasa itu, kita dapat menduga secara umum kelompok Melayu yang menghasilkan. Hal ini dapat dilakukan misalnya melalui pemahaman terhadap pilihan kata dan maksud yang ingin disampaikan. Misalnya, seorang petani yang sedang mengerjakan sawahnya bertemu dengan dua ekor ikan keli dalam satu lubang di tepi permatang sawahnya itu. Oleh sebab kejadian itu mungkin jarang-jarang terjadi, maka berkesanlah dalam ingatannya. Apabila ada kejadian di suatu kampung seorang perempuan yang mempunyai dua kekasih, lalu terkeluarlah ungkapan, "Keli dua selubang" dari mulut petani itu.



Ungkapan yang dianggap tepat itu, akhirnya selalu digunakan apabila ada kejadian yang sama dan lama-kelamaan menjadi perumpamaan yang khusus.

Bagi kumpulan nelayan, mereka akan terbiasa dengan ungkapan seperti, "Kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga", "Berakit rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian; Bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian", dan "Kalau tak ada angin, masakan pokok bergoyang". Bagi kumpulan pendidik pula, mereka akan terbiasa dengan ungkapan "Guru kencing berdiri, murid kencing berlari" dan "Kalau guru makan berdiri, maka muridnya makan berlari". Daripada contoh itu, dan daripada 4359 peribahasa yang terakam dalam *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (2010), dapatlah disimpulkan bahawa peribahasa tersebut mempunyai pelbagai tema yang berkaitan dengan penciptanya kerana peribahasa itu "lahir" daripada penghayatan pencipta terhadap alam dan lingkungannya.

Bahasa Melayu sebenarnya bahasa yang kaya dengan kosa katanya. Untuk mengungkapkan satu maksud, kita dapat menggunakan pelbagai bentuk kata yang membawa maksud yang sama. Misalnya untuk kematian. Kita boleh menggunakan pelbagai kata daripada yang halus hinggalah yang kasar, seperti wafat, mangkat, meninggal dunia, sudah tiada, terkorban, pergi menghadap Ilahi, pergi buat selamanya, kembali ke rahmatullah dan terbunuh serta mampus (kasar).

Begitu juga dengan peribahasa. Untuk menerangkan satu maksud, ada juga beberapa peribahasa yang

boleh digunakan. Seperti "Tinggal gigi dengan lidah", "Tinggal kain sehelai sepinggang" dan "Tinggal kelopak salak" digunakan untuk membawa maksud "Telah habis harta sama sekali kerana kerugian atau kecurian". Untuk maksud "Kurus kering" pula beberapa peribahasa yang boleh digunakan, seperti "Tinggal jangat pematul tulang", "Tinggal kulit pematul tulang" dan "Tinggal tulang dengan kulit". Peribahasa yang bersamaan maksud itu disebut sebagai peribahasa yang bersinonim.

Agar peribahasa Melayu ini tidak hilang dan tenggelam ditelan oleh arus zaman, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) aktif memperkenalkan peribahasa, khususnya peribahasa Melayu lama atau klasik di laman media sosialnya, seperti Facebook dan Instagram DBP. Untuk tujuan tersebut, buku peribahasa yang digunakan ialah *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*, susunan Sasterawan Negara Abdullah Hussain. Buku ini pada asalnya diterbitkan oleh Oxford University Press, Kuala Lumpur pada tahun 1965, dan diterbitkan semula oleh DBP pada tahun 1975 untuk cetakan pertama. Seterusnya, buku ini telah dicetak ulang beberapa kali sehinggalah mula diterbitkan dalam edisi kedua sejak tahun 1989.



Kamus Istimewa Peribahasa Melayu diterbitkan oleh DBP sejak tahun 1975.



Dalam buku tersebut, terdapat banyak peribahasa klasik yang telah terakam sejak tahun 1975. Untuk “menghidupkan” penggunaannya, DBP telah mengambil inisiatif memperkenalkan peribahasa Melayu lama melalui media sosial agar masyarakat mengetahui dan dapat menggunakannya semula baik secara lisan mahupun dalam tulisan. Seterusnya, kita dapat bersama-sama menyebarkan penggunaan peribahasa dalam penulisan yang bersesuaian agar tidak hilang ditelan zaman. Selain DBP, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga terlibat dalam menyemarakkan kesedaran terdapat kewujudan peribahasa dan menggalakkan penggunaannya dengan memasukkan pengajaran dan pembelajaran peribahasa dalam buku sekolah, khususnya buku Bahasa Melayu.

Dalam hal yang berkaitan dengan peribahasa Melayu, DBP terlibat secara langsung dalam penyebaran luas buku rujukan atau kamus peribahasa dan penggalakan penggunaannya. Hal ini dilakukan dengan cara menerbitkan buku-buku peribahasa untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan masyarakat. Antara buku peribahasa yang diterbitkan oleh DBP sejak sekian lama termasuklah *Kamus Simpulan Bahasa* (sejak tahun 1966), *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (sejak tahun 1975), *Peribahasa Sekolah Rendah* (sejak tahun 2007) dan *Peribahasa Sekolah Menengah* (sejak tahun 2003). Kamus-kamus tersebut telah dicetak ulang beberapa kali. Hal ini menunjukkan bahawa ada sambutan dan minat masyarakat terhadap bahan tersebut.

Untuk menyemarakkan pengetahuan orang awam terhadap koleksi peribahasa yang ada dalam bahasa Melayu, DBP telah memainkan peranannya melalui penerbitan buku atau kamus simpulan bahasa untuk rujukan masyarakat.



Kamus Simpulan Bahasa diterbitkan oleh DBP sejak tahun 1966.

Untuk menyemarakkan pengetahuan orang awam terhadap koleksi peribahasa yang ada dalam bahasa Melayu, DBP telah memainkan peranannya melalui penerbitan buku atau kamus simpulan bahasa untuk rujukan masyarakat. Untuk “menghidupkan” penggunaannya, usaha yang dilakukan oleh DBP dalam menyebarkan peribahasa Melayu lama dalam media sosial (Facebook DBP) agar masyarakat mengetahui dan dapat menggunakannya semula baik secara lisan mahupun dalam tulisan merupakan suatu usaha yang amat berkesan. Seterusnya, kita dapat bersama-sama menyebarkan penggunaan peribahasa dalam penulisan yang bersesuaian agar tidak hilang ditelan zaman.

Selain DBP, pihak KPM dengan kerjasama DBP turut terlibat dalam “menghidupkan” kesedaran terdapat kewujudan peribahasa dan menggalakkan penggunaannya dengan memasukkan pengajaran dan pembelajaran peribahasa dalam buku sekolah, khususnya buku Bahasa Melayu. Dengan cara tersebut, para pelajar dapat mempelajarinya sejak di bangku persekolahan dengan harapan dapat menanam kecintaan terhadap khazanah keunikan dan kekayaan bahasa Melayu yang cukup berseni. **DB**

Namanya Asmah Hanim, tetapi aku lebih senang memanggilnya Rakabidona. Manis, bukan, bunyinya? Pada mulanya, aku tidak ambil pusing sama ada ada atau tidak orang lain ingin tahu sebab-musabab aku memanggilnya dengan nama itu. Namun begitu, lama-kelamaan secara beransur-ansur, barulah aku sedar bahawa bukan sedikit jumlah yang berminat merincikan kelahirannya. Ada yang bertanya secara langsung, ada yang menggunakan perantaraan, bahkan ada yang mencipta gosip. Buat sekian lama, perkara itu terperap di dasar telaga persahabatan kami. Ya, panggilan itu hanyalah perkongsian peribadiku dengan Asmah Hanim, tetapi barangkali sekarang sudah sampai masanya tali rahsia ini kuburaikan!

“Assalamualaikum, Rakabidona – sahabat yang baik. Apa perkhabaran anda pada hari ini?” ujarku pada suatu pagi tatkala kami terserempak di kawasan letak kereta tidak jauh dari bangunan kecil yang menempatkan ruang kerja kami sebagai pakar pembimbing mata pelajaran di sebuah pejabat pendidikan daerah di negeri Tanah Hitam Putih ini.

“Waalaiikumussalam, saya baik. Sahabat pula apa khabar?” balasnya. Dia tersenyum ramah dengan penampilan yang anggun bak primadona. Sambil berkata-kata itu dia mencapai beg komputer ribanya dari tempat duduk sebelah pemandu dalam kenderaan biru mudanya.

“Saya juga baik, sihat, bermotivasi, tetapi ada banyak kerja yang perlu diuruskan pada hari ini. Bahan pembentangan mesyuarat kita baru separuh siap. Kunjungan ke sekolah di bawah seliaan saya sebagai Pegawai Perhubungan perlu diproses datanya sebelum dikirim kepada pihak yang berkenaan secara dalam talian,” ujarku agak kuat untuk mengatasi kebisingan deru enjin kenderaan pegawai dan kakitangan lain di premis itu yang baru tiba.

“Alhamdulillah, sahabat sihat. Itu sangat bagus. Senang saya



RAKABIDONA

mendengarnya. Betullah kita sibuk. Itu sudah rutin. Kita hanya tidak sibuk barangkali setelah kita bersara. Jadinya, saya lebih suka mendengar sahabat sihat dan sejahtera. Pagi-pagi begini, eloklah kita mengisi sedikit waktu dengan resipi bicara begitu,” katanya masih dengan

keramahan yang mewangi sebelum menyambung, “Kerap sahabat panggil saya, Rakabidona. Apakah itu sebenarnya, ya?”

Aku tersenyum kecil; menyedut kesegaran udara yang masih berkabus. Pertanyaannya itu kubiarkan tergantung begitu sahaja.

Sengaja jawapan itu kutanggungkan agar Asmah Hanim tertunggu-tunggu. Biarlah dia diselimuti oleh suspens dalam sejumlah sela waktu. Aku melihat jam tangan dan memberikan isyarat bahawa kami kelewatan menangani satu perkara penting jika kami masih berada di situ dan terus membincangkan persoalan sebentar tadi. Segera kami ke pintu bangunan utama premis itu untuk merekodkan kehadiran harian, menjenguk ruang surat peribadi, kemudian ke bangunan kecil tadi semula untuk ke bilik kerja masing-masing.

“Rakabidona itu akronim ciptaan saya yang berasal daripada frasa “rakan karib yang bijak dan anggun bagaikan primadona”. Tidak semua kosa kata dalam frasa itu saya libatkan dalam pungutan suku kata yang membentuk akronim tersebut. Yang saya cicirkan dalam pembentukan akronim itu empat kosa kata, iaitu “yang”, “dan”, “anggun”, dan “bagaikan”. Suku kata “ra” saya pungut daripada kosa kata “rakan”. Suku kata “ka” saya petik daripada kosa kata “karib”. Suku kata “bi” saya keluarkan daripada perkataan “bijak”. Dua suku kata seterusnya, iaitu “do” dan “na” saya cungkil daripada perkataan “primadona”. Oleh sebab akronim “Rakabidona” itu saya jadikan nama khas bagi merujuk sahabat sekerja saya yang bernama Asmah Hanim, maka huruf “r” pada pangkal perkataan baharu itu dieja dengan huruf besar. Begitulah kisahnya. Sahabat sedar rumus bahasa penciptaan akronim yang saya guna itu tadi, bukan?” tanyaku kepada Asmah Hanim melalui teks aplikasi WhatsApp.

Roda waktu bergolek di landasan masa; bertukar dari saat ke minit. Detik sedemikian bagaikan berlalu percuma. Hingga kini, belum ada apa-apa respons daripada Asmah Hanim, sungguhpun ada tanda bahawa teks WhatsApp kirimanku telah diterima dan dibacanya. Aku percaya ketika itu, Asmah Hanim berada di bilikny kerana

Hingga kini, belum ada apa-apa respons daripada Asmah Hanim, sungguhpun ada tanda bahawa teks WhatsApp kirimanku telah diterima dan dibacanya.

dapat kudengar sebahagian bunyi pergerakannya. Itu bukan suatu kemustahilan kerana bilik kerja kami hanya dipisahkan oleh satu lorong laluan umum yang berkelebaran tidak melebihi empat kaki. Barangkali Asmah Hanim sedang duduk di kerusi dan sesekali bangun mencari sesuatu di rak di tepi dinding.

Aku kembali menaip teks WhatsApp dengan nukilan beberapa ayat. Kumasuki ruang fikirnya dengan berkata; “Barangkali penjelasan saya tadi terlalu bersifat akademik. Biarpun begitu, saya berharap sahabat sudi berusaha memahaminya! Sekiranya sahabat belum juga sampai ke garisan kefahaman, saya fikir eloklah kita mengusahakan satu sidang kecil diskusi dan penghuraian. Penciptaan akronim seperti ini sebenarnya bukanlah sekadar subur di ladang bahasa Melayu, malah mengharum di padang bahasa lain, termasuklah bahasa Inggeris. Asas kelahiran “Rakabidona” juga pelbagai tetapi yang paling utama, tanda hormat saya kepada sahabat. Banyak sifat terpuji sahabat miliki dan itu bersesuaian dengan sudut pandang kehidupan saya. Dari sisi yang lain, kita berhadapan dengan masalah yang hampir serupa, kekangan yang mirip, dan cabaran yang tidak jauh berbeza. Akhirnya, kita saling membantu dalam banyak aspek. Itu amat penting bagi memastikan bidang bahasa yang kita uruskan itu sentiasa cemerlang dan guru yang kita bimbing dapat diselia ke arah pencapaian yang terpuji”.

Selepas mengirim teks kedua yang panjang lebar tentang “Rakabidona”, aku tidak ambil kisah lagi sama ada Asmah Hanim membaca atau tidak naratif itu. Kukira penjelasan itu difahaminya nanti. Segera kupadamkan daftar perbualanku dengannya lalu kumulakan kerja penting pagi itu. Kukunci pintu bilik dari dalam, kuletakkan telefon bimbit dalam laci meja, dan kuaktifkan komputer riba. Aku berkurung hingga tengah hari. Aku hanya keluar untuk ke bilik air serta ke

musala. Untuk mengalas perut, aku mempunyai roti rendah lemak. Di sudut bilik, aku mempunyai peralatan dan bahan untuk membancuh kopi dan Milo kosong.

"Maaf, saya tidak mampu membalas teks sahabat tadi," ujar Asmah Hanim. Waktu itu, kami berpapasan di lobi pejabat di bangunan utama premis. Aku baru lepas bersolat Asar dan mahu merekodkan waktu pulang, Asmah Hanim baru selesai berbuat demikian.

"Itu perkara biasa. Saya telah menjangkakannya," balasku ringkas.

"Saya harap ada sesuatu yang lebih menarik dapat kita cipta tentang kerja kita."

"Ada. Saya menemukan perkara baharu tadi tetapi kerana sibuk, saya tidak sempat berkongsi idea itu dengan sesiapa pun. Saya pasti ini juga menarik dan mampu membantu kita mengukuhkan kemahiran guru-guru membimbing murid," kataku tanpa teragak-agak.

"Berkongsilah dengan saya!" Asmah Hanim mengikutku ke tempat letak kenderaan. Seakan-akan ada sesuatu yang terbuka di penjuruk sukmanya. Bongkah perasaan sedemikian itu dapat kukesani tetapi aku tidak mahu bertanya kerana itu akan mengambil waktu.

"Esok kita atur satu pertemuan ringkas dengan rakan-rakan yang lain!" Aku memberikan jawapan yang mampu mengalih titik fokus perbualan agar isu itu cepat diakhiri.

"Berkongsilah dengan saya terlebih dahulu. Selanjutnya, saya beritahu yang lain-lain, boleh?" Asmah Hanim kelihatan berminat berbicara sungguhpun dia juga kalut mahu pulang.

"Setuju. Esok sahaja, ya, sahabat!" Aku merenungnya sekilas; mengekalkan anyaman keramahan agar tidak ada hati yang terguris.

"Terima kasih. Kesediaan itu sangat dihargai!" balasnya. Aku mengangguk, masuk kereta, menghidupkan enjin, lalu pulang.

Langsir harian tersingkap dengan pantas, membuang selimut kabus yang tebal dan gigih membungkus

persekitaran pejabat kami. Matahari begitu cepat berusia remaja. Seperti yang dipersetujui dalam diskusi ringkas malam tadi, hari ini selepas bersarapan di premis pilihan masing-masing, kami berkumpul di bilik Ujana Ilmu. Beberapa cabaran dan kekangan dalam memikul tugas sebagai pegawai pembimbing perlu dibincangkan agar penyelesaiannya diperoleh terutama permasalahan yang melibatkan pelaksanaan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang Dua, yang dikenali dengan nama ringkasnya, SKPMG2.

"Ingat ya, dalam banyak perkara, tugas kita terarah pada pemerksaan Standard 4, iaitu Pembelajaran dan Pemudahcaraan atau ringkasnya Pdpc," kata Che Azmai yang merupakan Pegawai Pembimbing Matematik bersama-sama Nor 'Al-Fatihah. Azmi, Azni, Laileesun, dan Haiti kelihatan serius; tekun memasang telinga. Asmah Hanim tekal membuat catatan.

"Itu saya setuju. Berkaitan dengan persoalan ini, ada masalah dalam kalangan rata-rata guru yang kita bimbing. Saya dapati, berlaku kesukaran untuk mereka mengamalkan enam aspek peranan, iaitu lima aspek yang melibatkan peranan guru sebagai pemudah cara. Satu aspek lagi merupakan peranan murid sebagai pelajar. Dalam kebanyakan sesi bimbingan, terkesan bahawa jarang-jarang cukup enam aspek tersebut dalam sesuatu sesi PdPc," sampuk Azmi.

"Ringkasnya begini, mereka gagal menghafal rukun tersebut. Keenam-enam aspek itu mungkin juga panjang untuk dihafal. Biar saya sebut di sini, ya," ujar Asmah Hanim. Dia diam seketika, kemudian menyambung; "Aspek pertama, guru sebagai perancang. Dalam konteks ini, guru seharusnya bertindak lebih awal untuk memastikan adanya kesediaan dan persediaan yang rapi dalam melaksanakan sesuatu sesi PdPc. Aspek kedua, guru sebagai pengawal. Berkaitan dengan persoalan ini, seseorang guru seharusnya sentiasa mengawal

kelancaran proses PdPc seperti yang dirancang, iaitu yang ditulis dalam rekod persediaan mengajar mengikut teknologi yang dipersetujui pihak sekolah. Aspek ketiga, guru sebagai pembimbing. Berkaitan dengan permasalahan ini, guru hendaklah berusaha secara konsisten untuk memastikan murid menguasai pengetahuan, menguasai kemahiran, dan mengamalkan nilai tertentu berdasarkan objektif pembelajaran."

"Biar saya sambung aspek keempat hingga keenam," sampuk Laileesun dengan teruja.

"Silakan!" balas Asmah Hanim.

"Terima kasih. Ini perkongsiaannya," ujar Laileesun sambil menyelak buku catatannya. Dia mengambil sedikit masa sebelum memandang persekitaran ruang lalu bersuara; "Aspek keempat ialah guru sebagai pendorong. Apabila diperlukan sebagai pendorong, seseorang guru wajib berikhtiar mendekati muridnya tanpa pilih kasih. Guru itu perlu sentiasa berusaha meningkatkan motivasi murid serta memperkaya kemahiran insaniah murid. Aspek kelima pula, guru sebagai penilai. Bagi memastikan peranan ini terlaksana dengan adil, seseorang guru perlu kenal hati budi muridnya dan membuat penilaian berasaskan pencapaian murid, bukannya diresapi oleh perkara yang lain. Akhir sekali, iaitu aspek keenam ialah murid sebagai pelajar yang aktif. Sesuatu PdPc boleh dianggap sebagai mencapai tahap yang diperlukan oleh SKPMG2 Standard 4 sekiranya murid dalam kelas tersebut aktif, iaitu cergas melaksanakan kegiatan, berani meneroka seterusnya menguasai pengetahuan, cekal dalam menguasai kemahiran, dan sentiasa mengamalkan nilai positif termasuklah bersopan, bertolak ansur, sabar, tabah, rasional, serta saling menghormati."

"Semua ini menepati keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan," kata Azni.

"Ya, itu betul, tapi ramai guru kata ini panjang sangat untuk dihafal," balas Haiti.



"Saya bersetuju. Ini sangat panjang dan menyukarkan guru," tambah Nor 'Al-Fatihah.

"Tidak adakah sesuatu cara untuk kita memendekkannya tetapi tiada sebarang kecaciran? Dengan perkataan yang lain, penjenamaannya ringkas namun merangkumi keseluruhan aspek yang diperlu dalam pelaksanaannya," kata Laileesun dengan wajah yang berkerut.

"Dalam bab ini, saya fikir kita serah kepada Encik Alias. Saya percaya Encik Alias ada penyelesaiannya," saran Asmah Hanim sambil memandang aku dengan harapan yang sarat.

"Saya setuju. Encik Alias, sila!" ujar Azmi.

Aku tersenyum lalu berkata; "Apa kata jika kita perkenalkan akronim "Rakabidona"?"

"Rakabidona lagi," sampuk Haiti sambil gelak kecil memandang Asmah Hanim.

"Ya, Rakabidona!" balasku tegas.

"Boleh tuan jelaskan?" kata Che Azmai dengan minat yang tinggi.

"Tentu boleh. Begini, kita ambil perkataan penting sahaja dalam setiap aspek peranan tersebut. Dalam aspek pertama, kita tahu bahawa guru berperanan sebagai perancang, maka kita petik perkataan "rancang" sahaja. Dalam aspek kedua pula dikatakan bahawa seseorang guru berperanan sebagai pengawal, maka kita ambil perkataan "kawal". Dalam peranan ketiga, dipersetujui

bahawa guru berperanan sebagai pembimbing, maka elok kita ambil perkataan "bimbing". Dalam aspek keempat digariskan bahawa guru berperanan sebagai pendorong, maka kita pungut perkataan "dorong". Dalam aspek kelima, kita dijelaskan bahawa peranan guru ialah penilai, jadi ada baiknya kita pilih perkataan "nilai" sahaja. Akhir sekali, iaitu aspek keenam, murid berperanan sebagai pelajar yang aktif, maka kita cungkil perkataan "aktif".

"Sekarang kita ada enam perkataan – rancang, kawal, bimbing, dorong, nilai, dan aktif. Bagaimana semua ini mahu diakronimkan?" Cepat Asmah Hanim mencelah. Enam orang yang lain secara tidak sengaja melekatkan pandangan kepadanya sebelum beralih kepadaku.

"Kita akronimkan semua itu menggunakan kaedah gabungan dua huruf awal perkataan tertentu, suku kata awal perkataan tertentu, dan huruf pertama perkataan tertentu," ujarku. Yang lain-lain diam. Aku menarik nafas dalam-dalam; bersiap siaga menerima apa-apa pertanyaan daripada sesiapa sahaja dalam kalangan yang berada di Ujana Ilmu ketika itu.

Suasana berterusan sepi. Tiada sesiapa pun bertanya. Biarpun begitu, aku tahu mereka masih memerlukan penjelasan. Tidak bertanya, bukan bermaksud mereka telah faham.

"Dalam perkataan "rancang" kita ambil huruf "r" dan huruf "a".

Dalam perkataan "kawal" kita petik suku kata "ka". Daripada perkataan bimbing, kita cungkil huruf "b" dan huruf "i". Dalam perkataan "dorong" pula kita keluarkan suku kata "do". Daripada perkataan "nilai", kita pilih hanya huruf "n". Akhir sekali, daripada perkataan "aktif", kita pungut hanya huruf "a". Sekarang, cuba kita aturkan semua unit bahasa yang kita kenal pasti daripada semua perkataan tersebut, kemudian saya cadangkan seseorang membunyikannya dengan jelas," kataku sambil memandang rakan-rakanku itu satu per satu dengan penuh kelegaan.

"Rakabidona!" ujar Azmi.

"Wow, ini sungguh menarik!" tingkah Asmah Hanim, kemudian bertepuk tangan.

"Dalam konteks ini, Rakabidona sudah menjadi kata nama khas. Oleh sebab itu, huruf "r" itu perlu ditulis dengan huruf besar," kataku tanpa teragak-agak lagi.

"Alhamdulillah, syabas semua! Ini sesi perkongsian ilmu yang sangat bagus. Kalau akronim Rakabidona disebarluaskan dan diamalkan, insya-Allah guru lebih mudah mengajar, pelajar lebih mudah belajar, dan sistem pendidikan negara kita mendapat banyak manfaat," terpacul tiba-tiba Encik Afandi Abdul Ghani, yang juga Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pembelajaran daerah kami di muka pintu Ujana Ilmu.

Aku bersyukur atas ulasan ringkas beliau dan serentak itu kami bertepuk tangan! **DB**

Jika anda berminat menulis cerpen dan puisi, sila e-melkan karya asli anda yang bertemakan kebahasaan dan komunikasi kepada Sidang Editor *Dewan Bahasa*.



Tuah Badan Datuk D. J. Dave

“Siti apa khabar?”, tegurnya dengan nada riang sebaik-baik sahaja kami kelihatan di skrin. “Lama betul kita tak berjumpa”, tambahnya lagi.

“Ya, lama tak jumpa. Datuk sihat?” Saya bertanya pula kepada Datuk Irwan Shah, yang lebih dikenali sebagai Datuk D. J. Dave.

“Alhamdulillah.” Beliau menjawab pertanyaan saya yang menyerikan lagi forum pada pagi itu.

Walaupun pertemuan itu dalam alam maya namun penulis gembira. Teringat pula sewaktu penulis bertugas di Radio Televisyen Malaysia (RTM), beliau menjadi bintang dalam rancangan *Hiburan Malam Minggu*, yang penulis turut membantu menerbitkannya selama enam rancangan dan penerbitnya, Allahyarham Roslee Jalil.

Masih teringat lagi penulis apabila berdiri di hadapan penonton di studio untuk memberikan isyarat kepada penonton supaya bertepuk tangan untuk memulakan rancangan D. J. Dave di pentas yang disediakan di bawah sinaran lampu, di hadapan tiga buah kamera yang menghala kepadanya dan dengan senyuman di wajahnya menanti untuk memulakan persembahan. Bukan penulis sahaja yang senang dan selesa dengan selebriti ini, malah banyak petugas penerbitan pun begitu juga.

Sudah tentulah penulis gembira apabila dipertemukan dengannya

oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam sebuah acara. Pada 23 September 2021, DBP telah menganjurkan forum yang bertajuk “Lirik yang Berjiwa akan Hidup Selamanya” menerusi Studio Siaran Langsung Media Sosial DBP, yang menjemput Datuk D. J. Dave dan penulis sebagai ahli panel, serta Saudara Djazlam Zainal sebagai moderator. Program Canai Bahasa dan Sastera ini merupakan program tahunan anjuran DBP dengan kerjasama Gabungan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA). Forum ini banyak menyentuh pandangan Datuk D. J. Dave dan penulis sendiri tentang lirik dan pengalaman beliau sebagai penyanyi.

Apabila ditanya bagaimana munculnya nama D. J. Dave, beliau berkata, “Saya dilahirkan sebagai Dhammi Jagjit Sukhdev. Dari situlah munculnya nama D. J. Dave. Sebenarnya, sejak kecil lagi saya suka menyanyi, mungkin terpengaruh dengan ibu saya. Ibu saya suka menyanyi dan suaranya merdu macam penyanyi Hindustan, Lata Mangeshkar.”



Tahun 1972 menjadi tahun yang amat bermakna dalam hidupnya. Ketika memenuhi undangan RTM membuat persembahan untuk orang-orang kurang upaya, setelah beliau bernyanyi, seorang anak remaja kurang upaya telah datang kepadanya dan mencadangkan agar beliau menjadi penyanyi piring hitam kerana kelunakan suaranya. Beliau disarankan untuk menyanyikan lagu-lagu dalam bahasa Melayu. Cadangan itu membuat beliau memulakan langkah baharu sebagai seorang penyanyi.

Setelah kehadirannya diterima oleh peminat seni suara, beliau tidak pernah lupa akan remaja itu dan peristiwa tersebut. Sejak itu, pada setiap tahun ketika menyambut ulang tahun kelahirannya pada bulan Februari, tidak kira di mana-mana sahaja beliau berada sama ada di Australia, atau di Singapura, di Sabah atau Sarawak atau di beberapa tempat, beliau akan membuat persembahan amal untuk anak-anak kurang upaya. Lebih 40 tahun persembahan begini diadakan.

Kelunakan suaranya dan penampilannya yang rapi serta bergaya menjadikan dirinya diminati oleh peminat seni suara tanah air hingga kini. D. J. Dave bermula dalam dunia hiburan tanah air dengan membawa lagu-lagu berirama Hindustan. Antaranya termasuklah *Maafkanlah, Ku Tak Ingin Menangis Lagi* dan *Harum Bunga Kembang*. Pada mulanya, beliau menjadi artis rakaman Life Rekod pada tahun 1972 dengan menghasilkan album EP pertamanya, iaitu *Ku Tak Ingin Menangis Lagi*. Lagu ini menjuarai *Carta Lagu Popular* selama 13 minggu berturut-turut.

Beliau kemudiannya menyertai EMI pada tahun 1973, dan merakam album, *Ingin Bersua*. Sejak itu, hampir setiap tahun beliau muncul dengan album baharu, bukan hanya berirama Hindustan, bahkan lagu-lagu pop Melayu. Album beliau mendapat sambutan yang baik sekali dan telah menjulang namanya. Antaranya termasuklah *Masa yang Lepas Tak*

kan Kembali (1975), *Saat yang Kunanti* (1976), *Cahaya* (1977), *Hanya Mimpi* (1978), *Pesanan* (1980), *Kini Ku Menangis Lagi* (1981), *Anak Siapa (Di Jalanan)* pada tahun 1982, *Masa Merubah Segalanya* (1985), *Denyutan Hati* (1991), *Cukup Sudah* (2005) dan single yang berjudul *Nyawaku* pada tahun 2012, iaitu lagu ciptaan M. Nasir dan lirik ditulis oleh Ad Samad.

D. J. Dave telah merakam sebanyak 43 buah album dan menjadi artis yang bertahan lama dalam dunia hiburan tanah air. Beliau juga artis pertama Malaysia yang melancarkan album Hindi yang berjudul *Marḡ Gaye Oye* di India pada tahun 2005.

D. J. Dave seorang yang peramah dan tidak keberatan menghadiahkan senyuman kepada para peminatnya. Walaupun penulis lama mengenalinya, namun penulis mula menulis lirik untuk D. J. Dave pada tahun 1980 apabila EMI (Malaysia) Sdn. Bhd. mengeluarkan albumnya yang berjudul *Pesanan*, terbitan Allahyarham Omar Taib. Terdapat dua buah lirik penulis dalam album ini, iaitu *Dua Serangkai* ciptaan Allahyarham Johar Bahar dan *Lagu untuk Kenangan*, hasil ciptaan Khairil Johari Johar, anakanda Johar Bahar.



Lagu *Tuah Badan* dimuatkan dalam album ini.



Penulis tidak menyangka dapat menghasilkan lirik untuk lagu gubahan Johar Bahar, penggubah lagu yang penulis minati sejak mengetahui tentang lagu-lagu patriotik seperti *Malaysia Oh Tanah Airku*, *Gunung Kinabalu* dan *Selamat Tinggal Bungaku* yang merupakan ciptaan dan gubahannya. Penulis memang meminati lagu-lagu patriotik dan Johar Bahar memiliki jiwa dan semangat cinta akan negara yang kental sehingga

BAHASA DAN SASTERA

irama lagu-lagunya mempunyai "roh" timur yang cukup kuat yang disalurkan dalam irama gubahannya termasuklah lagu-lagu untuk tujuan komersial seperti melodi yang dihantar kepada penulis.

Lengkok irama yang cantik ini membuat penulis ingin menghasilkan lirik yang berunsurkan budaya yang menyentuh perkahwinan. Lagu ini penulis beri judul *Dua Serangkai*, yang menceritakan secebis peristiwa manis sepasang pengantin dikelilingi oleh keluarga serta nasihat untuk pasangan raja sehari ini. Penulis ketengahkan suasana menarik ketika menjadi raja sehari, makan berdamai, usikan keluarga dan sahabat handai, berbalas pandangan dan jelingan pengantin. Suara D. J. Dave yang lembut menyentuh hati sesuai sekali membawa lagu ini. Lagu ini sering berkumandang pada majlis-majlis perkahwinan pada era 1980-an.

Dua Serangkai

*Jelatik jeladan
Hinggap mari di pohonlah inai
Sama cantik samalah padan
Hai berseri dua serangkai.*

*Air mawar direnjis
Wajah pengantin cahaya purnama
Takut jangan bimbangpun jangan
Tabah hidup bersama-sama.*

*Hai raja sehari
Hai sama menjeling
Riuh tertawa orang keliling.*

*Ramainya mengusik
Makan berdamai suap berbalas
Bila bunga sudah dipetik,
Jagalah sampai anak sebelas.*

D. J. Dave juga boleh mencipta lagu dan menulis lirik. Beliau mencipta dan menulis lirik sendiri. Antaranya termasuklah lagu *Pesanan*, *Negaraku Tercinta*, *Denyutan Hati* dan *Kiniku Menangis Lagi*. Beliau turut memberikan pesanan kepada anak-anaknya melalui lagu ciptaannya, iaitu *Pesanan*, yang menerapkan

lima perkara untuk diingati oleh anak-anaknya di mana-mana pun mereka berada supaya tidak sesat dalam kehidupan, iaitu keluarga, kampung, kesenian, keturunan dan kebudayaan. Beliau juga pernah berduet dengan Sareena Hashim, Uji Rashid, Liza Aziz, Dayang Norfaizah dan Marsha Milan Londonh.

Sebuah lagi lirik penulis dalam album *Pesanan* ini berjudul *Lagu untuk Kenangan*, ciptaan Khairil Johari Johar. Melodinya amat menyentuh rasa dan penulis membawakan kisah kasih sayang yang terputus namun kenangan tetap mengusik perasaan.

Menyentuh tentang lagu-lagu lirik penulis untuk lagu D. J. Dave, katanya dalam forum tersebut:

"Saya suka lirik lagu *Dua Serangkai* dan *Lagu untuk Kenangan*. Lirik-lirik yang Siti tulis itu luar biasa buat saya – sangat puitis, cantik sekali. Siti mempunyai pandangan yang luas seperti Allahyarham Sudarmaji yang amat puitis. Beliau juga banyak menulis lirik untuk lagu-lagu saya."

Tambah beliau lagi:

"Dahulu, apabila seseorang pencipta lagu membuat lagu, dia akan memilih penyanyi yang sesuai dengan rentak muzik yang diciptanya dan mencipta lagu yang memang untuk penyanyi-penyanyi tertentu. Ada kalanya saya sebagai penyanyi dapat memilih siapa yang menulis lirik



Suara dan penampilannya memikat hati peminat.



Sesi bergambar untuk Hari Raya Radio Klasik.

untuk saya. Kadang-kadang saya berbincang dengan penerbit. Kami adakan sesi pemerahan otak (brain storming). Banyak juga lagu saya yang berunsurkan patriotik kerana ke mana-mana pun saya pergi, saya akan menyebut nama Malaysia kerana Malaysia ialah negara kita, kita lahir di sini.”

Pada suatu hari, D. J. Dave menelefon penulis dan mengatakan bahawa beliau akan menghantar sebuah melodi untuk album terbaharunya. Beliau menyatakan kepada penulis bahawa beliau ingin menyampaikan sebuah lagu yang rancak dan ingin penulis membawa kisah kesederhanaan hidup. Rentak yang rancak menimbulkan suasana riang dan dalam keriangannya ini, beliau ingin sekali menyampaikan pesanan.

Apabila mendengar melodi yang dikirim, penulis amat gembira kerana melodi ala Arab yang rancak ini amat menarik sekali. Penulis menamakan lagu ini, *Tuah Badan*. Lirik yang membawa kisah kegembiraan walaupun hidup sederhana dan pesanan yang ingin disampaikan adalah untuk hidup gembira dan tidak perlu mengikut gaya hidup orang lain.

Album yang memuatkan lagu ini ialah *Kini Kumenangis Lagi* yang diterbitkan oleh Allahyarham Omar Taib, keluaran EMI pada tahun 1981.

Tuah Badan

*Sejak dulu hingga kini
hati selalu riang
tiap waktu tiap hari
jiwa selalu tenang
walaupun kutak punya banyak wang
masih lagi
serba serbinya kurang,
kuriang haahh...*

*Lalalalalala aku tak berkereta
lalalalalala rumah pun rumah sewa
gaji kecil buat apa bergaya
ikut orang boleh menjadi papa*

...
...

*Tuah badan dapat teman
tuah badan hidup riang.*

Lagu ini membawa kenangan indah buat penulis. Pada suatu petang, ketika penulis berjalan melalui sebuah kawasan perumahan, tiba-tiba penulis mendengar nyanyian dan gelak ketawa dari sebuah rumah yang berhampiran. Ketika mengamati lagu yang membuat mereka riuh rendah ketawa, penulis senyum sendiri. Lagu yang menimbulkan suasana kecoh itu ialah lagu D. J. Dave yang berjudul *Tuah Badan*.

Ketika sampai pada lirik “lalalalalalala aku tak berkereta, lalalalalalala rumahpun rumah sewa”, mereka menyanyi beramai-ramai dan kemudian ketawa panjang. Besar kemungkinan penghuni rumah tersebut terdiri daripada anak-anak muda yang baru bekerja dan menyewa rumah tersebut. Lirik lagu itu menyentuh keadaan mereka ketika itu.

Lagu *Menjelang Hari Raya*, ciptaan S. Atan yang beliau dendangkan dan

berkumandang pada setiap kali tibanya Aidilfitri pula sangat bermakna buat dirinya. Lagu ini termuat dalam album khas hari raya keluaran EMI pada tahun 1981. Beberapa bulan selepas merakamkan lagu tersebut, terbuka hatinya untuk memeluk agama Islam kerana terpesona dengan keistimewaan agama suci ini. Lagu ini menjadi pendorong baginya menjadi seorang Muslim. Beliau mendapat sokongan daripada keluarga angkatnya di Kampung Baru, Kuala Lumpur untuk mendalami agama Islam selain bergaul dengan jiran-jiran yang beragama Islam.

Sejak dahulu hingga kini, D. J. Dave sering melakukan kerja-kerja amal tanpa jemu. Beliau juga ialah Pengerusi Yayasan Kebajikan Artis Tanah Air (YKAT) yang ditubuhkan untuk menjaga kebajikan dan membela nasib para artis tanpa mengira bangsa dan agama.

Oleh itu, bersempena dengan meraikan 40 tahun pembabitannya dalam dunia seni suara, D. J. Dave mengadakan Konsert *Journey Through Songs* Ingin Bersua D.J Dave di Panggung Sari Istana Budaya, yang berlangsung pada 1 Jun hingga 3 Jun 2012, anjuran syarikat beliau sendiri, iaitu Shahdave Entertainment. Konsert ini mendapat sambutan hebat daripada para peminatnya. Persembahannya yang berlangsung selama tiga jam itu memukau para peminatnya. Persembahannya ketika itu dianggap sebagai persembahan “berbisa” pada usia 65 tahun kerana kehebatan suaranya dan kelincahannya beraksi di pentas dengan membawa lebih daripada 30 buah lagu.

Kehadiran Datuk D. J. Dave dalam dunia seni suara membawa kepelbagaian dalam persembahan lagu-lagu artis tanah air. Ketahanannya hingga ke hari ini membuktikan betapa seriusnya beliau dalam bidang ini dan sentiasa berusaha keras untuk menjadi artis yang berwibawa. Semoga tiga lirik yang penulis tulis untuk D. J. Dave, iaitu *Dua Serangkai*, *Lagu untuk Kenangan* dan *Tuah Badan* akan terus menjadi kegemaran dan diminati pula oleh generasi baharu. **DB**



Penulis dan Datuk D. J. Dave diundang untuk forum anjuran DBP.



Pencapaian cemerlang atau lulus dalam peperiksaan sama ada bersifat peperiksaan awam atau peperiksaan di institusi pengajian tinggi khusus untuk subjek atau kursus Bahasa Melayu, sering kali dijadikan penanda aras penguasaan bahasa tersebut dalam kalangan warganegara. Hal ini dirujuk sebagai penguasaan aspek kemahiran menulis dan membaca di samping kemahiran mendengar dan bertutur dari aspek lisan.

Pengetahuan tentang tatabahasa bahasa Melayu pula menjadi nilai tambah berkaitan dengan penguasaan bahasa berkenaan. Negara seperti Malaysia yang mempunyai rakyat yang pelbagai kaum sememangnya memerlukan warganegara yang mampu menguasai bahasa Melayu sesuai dengan status bahasa itu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Namun begitu, setelah 66 tahun negara mencapai kemerdekaan, penanda aras itu masih tidak memadai kerana bahasa Melayu bukanlah sekadar kata-kata bahkan melangkai jauh daripadanya itu.

Bahasa Melayu bukan sekadar kata-kata merujuk situasi pemertabatan bahasa itu dari segenap aspek kehidupan rakyat. Bahasa Melayu yang dikatakan sebagai jati diri negara, bahasa pentadbiran, bahasa perpaduan, bahasa permersatu, bahasa pengantar, lambang patriotik, bahasa persuratan dan pelbagai fungsi lain perlu menjadi bahasa kehidupan warganegara Malaysia agar betul-betul sehati dengan slogan "Bahasa Jiwa Bangsa". Tunjangnya ialah rasa cinta dan yakin akan keupayaan bahasa itu.

Oleh hal yang demikian, jika hanya bersandarkan kelulusan akademik sebagai penanda aras keupayaan bahasa Melayu seseorang, hal ini masih tidak memadai jika bahasa itu tidak bersedia untuk dipraktik mengikut fungsinya seperti yang dinyatakan. Bahasa Melayu perlu menjadi roh yang mengisi setiap ruang kehidupan rakyat



Bahasa Melayu

Bukan Sekadar Kata

Malaysia seperti politik, pentadbiran, undang-undang, ekonomi, budaya, sukan, sains dan teknologi, penyiaran serta bidang yang lain. Hal ini tidaklah bermakna bahasa asing dinafikan malahan bahasa asing yang berpengaruh seperti bahasa Inggeris, Arab, Mandarin dan lain-lain sangat perlu dikuasai untuk menjadi pelengkap kepada kemahiran berbahasa rakyat dan bukannya sebagai pengganti kepada bahasa kebangsaan.

Sebelum abad ke-19, bahasa Melayu bukan sekadar kata-kata telah dipraktikkan dengan amat cemerlang, malah dipercayai bahawa bahasa ini telah digunakan sebelum terbentuknya gugusan Kepulauan Melayu. Hal ini disebabkan bangsa Melayu merupakan penduduk asal Benua Sunda dan logiknya bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu yang sesuai dengan zaman tersebut.

Benua Sunda merupakan kawasan tanah rata sebelum ditenggelami oleh banjir pada 14,000 dahulu lalu yang membentuk gugusan Kepulauan Melayu. Cuma, pengkaji bahasa menamakan peringkat perkembangan bahasa itu dengan nama tertentu, iaitu 1400 tahun dahulu dengan nama bahasa Melayu kuno, bahasa Melayu klasik, seterusnya bahasa Melayu moden seperti yang dituturkan kini.

Pengembara China, iaitu I-Tsing pula menamakan *Kw'un-Lun* sebagai

bahasa anak negeri yang digunakan oleh pemerintah dan pedagang di rantau ini semasa beliau melawat Alam Melayu pada abad ke-7 Masihi. Dalam konteks Alam Melayu, bahasa Kw'un-Lun merujuk bahasa Melayu. Ekoran daripada itu, Ismail Hussein dalam *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu* merumuskannya seperti yang berikut:

“Maka dapatlah kita anggap sebagai satu hal yang pasti bahawa dalam abad ketujuh dan dalam abad-abad berikutnya, bahasa Melayu sudah dapat dan memang digunakan sebagai bahasa pengantar kebudayaan, sedang dalam hal-hal tertentu dipergunakan juga bahasa itu untuk keperluan sedemikian di daerah-daerah yang bukan termasuk daerah bahasa Melayu yang sebenarnya.”

Pada abad ke-16 pula, bahasa Melayu bukan sekadar kata-kata menjadi lebih mantap dan meluas penggunaan serta sebarannya. Hal ini diakui oleh Jan Huyghen Van Linschotten, seorang Belanda yang bertugas sebagai pegawai Portugis. Menurutnyanya, bahasa Melayu pada masa itu sangat harum namanya dan dianggap sebagai bahasa yang paling dihormati di antara bahasa negeri-negeri timur malah sesiapa yang tidak tahu berbahasa Melayu di

Kepulauan Melayu samalah seperti orang yang tidak tahu berbahasa Perancis di negeri Belanda.

Oleh hal yang demikian, pedagang Eropah yang seterusnya menjajah wilayah ini menyusun daftar kata bahasa Melayu dengan padanan bahasa-bahasa Eropah untuk memudahkan urusan mereka. Daftar kata terawal ialah daftar kata bahasa Melayu-Itali yang disusun oleh Pigafeta pada tahun 1521. Bermula daripada daftar kata ini, beberapa daftar kata yang seterusnya berkembang menjadi kamus dwibahasa telah disusun yang melibatkan bahasa Melayu dengan bahasa Belanda, Portugis, Latin dan Inggeris.

Kedatangan berbagai-bagai bangsa yang berkunjung ke Alam Melayu pada masa itu atas pelbagai tujuan telah menjadikan rantau ini sebagai pusat pertembungan pelbagai budaya. Dalam kertas kerjanya, “Hubungan Kesultanan Melaka dengan Kerajaan Ryukyu Jepun”, Hashim Musa menyatakan bahawa semasa zaman kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka, pelabuhan Melaka dikunjungi lebih 2000 kapal dan perahu pada setiap hari, malah terdapat 100,000 manusia yang bertutur 84 bahasa, iaitu orang-orang Gujerat, Tamil dan Bengali dari India berinteraksi serta berdagang dengan bangsa Melayu, China, Arab, dan Eropah.

Namun begitu, dalam pertembungan budaya pelbagai budaya itu, bahasa Melayu tetap menjadi *lingua franca* dalam wacana lisan dan bertulis. Bahasa Melayu bukan sekadar kata-kata malahan telah melangkaui medan wacana ilmiah dalam pelbagai bidang seperti hubungan diplomatik antarabangsa, perubatan, kesusasteraan, bahasa, budaya, agama, seni dan teknologi alam Melayu, perjanjian serta undang-undang atau kanun.

Seterusnya, pada awal abad ke-18, pengaruh bahasa Melayu terus melebar di serata tempat di daerah pinggir laut, seluruh Kepulauan Melayu dan di negeri-



negeri Timur. Hal ini diakui oleh Francois Valentijn (1666-1727), seorang pendeta dan ahli sejarah Belanda yang banyak menulis hal yang berkaitan dengan Kepulauan Melayu. Menurutnya, bahasa Melayu ialah satu bahasa yang difahami oleh setiap orang di mana-mana sahaja dan menyimpulkannya sebagai “Sekiranya anda tidak mengetahui bahasa ini, anda dianggap sebagai seorang yang tidak terpelajar di timur”.

Sebaran penggunaan bahasa Melayu terus meluas pada abad ke-19. Hal ini dijelaskan oleh Md. Salleh Yaapar dalam makalahnya, “Melayu Mahawangsa: Asal Usul, Penghijrahan dan Peradabannya”, iaitu pada tahun 1841, pakar bahasa dari Jerman, iaitu Franz Bopp mengisytiharkan bahawa rumpun bahasa Melayu sebagai Malayo-Polinesia yang merangkumi Madagaskar di barat hingga Rapa Nui (Ester Island) di timur dan Taiwan di utara hingga Aotearoa (New Zealand) di selatan.

Pemangkin kepada situasi bahasa Melayu bukan sekadar kata-kata ialah tulisan Jawi. Inilah tulisan bahasa Melayu yang sangat berpengaruh berbanding dengan tulisan-tulisan yang ada sebelum itu seperti Rencong dan Kawi. Tulisan ini telah digunakan dalam semua urusan yang melibatkan penulisan dalam semua bidang kehidupan. Pihak luar yang berurusan dengan pemerintah di rantau ini menggunakan bahasa Melayu bertulisan Jawi seperti surat izin berniaga dan perjanjian jual beli.

Antara surat tersebut ialah dua warkah surat oleh Sultan Ternate, Sultan Abu Hayat kepada Raja Portugal, John III, pada tahun 1521-1522, surat izin berdagang yang dikeluarkan oleh seorang Raja Aceh kepada pedagang Inggeris yang bernama Sir James Lancaster pada tahun 1602, surat Sultan Abdul Jalil Riayat Shah kepada Raja Perancis Louis XV pada tahun 1719, surat daripada Raffles kepada Sultan Johor pada tahun 1810 dan banyak lagi surat lama yang kini telah dikategorikan sebagai antara khazanah manuskrip Melayu.

Kecemerlangan bahasa Melayu dan tulisan Jawi di rantau ini membuktikan bahawa bahasa Melayu dan tulisan Jawi telah wujud jauh lebih awal berbanding dengan bahasa-bahasa lain di Alam Melayu.

Kecemerlangan bahasa Melayu dan tulisan Jawi di rantau ini membuktikan bahawa bahasa Melayu dan tulisan Jawi telah wujud jauh lebih awal berbanding dengan bahasa-bahasa lain di Alam Melayu. Dalam konteks zaman pascapenjajahan British, sebahagian Alam Melayu itu termasuklah Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu ialah “tuan” kepada semua bahasa di negara ini dan atas asas tersebut, bahasa ini telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Cuma, pada zaman tersebut walaupun penjajah barat seperti Portugis dan Belanda telah menguasai beberapa pusat pentadbiran Melayu, bahasa Melayu tetap gah dan masih digunakan secara aktif dalam kerajaan Melayu yang lain disebabkan rasa cinta dan yakin akan keupayaan bahasa itu untuk mengungkapkan kata-kata dengan makna yang tepat. Pada masa itu, bahasa Melayu bukan sekadar kata-kata tetapi merangkumi jati diri Melayu sehinggakan pemerintah yang merupakan raja-raja kerajaan Melayu menjadikan bahasa itu sebagai bahasa pentadbiran dan pemerintahan manakala sarjana serta pemikir Melayu mewacanakan pelbagai bidang ilmu dalam bahasa Melayu sebagai khazanah bernilai peradaban Alam Melayu.

Kemerosotan penggunaan bahasa Melayu khususnya di Semenanjung Tanah Melayu dan kemudiannya menjadi sebahagian daripada Malaysia dicetuskan oleh penjajah British terutama selepas Perang Dunia Kedua. Pegawai-pegawai tadbir Inggeris yang baharu amat jahil akan bahasa Melayu dan mula memperkenalkan cara hidup Inggeris yang diberi status tinggi.

Pendekatan yang digunakan ialah secara psikologi, iaitu apa-apa sahaja yang datang daripada Inggeris dianggap sebagai bermutu, terbaik dan wajar diteladani. Hal ini termasuklah juga yang bersangkutan dengan bahasa Inggeris. Bahasa Melayu tidak lagi menjadi bahasa



Oleh itu, jika orang luar negara boleh berasa kagum, prihatin dan mencintai bahasa Melayu, warganegara Malaysia sepatutnya mempunyai perasaan yang lebih daripada itu.

pengantar tunggal dalam sistem pendidikan tetapi berkongsi peranan dengan bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa Mandarin, iaitu bahasa-bahasa yang muncul kemudian bersama-sama dengan kehadiran penjajah British dan bangsa Cina serta India yang dibawa oleh penjajah.

Lulusan sekolah Inggeris pula diberi keutamaan dalam kenaikan pangkat dan kedudukan jawatan yang tinggi sebagai pegawai manakala bahasa Melayu hanya menjadi bahasa pengantar untuk peringkat persekolahan yang paling rendah. Ekoran daripada itu, menurut Nik Safiah Karim dalam *Tatabahasa Dewan*, telah lahir dalam kalangan orang Melayu satu golongan yang “tidur bangun” bersama-sama bahasa Inggeris.

Meneliti sejarah tersebut, jika bahasa Melayu dilihat bermula pada zaman selepas Perang Dunia Kedua, generasi yang mempunyai sikap tidak yakin akan kemampuan bahasa Melayu tersemam di situ, seterusnya melebarkan warisan generasi yang bersikap demikian. Mereka fasih atau boleh memahami bahasa Melayu dalam lisan dan

tulisan, namun mereka jugalah tanpa disedari atau sememangnya disedari merupakan kelompok yang menjadi “duri dalam daging” kepada usaha memartabatkan bahasa Melayu dan tulisan Jawi di negara ini.

Oleh hal yang demikian, setelah usia kemerdekaan negara melebihi enam dekad, bahasa Melayu masih gagal menjadi bahasa pengantar tunggal pada semua peringkat pendidikan, malah pengaruh bahasa asing masih meluas dalam denyut nadi kehidupan rakyat Malaysia, khususnya yang melibatkan sektor swasta. Ada pula dalam kalangan ahli politik, artis, ahli sukan, tokoh korporat, dan selebriti yang dilihat bersungguh-sungguh berbahasa Inggeris walaupun diwawancara oleh wartawan dan media tempatan. Ada juga dalam kalangan rakyat Malaysia yang bersikap prejudis dengan tulisan Jawi dan mengambil sikap menentang pengenalan tulisan itu dalam bentuk seni khat di sekolah jenis kebangsaan.


Hakikatnya, bukan mudah untuk meyakini keupayaan dan “tidur bangun” dengan bahasa Melayu tanpa rasa cinta akan bahasa itu.

Namun begitu, inspirasi untuk menyemai perasaan tersebut telah dilakukan seawal kemerdekaan negara. Pada bulan September 1957, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, duta pertama negara ke Amerika Syarikat dan PBB, telah berucap menggunakan bahasa Melayu dalam Perhimpunan Agung PBB. Beliau kemudiannya memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1970 hingga 1973.

Pada tahun 2022 pula, iaitu 65 tahun kemudian, Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia (2021-2022) turut berucap menggunakan bahasa Melayu dalam perhimpunan yang sama. Usaha tersebut mendapat sambutan positif pencinta bahasa Melayu dari dalam dan luar negara termasuklah Dr. Victor A. Pogadaev dari Rusia yang memuji langkah itu kerana boleh membuka kebolehpasaran bahasa Melayu pada peringkat global.

Pada peringkat antarabangsa, bahasa Melayu sebenarnya turut diperjuangkan oleh sarjana luar negara seperti Prof. Wu Zhongyu dari China, dan Prof. Dr. Kang Kyoung Seok dari Korea Selatan. Malahan, Prof. Dr. Kang Kyoung Seok pernah melahirkan kebimbangannya terhadap masa depan tulisan Jawi yang mungkin menghadapi kepupusan.

Oleh itu, jika orang luar negara boleh berasa kagum, prihatin dan mencintai bahasa Melayu, warganegara Malaysia sepatutnya mempunyai perasaan yang lebih daripada itu. Rasa kekitaan dan rasa sepunya terhadap bahasa Melayu sebagai jati diri warganegara Malaysia sepatutnya lebih menebal. Bahasa Melayu bukanlah sekadar kata-kata dalam pencapaian akademik atau kefasihan bertutur tetapi bahasa ini merupakan roh rakyat Malaysia yang membentuk jati diri negara berdasarkan rasa cinta akan bahasa itu dan secara langsung dapat membezakan warganegara Malaysia dengan yang bukan warganegara. **DB**



Pendokumentasian Kamus yang Berkaitan dengan *Orang Asli*

Suku kaum Orang Asli dibahagikan kepada tiga kumpulan yang utama, iaitu Melayu-Proto, Negrito dan Senoi. Setiap kumpulan ini dibahagikan lagi kepada enam kumpulan. Menurut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada tahun 2022, terdapat sebanyak 209,575 Orang Asli di Malaysia. Kumpulan kaum terbesar adalah etnik Senoi, iaitu sebanyak 115,712 orang, diikuti oleh etnik Melayu-Proto sebanyak 87,541 orang dan yang terakhir etnik Negrito sebanyak 6322 orang. Walaupun jumlah tersebut kelihatan besar, namun masih dianggap kecil jika dibandingkan dengan jumlah kaum lain yang terdapat di Malaysia.

Bahasa serta budaya kaum Asli ini pula diancam kepupusan pada setiap generasi dan hal ini dibuktikan dengan suku kaum Kenaboi di Negeri Sembilan, yang pupus bersama-sama bahasa mereka yang sangat unik. Walaupun telah pupus, terdapat kira-kira 250 perkataan yang disusun pada tahun 1880 oleh penyelidik, DFA Harvey dan dirujuk dalam buku *Pagan Races of the Malay Peninsula* oleh WW Skeat dan CO Blagden (1906).

Jelaslah di sini bahawa dialek atau bahasa Orang Asli perlu didokumentasikan agar bahasa tersebut kekal dan sekurang-kurangnya dikenali oleh generasi akan datang. Meskipun terdapat suku kaum yang masih wujud, akan tetapi pendokumentasian ini adalah satu daripada cara untuk memastikan kesinambungan bahasa dan budaya kaum tersebut masih terpelihara. Hal ini dapat diatasi dengan penghasilan kamus bahasa bagi setiap kaum Asli di Malaysia.

Terdapat juga beberapa buah buku yang telah dihasilkan yang berkaitan dengan budaya dan bahasa Orang Asli, seperti *Sari Budaya dan Bahasa Suku Semai* oleh Mohd Sharifudin Yusop dan Alang Sabak (2018), *Sari Budaya dan Bahasa Orang Asli Jahut* oleh Mohd Sharipudin Yusop dan Nur Faaizah Md Adam (2018), serta *Bahasa dan Pembangunan Masyarakat Orang Asli* oleh Mohd Sharipudin Yusop (2019). Selain itu, pihak JAKOA turut mengambil inisiatif membantu mengekalkan bahasa Orang Asli dengan menghasilkan kamus seperti *Kamus Padanan Kata Bahasa Melayu–Jakun–Temuan* pada tahun 2002, dan *Kamus Padanan Bahasa Melayu–Semai–Temiar* pada tahun 2001.

Ilmu perkamusan dikenali sebagai leksikografi, iaitu cabang ilmu linguistik terapan yang memusatkan pembahasannya pada kaedah dan teknik penyusunan kamus. Leksikografi ialah cabang linguistik gunaan yang melibatkan pemerhatian, pengumpulan, pemilihan dan perihalan frasa dan unit melalui satu atau lebih bahasa.

Leksikologi pula ialah kajian linguistik antara disiplin bagi perkataan dan leksem. Justeru itu, leksikografi dan leksikologi berkait rapat dalam perkembangan kosa kata bahasa. Hal ini demikian kerana rekod kosa kata dihasilkan melalui kamus. Tugas ahli leksikograf ialah menyusun kamus dan satu daripada perkara yang perlu ditangani ialah menukar makna perkataan. Oleh itu, fungsi asas kamus ialah memberikan makna pada sesuatu perkataan atau kosa kata.

Perkataan kamus diambil daripada bahasa Arab, iaitu *Qamus*, dengan bentuk jamaknya, *Qawamis*. Perkataan Arab tersebut berasal daripada kata Yunani Okeanos, yang bererti "lautan". Sejarah kata itu jelas memperlihatkan makna dasar yang terkandung dalam kata kamus, iaitu wadah pengetahuan khususnya pengetahuan dalam bidang bahasa yang terlalu dalam dan meluas.

Kamus merupakan suatu buku rujukan yang dapat menerangkan makna bagi pelbagai perkataan dan membantu penggunaanya mengenal perkataan baharu. Menurut Hasnah Mohamad (2021), kamus diinovasikan kepada bentuk yang mengandungi huraian tatabahasa serta dilengkapkan dengan huraian bermakna atau takrif dan disertakan bersama-sama contoh penggunaan kata mengikut konteks yang berkaitan. Menurutnya lagi, kehebatan sesebuah kamus dapat dilihat dengan teliti dari aspek mikrostrukturnya.

Struktur mikro merupakan ruangan yang memberikan informasi tambahan pada setiap kata kepala atau lemma yang terkandung dalam sesebuah kamus (Mohamad Suhaizi Suhaimi dan Mustapha

Dawan, 2018). Tambahan pula, menurut Sterkenburg (2003), mikro merupakan struktur yang berfungsi dalam memberi kepada setiap entri yang disusun dalam sesebuah kamus.

Oleh itu, struktur mikro memiliki komponen entri seperti etimologi, ejaan, sebutan, penggunaan, pengimbuhan, kelas kata, contoh, definisi dan senses. Namun begitu, hasil penelitian terhadap kamus yang dikeluarkan oleh pihak JAKOA, terdapat beberapa aspek dalam struktur mikro tidak dinyatakan dengan baik sehingga mampu memberikan batasan pemahaman bagi pengguna kamus yang berkaitan dengan bahasa Orang Asli.

Pengimbuhan merupakan satu prosedur yang menghubungkan imbuhan pada kata dasar untuk melahirkan perkataan yang berlainan maksud serta tugas nahunya. Bahasa Melayu mempunyai imbuhan yang terdiri daripada morfem terikat yang dihubungkan bersama-sama kata dasar. Terdapat empat jenis imbuhan, iaitu imbuhan awalan, akhiran, apitan dan sisipan.

Imbuhan awalan dipecahkan kepada sembilan, iaitu (1) *ke-*, yang berfungsi sebagai penanda orang





atau benda dengan memberikan tumpuan kepada maksud yang terkandung dalam kata dasar serta kata nama yang dihasilkan mungkin utuh. (2) *PeN-*, yang dibahagikan kepada enam, iaitu *pe-*, *pem-*, *pen-*, *peng-*, *penge-* dan *pel-*. (3) *peR-*, (4) *juru-*, (5) *dwi-* yang mempamerkan jumlah dua bagi kata dasar, (6) eka- bagi menunjukkan bilangan satu. (7) *pasca-* yang merujuk “selepas”, (8) *pra-* yang menunjukkan makna “sebelum” dan (9) *swa-* merujuk maksud “sendiri”.

Selain itu, imbuhan akhiran pula terdiri daripada empat jenis, iaitu (1) *-man* yang berfungsi mempamerkan sifat sesuatu perkara sama ada benda atau orang yang ingin dirujuk, (2) *-wan* berfungsi untuk menunjukkan sesuatu yang ingin dirujuk merupakan ahli dalam bidangnya, (3) *-wati* pula berfungsi bagi menunjukkan wanita yang ahli dalam bidangnya dan akhir sekali, (4) *-an*. Seterusnya, imbuhan apitan dapat dipecahkan kepada tiga, iaitu *ke...an*, *pe...an* dan *peN...an*. Imbuhan sisipan pula dapat dipecahkan kepada tiga, iaitu *-el-*, *-er-* dan *-em-*.

Di samping itu, kamus yang dikaji, iaitu *Kamus Padanan Bahasa Melayu–Semai–Temiar* dan *Kamus Padanan Kata Bahasa Melayu–Jakun–Temuan* memperlihatkan penggunaan kesemua jenis imbuhan. Namun begitu, tidak semua pecahan dalam setiap jenis imbuhan terkandung dalam kedua-dua jenis kamus ini.

Hal ini demikian kerana sesetengah daripada pecahan jenis imbuhan digunakan untuk perkataan atau istilah khusus yang tidak diguna pakai oleh masyarakat Orang Asli dalam pertuturan harian mereka. Contoh tersebut dapat dilihat dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1 Contoh Pengimbuhan dalam *Kamus Padanan Bahasa Melayu–Semai–Temiar*

| Lema (Lemma) | Jenis Imbuhan |
|-----------------------|-----------------|
| Penagih (hlm. 33) | Imbuhan Awalan |
| Aturan (hlm. 4) | Imbuhan Akhiran |
| Pemandangan (hlm. 33) | Imbuhan Apitan |
| Telunjuk (hlm. 46) | Imbuhan Sisipan |

Berdasarkan Jadual 1, penggunaan keseluruhan imbuhan dapat dilihat dalam *Kamus Padanan Bahasa Melayu–Semai–Temiar*. Perkataan “penagih” merupakan imbuhan awalan jenis *Pen-*. Imbuhan awalan yang terkandung dalam kamus ini selain *Pen-* adalah seperti *Ke-*, *Pem-*, *Peng-*, *Penge-*, dan *Pel-*. Selain itu, perkataan “aturan” pula merupakan imbuhan akhiran jenis *-an*. Imbuhan akhiran lain yang terkandung dalam kamus ini adalah *-man*.

Seterusnya, imbuhan apitan yang diwakili oleh perkataan “permandangan” adalah jenis *Pe...an*. Imbuhan apitan jenis *Pen...an* juga terkandung dalam kamus ini. Akhir sekali, perkataan “telunjuk” mewakili imbuhan sisipan jenis *-el-*. Terdapat juga imbuhan sisipan jenis *-er-* yang terkandung dalam kamus ini.


Jadual 2 Pengimbuhan dalam *Kamus Padanan Kata Bahasa Melayu–Jakun–Temuan*

| Lema (Lemma) | Jenis Imbuhan |
|-----------------------|-----------------|
| Kekasih (hlm. 31) | Imbuhan Awalan |
| Pukulan (hlm. 49) | Imbuhan Akhiran |
| Pengetahuan (hlm. 47) | Imbuhan Apitan |
| Seruling (hlm. 60) | Imbuhan Sisipan |

Berdasarkan Jadual 2, terdapat penggunaan empat jenis imbuhan, iaitu awalan, akhiran, apitan dan sisipan dalam *Kamus Padanan Kata Bahasa Melayu–Jakun–Temuan*. Perkataan “kekasih” mewakili imbuhan awalan jenis *Ke-*. Kamus ini juga mengandungi imbuhan awalan jenis *Pe-*, *Pem-*, *Pen-*, *Peng-*, *Penge-*, dan *Pel-*. Selain itu, imbuhan akhiran yang diwakili oleh perkataan “pukulan” merupakan imbuhan akhiran jenis *-an*.

Selain *-an*, terdapat juga imbuhan akhiran jenis *-man*. Perkataan “pengetahuan” mewakili imbuhan apitan jenis *peN...an*. Imbuhan apitan jenis *Pe...an* juga terkandung dalam kamus ini. Seterusnya, Imbuhan sisipan yang diwakili oleh perkataan “seruling” merupakan imbuhan sisipan jenis *-er-*. Terdapat juga imbuhan sisipan jenis *-el-* dan *-em-*.

Berdasarkan penelitian tersebut, kamus sedia ada oleh pihak JAKOA memperlihatkan bahawa penyusun kamus dialek Orang Asli hanya mementingkan kandungan yang ingin disampaikan sahaja dan kurang mengaplikasikan keseluruhan komponen struktur yang terdapat dalam bidang perkamusan. Setiap struktur berserta komponennya memiliki fungsi yang tersendiri yang mampu melengkapkan lagi sesebuah kamus tersebut. Penelitian



Kamus yang berkaitan dengan dialek negeri yang terdapat di Malaysia banyak diterbitkan tetapi kamus yang berkaitan dengan dialek Orang Asli kurang diterbitkan sedangkan Orang Asli juga merupakan komuniti kaum di Malaysia.

ini telah membuktikan bahawa terdapat penggunaan struktur mikro dalam kamus yang berkaitan dengan dialek Orang Asli, namun pengaplikasiannya tidak menyeluruh.

Pelbagai kamus di pasaran juga telah banyak mengaplikasikan struktur mikro dalam penyusunan kamus. Kamus yang berkaitan dengan dialek negeri yang terdapat di Malaysia banyak diterbitkan tetapi kamus yang berkaitan dengan dialek Orang Asli kurang diterbitkan sedangkan Orang Asli juga merupakan komuniti kaum di Malaysia. Kebanyakan generasi pada hari ini kurang pendedahan yang berkaitan dengan kewujudan kaum ini.

Oleh itu, dengan penulisan yang melihat pengaplikasian struktur mikro dalam kamus yang berkaitan dengan dialek Orang Asli ini dapat membantu penyusun kamus yang berkaitan dengan dialek Orang Asli atau pihak JAKOA sendiri untuk melihat fungsi kepada struktur ini. Selain itu, penyusunan struktur kamus yang lengkap memberikan kesan terhadap pembaca, yang seterusnya dapat membantu

setiap suku kaum Orang Asli mengekalkan dialek mereka, serta memperkenalkannya kepada khalayak.

Sebagai cadangan bagi kajian lanjutan, penulis berharap agar kajian yang bakal dijalankan pada masa akan datang dapat memperbanyak penyelidikan yang berkaitan dengan bidang perkamusan terutamanya yang berasaskan kamus dialek Orang Asli. Hal ini demikian kerana pengkajian terhadap pengaplikasian struktur mikro kurang diberi fokus terhadap kamus Orang Asli. Hanya aspek pengimbuhan sahaja yang dinyatakan berbanding dengan aspek etimologi, ejaan, sebutan, penggunaan, kelas kata, contoh, definisi dan senses pula tidak diberi penekanan yang sewajarnya.

Selain itu, penulis ingin mencadangkan agar kajian yang bakal dijalankan selepas ini dapat memfokuskan kajian kepada kamus dialek Orang Asli suku kaum lain seperti Che Wong, Jahut, Mahmeri, Bateq, Jahai dan sebagainya agar dapat menghasilkan kajian yang lebih pelbagai serta sorotan kajian yang lebih menarik. Hal ini demikian

kerana kajian yang dilakukan ini terbatas kepada dua buah kamus yang berfokuskan dialek suku kaum Semai, Temiar, Jakun dan Temuan sahaja. Oleh itu, kajian yang lebih bervariasi disarankan agar dapat menambahkan lagi bahan rujukan untuk pengkaji akan datang.

Kesimpulannya, *Kamus Padanan Bahasa Melayu–Semai–Temiar* dan *Kamus Padanan Kata Bahasa Melayu–Jakun–Temuan* perlu disusun mengikut struktur kamus mikro. Kedua-dua buah kamus ini boleh dikatakan sebagai kamus yang baik hanya pada golongan sasarannya sahaja, iaitu kakitangan di JAKOA yang perlu berkomunikasi dan memahami butir bicara Orang Asli semasa di lapangan. Semoga melalui pendokumentasian kajian yang dijalankan ini dapat membantu masyarakat Orang Asli untuk mengangkat martabat bahasa ibunda mereka, di samping memperkenalkan kepada dunia tentang keunikan bahasa tersebut. **DB**

Pensyarah Bahasa Melayu di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh, Johor.

Meneroka Keunikan Bahasa dan Budaya Jepun



Judul : *Siri Kenali Bahasa dan Budaya Jepun (16 judul)*

Penerbit : Dewan Bahasa dan Pustaka

Tahun : 2023

Harga : RM18.00 – RM30.00

Lebih menarik lagi, masyarakat Jepun amat mengutamakan dan menyanjung budaya mereka. Kebanyakan destinasi pelancongan di Jepun masih memelihara budaya masyarakat Jepun dengan memaparkan bangunan lama dan cara hidup masyarakat Jepun. Himeji Castle contohnya ialah sebuah kota lama yang masih dipulihara hingga kini dan kota ini diiktiraf sebagai Warisan Dunia oleh UNESCO.

Selain itu, orang Jepun amat menghormati budaya dan agama lain. Sebagai contoh, terdapat beberapa buah hotel di Jepun yang menyediakan makanan halal serta peralatan solat di dalam bilik hotel. Oleh itu, umat Islam yang berkunjung ke Jepun akan berasa teruja untuk melawat masjid di Jepun. Antara masjid yang tertua di Jepun dan masih berdiri teguh termasuklah Masjid Kobe. Sebenarnya banyak tempat menarik yang wajib dilawati apabila sudah

Banyak antara kita yang suka melancong ke luar negara turut menasarkn negara Jepun sebagai destinasi impian yang wajib dilawati. Jepun ialah negara yang sering menarik perhatian pelancong dari seluruh dunia untuk mengunjunginya. Hal ini dikatakan demikian kerana keunikan budaya dan disiplin rakyat Jepun yang luar biasa, selain faktor tarikan Jepun sebagai negara yang kaya dengan keindahan alam semula jadi dan terkenal dengan kehebatan teknologi pintarnya. Ada yang berkunjung ke Jepun untuk makan angin, tidak kurang juga yang mengikut program yang disusun oleh agensi pelancongan, selain ada pula yang datang ke sana kerana mengikuti program pertukaran pelajar atau pekerja.

Jepun merupakan negara empat musim yang mengalami musim panas, musim luruh, musim salji dan musim bunga. Setiap musim di Jepun mempunyai tarikan dan kelebihan yang tersendiri. Musim bunga merupakan antara musim yang menjadi tumpuan pelancong kerana banyak orang yang ingin melihat bunga sakura yang hanya muncul setahun sekali.



tiba Jepun. Dari Tokyo, Kyoto hinggalah Osaka, semua destinasi ini menawarkan pelbagai tarikan yang menarik. Tokyo terkenal dengan lokasi yang menarik seperti Tokyo Disneyland, Tokyo DisneySea, Harajuku Akahabara, Shibuya, manakala Osaka pula terkenal dengan Shinsaibashi, Universal Studio, Kaiyukan, dan lain-lain lagi.

Sehubungan dengan itu, dengan peningkatan jumlah rakyat Malaysia yang melancong ke Jepun saban tahun, bahan rujukan tentang bahasa dan budaya Jepun mempunyai permintaan yang agak tinggi. Semasa berada di negara matahari terbit ini, keperluan untuk berkomunikasi dengan orang tempatan tidak dapat dielakkan. Sedikit banyak pengetahuan bahasa Jepun amat berguna dan dapat membantu serta memudahkan segala urusan selama berada di negara tersebut.

Oleh hal yang demikian, Siri Kenali Bahasa dan Budaya Jepun yang mengandungi 16 judul yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka amat signifikan untuk dimiliki oleh bakal pelancong ke Jepun. Siri ini mengandungi frasa berguna yang amat menarik yang ditulis mengikut pelbagai situasi, lengkap dengan coretan tentang Jepun dan lukisan yang mudah serta menarik.

Siri ini juga merupakan bahan bacaan ringan yang sesuai untuk digunakan oleh para pelajar sekolah menengah di seluruh Malaysia yang mengambil kelas bahasa Jepun sebagai mata pelajaran bahasa asing. Menerusi buku ini, pelajar dapat meniru cara orang Jepun bercakap dalam pelbagai situasi. Selain itu, buku ini berfaedah kepada para pelajar Jepun yang belajar bahasa Melayu. Siri ini diharapkan berupaya membantu pembaca semasa berada di Jepun dan dapat menyemai sikap suka membaca dan belajar bahasa asing dalam jiwa rakyat Malaysia.

Faridah Mohamed sebagai penulis 16 judul dalam siri ini memuatkan frasa yang mudah dan menarik dalam pelbagai situasi dengan mengutamakan penggunaan bahasa lisan. Setiap frasa bahasa Jepun bukan sahaja ditulis dalam tulisan Kanji dengan bacaan kanjinya dalam tulisan Hiragana, bahkan ditulis juga dalam tulisan Rumi untuk memudahkan dan membolehkan sesiapa sahaja menggunakannya. Kosa kata bahasa Jepun yang perlu dipanjangkan sebutannya telah ditandakan dengan tanda

sempang di atas suku kata huruf yang berkenaan.

Di samping itu, diselitkan juga coretan ringkas kisah benar di Jepun sebagai maklumat tambahan bagi mereka yang akan berkunjung ke Jepun. Coretan ringkas ini tidaklah disampaikan secara akademik yang perlu dilengkapkan dengan data dan graf tetapi coretan ringkas ini bertujuan untuk memberikan maklumat asas kepada mereka yang belum pernah melangkah kaki ke negara matahari terbit ini. Coretan ini ialah hasil pemerhatian penulis dan berdasarkan pengalaman hidupnya selama lebih kurang tiga puluh tahun mengajarkan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di Jepun.

Enam belas judul buku yang tersenarai dalam siri ini ialah *Cuti, Keluarga, Kerja, Sekolah, Membeli-belah, Salun Kecantikan, Stesen, Cinta, Keluar Makan, Hospital, Hotel, Orang Asing, Pujian dan Cacian, Urus Niaga, Kata Ucapan dan Universiti*. Setiap

buku dalam siri ini juga dilengkapi dengan senarai kosa kata, iaitu kamus mudah bahasa Melayu–bahasa Jepun dan bahasa Jepun–bahasa Melayu untuk meningkatkan kosa kata para pembaca. Kosa kata bahasa Jepun ditulis

dalam huruf Hiragana, huruf Kanji dan huruf Rumi. Daftar kata ini amat berguna kepada rakyat Malaysia yang ingin belajar bahasa Jepun dan juga rakyat Jepun yang cuba untuk menguasai bahasa Melayu. Lukisan yang diselitkan di halaman tertentu pula dapat memberikan gambaran secara umum akan cita rasa orang Jepun dan keadaan di negara Jepun tersebut sebagai maklumat tambahan kepada pembaca. **DB**



Masaya Akong Makilala Ka

Kamusta ka? Masaya akong makilala ka. Ang pangalan ko ay Liza. Dengan hanya sedikit ucapan pengenalan sebegini (Apa khabar? Selamat berkenalan. Nama saya Liza), tentunya anda akan lebih teruja untuk belajar lebih banyak tentang bahasa Tagalog yang banyak digunakan oleh masyarakat Filipina. Kini tiada masalah untuk anda belajar banyak perkara tentang bahasa ini sama ada melalui buku, kelas tuisyen, YouTube atau pelantar media sosial yang lain. Minat dan kesungguhan untuk mempelajari bahasa ini disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya termasuklah bagi memudahkan aktiviti melancong, menonton filem tempatan dan bagi mengetahui dengan lebih mendalam tentang warisan dan budaya setempat.

Jika anda merancang untuk bercuti ke negara Filipina, tiada salahnya jika anda mempelajari asas bahasa negara ini walaupun secara ringkas demi menambahkan ilmu dan meluaskan pengetahuan. Sebagai pelancong, pastinya usaha yang sedikit ini jika dilakukan anda boleh berkomunikasi dalam bahasa seharian penduduk tempatan apabila berada di sana. Secara tidak langsung, anda mungkin beroleh kawan baharu. Siapa tahu, bukan?



Pakar bahasa membuat kesimpulan bahawa leluhur bangsa Tagalog berasal dari bahagian timur laut Mindanao atau bahagian timur Visayas.

Ayuh kenali bahasa negara Filipina! Negara ini memiliki tiga bahasa rasmi, iaitu bahasa Filipina (Filipino), bahasa Inggeris, dan bahasa Sepanyol. Filipino ialah nama kolektif untuk pelbagai dialek Tagalog yang saling difahami. Bahasa Inggeris pula secara amnya merupakan bahasa di sektor perniagaan dan kebanyakannya digunakan sebagai bahasa tambahan, manakala bahasa Sepanyol kekal sebagai bahasa ibunda di beberapa kawasan terpencil. Oleh sebab banyak bahasa dan dialek serantau, bahasa Filipino berfungsi sebagai bahasa komunikasi, memainkan peranan yang serupa dengan bahasa Hindi di India. Kebanyakan orang Filipina sangat fasih dalam tiga, empat atau lebih bahasa.

Bahasa Tagalog digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian masyarakat Filipina, terutamanya sebagai bahasa ibunda. Bahasa ini juga digunakan dalam urusan pendidikan, perniagaan dan media

massa. Walaupun bahasa Inggeris banyak digunakan di Filipina, bahasa Tagalog tetap menjadi bahasa yang paling banyak digunakan dan diterima oleh masyarakat. Pakar bahasa membuat kesimpulan bahawa leluhur bangsa Tagalog berasal dari bahagian timur laut Mindanao atau bahagian timur Visayas. Kali pertama bahasa Tagalog mencapai status bahasa rasmi ialah pada tahun 1897 selepas pengenalan Perlembagaan Biak Na Bato. Mulai tahun 1940, bahasa Tagalog mulai diajarkan di sekolah seluruh Filipina dan sejak tahun 1987 pula dikenal dengan nama Filipino.

Oleh sebab mempunyai gabungan kosa kata daripada pelbagai negara, bahasa Tagalog begitu unik. Dari segi sebutan, mungkin bunyinya serupa dengan bahasa Sepanyol tetapi ada beberapa perkataan



umumnya dialek Tagalog menjadi dialek utara, tengah (termasuk Manila), Selatan dan Marinduque. Daripada kesemua dialek Tagalog ini, hanya dialek Marinduque yang paling sukar difahami kerana mendapat pengaruh daripada bahasa-bahasa Visayas.

Pada mulanya, bahasa Tagalog ditulis dengan huruf Baybayin atau juga disebut sebagai Alibata, yang berakar daripada huruf Brahmi dan terdiri daripada 17 huruf, iaitu tiga huruf hidup dan 14 huruf mati seperti a, iI, u, ka, nga, ta, da, na, pa, ba, ma, ya, la, wa, sa dan ha. Bukti ini ditemukan oleh para penjajah Sepanyol pada abad ke-16.

Dari segi fonologi, bahasa Tagalog mempunyai 26 fonem, iaitu 21 huruf hidup dan lima huruf vokal, iaitu a, e, i, o dan u. Sistem tatabahasanya juga mudah, iaitu setiap sukatan pelajarannya terdiri daripada sekurang-kurangnya satu vokal dan satu huruf. Lope K. Santos, seorang ahli bahasa memperkenalkan 20 abjad baharu yang disebut sebagai "Abakada" dalam buku tatabahasa untuk murid sekolah yang bertajuk *Balaril*. Dalam *Balaril*, huruf tersebut terdiri daripada A, B, K, D, E, G, H, I, L, M, N, Ng, O, P, R, S, T, U, W dan Y.

Pada tahun 1976, huruf Abakada diperluas dengan menambah huruf C, Ch, F, J, Q, RR, V, X dan Z untuk menampung perbendaharaan kata yang berasal daripada bahasa Inggeris dan Sepanyol. Kemudian, pada tahun 1987, terdapat pembaharuan ejaan dengan

pengurangan huruf Tagalog, iaitu daripada 33 huruf kepada 28 huruf, iaitu A, B, C, D, E, F, G, H, I, J, K, L, M, N, Ñ, O, P, Q, R, S, T, U, V, W, X, Y dan Z.

Yang berikut beberapa kata dan ayat dasar yang mudah untuk diingati oleh pembaca, iaitu:

| Bil. | Bahasa Tagalog | Bahasa Melayu |
|------|-----------------------------|-----------------|
| 1. | <i>Magandang umaga</i> | Selamat pagi |
| 2. | <i>Magandang gabi</i> | Selamat malam |
| 3. | <i>Ano ang pangalan mo?</i> | Siapa namamu? |
| 4. | <i>Salamat</i> | Terima kasih |
| 5. | <i>Paalam</i> | Selamat tinggal |
| 6. | <i>Walang anuman</i> | Sama-sama |
| 7. | <i>Mahal kita</i> | Saya cinta kamu |
| 8. | <i>Ako</i> | Aku |
| 9. | <i>Ikaw</i> | Engkau |
| 10. | <i>Kami</i> | Kami |
| 11. | <i>Siya</i> | Dia |
| 12. | <i>Sila</i> | Mereka |
| 13. | <i>Ano?</i> | Apa? |
| 14. | <i>Bakit?</i> | Mengapa? |
| 15. | <i>Sino?</i> | Siapa? |

pinjaman daripada bahasa Sanskrit. Bahasa ini juga meminjam kata bilangan daripada bahasa Sepanyol akibat penjajahan Sepanyol selama 333 tahun (tahun 1565-1898) ke atas Kepulauan Filipina. Namun begitu, ada juga perkataannya yang mirip dengan bahasa Melayu, bahasa Indonesia, bahasa Inggeris, bahasa Hokkien dan bahasa Arab.

Buku pertama yang ditulis dalam bahasa Tagalog ialah *Doctrina Cristiana (Doktrin Kristian)*, yang ditulis pada tahun 1593 dalam bahasa Sepanyol. Buku ini mempunyai dua versi bahasa Tagalog, iaitu dalam tulisan Baybayin dan Latin (Rumi). Bahasa Tagalog mempunyai tatabahasa berpolakan bahasa Filipina, iaitu kata kerja terletak di depan ayat, subjek dan objek. Sistem ini juga serupa dengan bahasa di Pulau Borneo (bahasa Kadazandusun), di Kepulauan Filipina (bahasa Suluk, bahasa Cebuano dan bahasa Ilokano) dan di Pulau Taiwan (bahasa Amis).

Bahasa Tagalog terbahagi kepada beberapa dialek seperti dialek Lubang, Manila, Marinduque, Bataan, Batangas, Bulacan, Tanay-Paete dan Tayabas. Namun begitu, secara

Perkataan yang Jarang-jarang Didengar dalam Belanjawan 2024 Curi Tumpuan

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim sekali lagi mencuri tumpuan masyarakat Malaysia apabila menggunakan beberapa patah perkataan dalam bahasa Melayu yang jarang-jarang didengar atau digunakan orang umum semasa pembentangan Belanjawan 2024 baru-baru ini.

Pada tahun lepas, beliau telah memperkenalkan dan mempopularkan beberapa patah perkataan dalam bahasa Melayu seperti "ketimbang", "purbasangka", "kesenjangan", dan "dasawarsa" kepada masyarakat Malaysia. Bahkan, selepas tular, semakin banyak individu yang menggunakan perkataan dasawarsa dalam tulisan masing-masing.

Semasa pembentangan Belanjawan 2024 baru-baru ini, terdapat sekurang-kurangnya lapan perkataan yang jarang-jarang didengar atau digunakan oleh rakyat Malaysia telah digunakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim. Antaranya termasuklah "arcapada" dan "arakan", yang bukan sahaja menarik perhatian sidang dewan bahkan masyarakat yang sedang menonton pembentangan tersebut secara langsung. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, marcapada bermaksud dunia masa ini, sementara arakan pula bermaksud maka atau sesudah itu.

Selain dua perkataan tersebut, Perdana Menteri turut menggunakan perkataan seperti mahsul, kesenjangan, sementelahan dan walhasil, yang juga antara perkataan menarik dan jarang-jarang digunakan secara formal oleh masyarakat umum.

Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat*, mahsul bermaksud hasil atau pendapatan, kesenjangan pula bermaksud ketidakseimbangan, sementelahan bermaksud tambahan pula dan walhasil pula bermaksud kesimpulannya.

Beliau juga menggunakan perkataan "taakul" yang bermaksud membuat pertimbangan atau penilaian dan "intiha" yang membawa maksud penutup atau penghabisan dalam pembentangan tersebut.

Selain itu, beliau turut mengulangi tiga lagi perkataan yang pernah digunakannya pada belanjawan sebelum ini seperti "ketimbang", "maha kaya" dan "kendatipun". Walaupun ada yang berpendapat, Perdana Menteri perlu menggunakan bahasa yang lebih mudah difahami tetapi sebenarnya itulah yang menjadi antara identiti beliau sejak dilantik sebagai Perdana Menteri pada tahun lalu. **DB**

**AMIRAH SYAZWANI BADEROL SHAM,
ALOR SETAR, KEDAH.**



Himpunan Kata-kata yang Sesuai untuk Rima Pantun

Pantun merupakan hasil kreatif orang Melayu sejak zaman silam yang amat bernilai dan melambangkan kebijaksanaan serta keintelektualan yang tinggi dalam nilai sasteranya. Pantun mengandungi jiwa, rasa, kebijaksanaan, keadilan dan budi bahasa orang Melayu. Sehubungan dengan itu, penciptaannya yang sedemikian menuntut sikap berdisiplin dan bukan secara sewenang-wenang atau sambil lewa.

Pengkarya atau pengarang perlu berhadapan dengan proses kepengarangan yang menuntut supaya mematuhi rima (hujung dan tengah), mencipta ritma (jeda, aliterasi, asonansi dan perulangan), mengawal dan menyusun baris, menyukat suku kata, memilih pembayang, merenung idea dan seterusnya memastikan kaitan antara idea dengan metafora.

Oleh yang demikian, untuk menghasilkan pantun yang baik, masih ramai lagi yang menghadapi masalah tersebut. Menurut penulis buku ini, iaitu Siti Zaleha M. Hashim, pengarang pantun bukan sahaja sukar memikirkan pembayang maksud, malah sukar mencari rima yang sesuai untuk menghasilkan pantun yang indah kerana keterbatasan kata-kata. Sehubungan dengan itu, beliau mengambil inisiatif untuk membantu pengarang pantun dengan menghasilkan buku *Irama Rima untuk Pantun* yang memuatkan lebih daripada 9,000 patah perkataan sebagai rujukan.

Rima dalam buku ini disusun mengikut abjad daripada huruf A hingga Z, diikuti oleh diftong /ai/, /au/ dan /oi/ bagi memudahkan rujukan dan mempercepat pencarian. Penyediaan senarai perkataan dalam buku ini boleh digunakan sebagai cadangan untuk mendapatkan bunyi yang sama sebagai pilihan untuk rima pantun. Buku ini menyediakan rima untuk pantun empat kerat atau empat baris kerana paling diminati oleh orang ramai.

Menurut penulis buku ini, ada penjelasan tentang rima, iaitu rima akhir, rima tengah, rima awal dan rima pada setiap perkataan dan kedudukannya dalam pantun yang mengandungi beberapa contoh pantun. Rima ialah suku kata terakhir dalam sesuatu baris atau persamaan bunyi di hujung baris. Pantun mempunyai skema rima yang tetap, iaitu rima akhirnya a/b/a/b dengan sedikit variasi, a/a/a/a. Namun begitu, ada juga rima dengan pola a/b/a/b pada awal dan bahagian tengahnya baris pantun. Rima yang cantik menjadikan pantun yang dicipta indah dan bermutu tinggi.



| | |
|--------------|----------------------------------|
| Tajuk | : <i>Irama Rima untuk Pantun</i> |
| Penulis | : Siti Zaleha M. Hashim |
| Harga | : RM20.00 |
| Terbitan | : Dewan Bahasa dan Pustaka |
| Tahun Terbit | : 2023 |

Sementara itu, vokal dan konsonan berkaitan dengan rima. Menurut buku *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia*, terdapat enam fonem atau bunyi vokal baku dalam bahasa Melayu, iaitu a, e, i, o dan u. Huruf e digunakan untuk melambangkan dua fonem, iaitu fonem e pepet dan fonem e taling. Huruf e pepet dikenal sebagai huruf e bertanda di atas. Bunyi vokal inilah yang dicari oleh pengarang atau pencipta pantun untuk disesuaikan dengan rima perkataan yang dipilih. Selain itu, penulis buku ini juga



menjelaskan tentang penggunaan diftong dan huruf konsonan secara ringkas bagi memudahkan pemahaman pembaca.

Dalam bahasa Melayu, ada tiga fonem diftong yang dilambangkan oleh tiga pasang huruf vokal, iaitu /ai/, /au/ dan /oi/. Yang berikut menunjukkan dua pantun yang mengandungi diftong tersebut.

Asap api embun berderai,

Patah galah haluan perahu;

Niat hati tak mahu bercerai,

Kehendak Allah siapa yang tahu.

Angin ribut kencang di pulau,

Sampai kecil ditimba ruang;

Sementara hidup kita bergurau,

Sudah mati tinggal seorang.

Dalam bahasa Melayu juga mengandungi 25 fonem konsonan yang dilambangkan oleh 26 huruf konsonan. Penulis buku ini memberikan kefahaman kepada pembaca dengan menyediakan beberapa contoh fonem dan perkataan. Contohnya, fonem /h/ huruf h dan fonem /s/ huruf s dapat dilihat dalam pantun di bawah, iaitu:

Buah berangan masaknyanya merah,

Kelekat dalam perahu;

Luka di tangan nampak berdarah,

Luka di hati siapa yang tahu.

Orang Melayu naik perahu,

Sedang berdayung hujan gerimis;

Hancur hatiku adik tak tahu,

Mulut tertawa hati menangis.

Secara keseluruhannya, buku ini sangat menarik dan membantu serta memudahkan pengarang atau pencipta pantun mencari rima yang sesuai untuk pantun ciptaannya. Semoga melalui penerbitan buku ini, para pembaca terutamanya generasi akan datang memperoleh manfaat dan seterusnya memelihara pantun agar kekal malar segar sepanjang zaman. **DB**

| BIL. | ISTILAH SUMBER | ISTILAH SASAR | EJAAN JAWI | BIDANG | HURAIAN |
|------|-------------------------------------|-------------------------|------------------------|-----------------------|--|
| 1. | <i>friction catch</i> | pencengkam geser | ڤنچنگكهم كچنڤر | Kesenian | Alat yang dipasang pada pintu kabinet atau almari supaya rapat apabila ditutup. |
| 2. | <i>coopetition</i> | kerjasama pesaing | كرجاسام غسڤڤڤڤ | Perniagaan | Amalan antara syarikat yang bersaing di pasaran dalam bekerjasama secara strategik seperti berkongsi sumber sedia ada untuk mengurangkan kos bagi mencapai hasil dan keuntungan bersama. |
| 3. | <i>malicious software (malware)</i> | perisian hasad | ڤرڤسڤڤون حاسد | Teknologi Maklumat | Perisian yang direka bentuk untuk memusnahkan sistem komputer tanpa pengetahuan pemilik komputer. |
| 4. | <i>cardiac arrest</i> | pegun jantung | ڤكون جنتوء | Perubatan | Keadaan apabila terhentinya fungsi jantung tanpa denyutan jantung dan tekanan darah. |
| 5. | <i>spur</i> | taji | تاجي | Kejuruteraan | Litar tambahan yang disuap daripada litar gelang utama. |
| 6. | <i>dumpster diving</i> | selongkar tong sampah | ڤلوعنگكر تونغ سمڤه | Alam Sekitar | Amalan mencari sisa makanan terbuang yang masih elok atau mengitar barangan yang masih boleh digunakan atau berharga. |
| 7. | <i>sadfishing</i> | pancing simpati | ڤنچڤڤڤڤڤ سمڤاطڤ | Psikologi | Tindakan seseorang yang melebih-lebihkan hantaran di media sosial tentang masalah emosinya untuk meminta simpati. |
| 8. | <i>heart failure</i> | kegagalan jantung | ككڤڤڤڤڤن جانتوء | Perubatan | Keadaan apabila jantung tidak berupaya untuk mengepam darah secukupnya ke bahagian lain tubuh. |
| 9. | <i>off-price retailing</i> | peruncitan harga rendah | ڤرولڤچڤڤڤڤڤن هڤرگ رنڤه | Perniagaan | Jualan barang kepada pengguna terutamanya barang berjenama dengan harga yang jauh lebih rendah daripada harga sebenar. |
| 10. | <i>stir fry</i> | goreng kilas | كولڤڤڤڤڤڤ كملس | Makanan dan Pemakanan | Kaedah memasak makanan dengan cepat menggunakan minyak atau lemak yang sedikit pada suhu yang tinggi. |



LEBIH 120 RIBU ENTRI DAN SUBENTRI MERANGKUMI
KATA UMUM, ISTILAH, DIALEK DAN KATA BAHASA SERUMPUN.

SUMBER DARIPADA 113 JUTA KATA
DALAM KORPUS DBP.



DISKAUN
10%

~~RM 200.00~~

RM180.00

DAPATKAN SEGERA MELALUI DBPNIAGA.MY ATAU DI KEDAI BUKU DBP!



Majalah Terbaik DBP



@DBPMalaysia

JendelaDBP